

Bil. 7

**Selasa
26 Mac 2024**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Di Bawah Peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5)	(Halaman 1)
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 1)
USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG - <i>Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof</i>	(Halaman 26)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Mutang Tagal [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]
4. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
5. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
6. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
7. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker
8. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
9. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
10. “ Datuk Razali Bin Idris
11. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
12. “ Tuan Manolan bin Mohamad
13. “ Dato’ (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
14. “ Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol
15. “ Datin Ros Suryati binti Alang
16. “ Dato’ Dr. Nelson A/L Renganathan
17. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
18. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
19. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan
20. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
21. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
22. “ Dato’ Sivaraj a/l Chandran
23. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
24. “ Tuan Abun Sui Anyit
25. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
26. “ Puan Noorita binti Sual
27. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
28. “ Tuan Pele Peter Tinggom
29. “ Dato’ Haji Husain bin Awang (Terengganu)
30. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail. (Terengganu)
31. “ Datuk Haji Aziz bin Ariffin
32. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
33. “ Dato’ Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
34. “ Dato’ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)

AHLI HADIR (samb/-)

35. Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
36. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)
37. “ Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)
38. “ Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)
39. “ Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)
40. “ Dato’ Ajis bin Sitin (Pahang)
41. “ Dato’ Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
42. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
43. “ Dato’ Abdul Halim bin Suleiman (Johor)
44. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
45. “ Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)
46. “ Datuk Noraini binti Idris (Sabah)
47. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong
48. “ Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
49. “ Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
50. “ Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
51. “ Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)
52. “ Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
53. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
54. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan)

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
3. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
5. “ Puan Susan Chemeraí Anding
6. “ Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
2. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
3. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu [Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Raja)
2. “ Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan [Menteri Luar Negeri] (Rembau)
3. “ Dato Sri Alexander Nanta Linggi [Menteri Kerja Raya] (Kapit)
4. “ Datuk Ewon Benedick [Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Penampang)
5. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Menteri Komunikasi dan Digital] (Lembah Pantai)
6. “ Datuk Armizan bin Mohd Ali [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Papar)
7. “ Datuk Aaron Ago Dagang [Menteri Perpaduan Negara] (Kanowit)
8. “ Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
9. “ Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Sepang)
10. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Pontian)
11. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
12. “ Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi] (Kulai)
13. “ Dato' Mohammad Yusof bin Apdal [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Lahad Datu)
14. “ Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Parit Sulong)
15. “ Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)
16. “ Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi)
17. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
18. “ Tuan Adam Adli bin Abd Halim [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Hang Tuah Jaya)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Muhamad Zamani bin Mohd Ali

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Aizafasya binti Zainal

Nur Aliya binti Mustaz

Adele Beatrice anak Rabeng

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Maryam binti Azinuddin
Azmir bin Mohd Salleh	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Nurul Syakirah binti Ibharim
Nor Kamsiah binti Asmad	Suhaila binti Sariffuddin
Aifarina binti Azaman	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Noorfazilah binti Talib	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Julia binti Mohd. Johari	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Anisah Sahirah binti Hamzah
Ismalinda binti Ismail	Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif
Amir Arshad bin Ab Samad	Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Shazryn bin Mohd Faizal
Muhammad Firdaus bin Ahmad	Sharon Eugena Jack Aman
Izzul Syazwan bin Abdul Halim	Mulyati binti Kamarudin

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Selasa, 26 Mac 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

DI BAWAH PERUNTUKAN PERATURAN MESYUARAT 11(5)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditempokkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai giliran Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menjawab ke atas Usul Menjunjung Kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 27 Mac 2024.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

1. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta Perdana Menteri menyatakan, adakah usaha yang telah dan akan dilakukan untuk memperkasakan bidang kuasa dan menyeragamkan Mahkamah Syariah di seluruh negeri berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan undang-undang sedia ada.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dr. Zulkifli bin Hasan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Sebagaimana yang kita- semua sedia maklum Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa perundangan syariah adalah terletak di bawah Sultan atau Raja setiap negeri. Manakala bagi negeri-negeri yang tidak beraja adalah di bawah kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebarang usaha untuk memperkasakan bidang kuasa dan menyeragamkan Mahkamah Syariah seluruh negara perlulah mendapat kerjasama, pandangan dan persetujuan daripada pihak berkuasa negeri-negeri.

Kerajaan amat peka dan sememangnya mengambil langkah-langkah yang serius dalam memperkasa pentadbiran Mahkamah Syariah selaras dengan Fasal 1, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan usaha-usaha ke arah penyeragaman undang-undang dan pentadbiran kehakiman syariah antara negeri-negeri melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Kerajaan melalui JKSM sebagai agensi Persekutuan yang bertindak sebagai badan penyelarasan antara negeri akan mewujudkan ekosistem secara menyeluruh ke arah pemantapan perkhidmatan Mahkamah Syariah. Buat masa ini terdapat usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh JKSM.

- (i) melibatkan urusan pendaftaran kes iaitu dengan menilai semula prosedur pembicaraan ke arah mempercepatkan penilaian sesuatu kes, dalam masa yang sama JKSM giat menumpukan kepada penyelesaian sesuatu pertikaian kes melalui medium alternatif seperti *sulh*, hakam, dan mediasi;
- (ii) melibatkan pembangunan fizikal dan infrastruktur Mahkamah Syariah termasuklah pembangunan ICT bagi melicinkan sistem pentadbiran;
- (iii) meningkatkan kemahiran personel Mahkamah-mahkamah Syariah melalui program-program latihan yang dianjurkan oleh Bahagian Latihan JKSM;
- (iv) mewujudkan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia dalam usaha meningkatkan kompetensi hakim dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah;
- (v) sistem penyampaian perkhidmatan ditingkatkan bagi mempercepatkan penyelesaian kes dan kelancaran pengurusan pentadbiran Mahkamah melalui inovasi sistem e-Syariah dan e-Faraid;
- (vi) pentadbiran pengurusan kes diseragamkan melalui kaedah arahan amalan, garis panduan prosedur operasi standard; dan
- (vii) menambahbaikkan operasi dan perkhidmatan sokongan keluarga oleh Bahagian Sokongan Keluarga.

Selain itu, kerajaan juga menubuhkan Jawatankuasa Khas Penyelarasan Pindaan Undang-undang Syariah mulai tahun 2021 dan jawatankuasa ini berperanan sebagai penyelarasan dan pemantau bagi aktiviti pindaan undang-undang syariah yang dilakukan oleh JKSM seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang berusaha ke arah menaik taraf Mahkamah Syariah daripada tiga peringkat kepada empat peringkat. Dalam hal ini bagi memastikan penyeragaman hierarki Mahkamah Syariah di setiap negeri. Kerajaan akan terus dan mempergiatkan lagi rundingan dengan negeri-negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) atau RUU355, kerajaan sedang dan akan mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh. Beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan telah pun dibuat untuk mendapatkan pandangan terhadap pindaan yang dicadangkan.

Cadangan pindaan ini akan dibentangkan dalam MKI dan Majlis Raja-Raja (MRR) untuk diperkenankan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Oleh itu, diharap semua pihak bersabar dan memberi ruang kepada jawatankuasa khas untuk melaksanakan kajian dan seterusnya mengesyorkan cadangan dan pandangan mereka terhadap semua yang berbangkit.

Buat pengetahuan Yang Berhormat, kita juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kompetensi Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri Menggubal Undang-undang Islam dan kita doakan moga-moga jawatankuasa khas ini dapat menyediakan satu laporan cadangan yang tuntas untuk menangani isu yang sekian lama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan YB Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mengikut laporan akhbar pada 24 Mac 2024, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa sesi libat urus antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berhubung penambahbaikan kepada Akta 355 telah selesai.

Mohon Yang Berhormat beri penjelasan mengenai sesi libat urus tersebut dan kami difahamkan ada di negeri-negeri dan jabatan berkaitan tidak mendapat maklumat dan tidak dijemput mengenai libat urus tersebut.

■1010

Saya juga mohon Menteri memberi penjelasan mengenai keputusan dasar pada Oktober tahun 2022 mengenai pindaan kepada RUU 355. Jadi, mohon Menteri jelaskan keputusan Kabinet terkini mengenai RUU tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Zulkifli bin Hasan: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) ataupun RUU 355. Buat pengetahuan semua, sebenarnya mengikut kepada latar belakang akta ini, RUU 355 ini sebenarnya ia telah pun diusahakan oleh kerajaan terdahulu. Namun begitu, apabila Kerajaan Madani, Kerajaan Perpaduan mengambil pemerintahan, kerajaan dan juga- telah pun membuat keputusan untuk melibatkan libat urus dengan semua *stakeholders* yang terlibat. Maka, apa yang telah dilakukan adalah dengan melakukan libat urus dengan negeri-negeri.

Jadi, sekiranya ada mana-mana- kami telah pun melakukan, telah selesai pada Disember lalu libat urus dengan negeri-negeri. Sekiranya ada negeri-negeri khusus Yang Berhormat dapat maklumat, maka boleh serahkan kepada kami untuk kami semak dan juga kita boleh teruskan libat urus sekiranya tidak ada.

Namun begitu, kita telah pun selesai libat urus dengan negeri-negeri. Kedua, setelah selesai libat urus dengan negeri-negeri, kita akan bawa kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MKI). Selepas itu, kita akan bawa kepada Majlis Raja-Raja. Itu lah prosesnya yang kerajaan sebelum ini tidak lakukan dan ini proses yang sangat penting kerana ia perlu melalui proses MKI dan MRR.

Bagi soalan yang seterusnya iaitu berkaitan apakah dasar yang telah dibuat. Maka, saya ingin tegaskan sekali lagi di sini bahawa setelah ditubuhkan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk Menggubal Undang-undang Islam, maka jawatankuasa khas ini diharapkan dapat menyediakan satu penyelesaian yang tuntas dan kerajaan komited untuk melihat laporan ini dan cuba melaksanakannya.

Pada waktu ini, mungkin saya maklumkan di sini adalah Jawatankuasa Khas itu bermesyuarat mingguan dan telah pun membuat satu pelaporan awal kepada MKI. Oleh itu, saya ingin menegaskan kepada semua bahawa secara umumnya bukan sahaja RUU 355 yang akan dilaksanakan. Namun begitu, kerajaan juga sedang merancang untuk meluluskan ataupun untuk membentangkan RUU Akta Mahkamah Syariah iaitu Akta Mahkamah Syariah untuk memastikan bahawa Mahkamah Syariah akan mempunyai empat *tier* di mana ia akan memperkasakan Mahkamah Syariah itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Haji Aziz bin Ariffin: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Aziz bin Ariffin.

Datuk Haji Aziz bin Ariffin: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Seperti yang kita sedia maklum bahawa pembangunan sistem e-Kehakiman di Mahkamah Sivil dilaksanakan secara berperingkat bermula dari tahun 2010 untuk penyingkiran proses kerja mahkamah. Bagi memperkasakan pentadbiran Mahkamah Syariah pula, sejauh manakah Mahkamah Syariah akan mewujudkan satu sistem untuk kemudahan pengguna dan juga pihak-pihak di Mahkamah Syariah? Terima kasih.

Dr. Zulkifli bin Hasan: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Bagi memperkasakan pentadbiran Mahkamah Syariah, kerajaan telah mewujudkan satu sistem yang dinamakan e-Syariah untuk kemudahan pengguna ataupun pihak-pihak Mahkamah Syariah. e-Syariah ialah projek elektronik kerajaan yang ketujuh di bawah aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia.

Ia merupakan sistem pengurusan kes yang bersepadu mengintegrasikan semua proses yang terlibat dalam pengadilan kes-kes mahkamah syariah. e-Syariah telah membawa perubahan dan pembaharuan kepada operasi Mahkamah Syariah. Pada September 2022, JKSM telah menyediakan perkhidmatan e-Syariah versi baharu versi tiga dengan menambah baik sistem yang lebih mudah untuk di akses oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Seterusnya, sistem ini juga turut menyediakan perkhidmatan *e-Filing* kepada peguam syarie dan modul ini melibatkan pendaftaran kes secara dalam talian bagi memudahkan peguam syarie mendaftarkan kes tanpa perlu hadir ke mahkamah. Kini, pengurusan kes secara dalam talian melalui sistem e-Syariah di bawah modul *e-Review* juga disediakan dan modul ini membolehkan proses semakan, perbincangan dan pengurusan kes di antara pendaftar mahkamah dan peguam syarie dibuat secara dalam dan direkodkan bagi memastikan kelancaran kes.

Bagi tahun ini, saya rumuskan bagi merancang penambahbaikan sistem e-Syariah ini, kita akan mengintegrasikan e-Syariah versi tiga dengan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) dan juga pelancaran modul SPSS dan *e-Filing* bagi peguam syarie seluruh Malaysia termasuk penambahbaikan modul e-Nafkah melibatkan pembayaran balik wang pendahuluan nafkah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, saya jemput Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Boleh satu soalan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: YB ada soalan nombor 10 lagi. Kalau saya bagi YB nanti, YB tak sampai soalan nombor 10.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Oh... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

2. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apa inisiatif terkini yang dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap dasar kebersihan negara dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kawasan perumahan, bandar dan kawasan komersial kekal bersih dan teratur?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Murni binti Sabu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani... [Berselawat]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman tanggungjawab menjaga kebersihan bukan hanya terletak pada kerajaan malah semua lapisan masyarakat turut bertanggungjawab dan perlu bersama-sama menjaga kebersihan di kawasan persekitaran. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Pelan Tindakan Dasar Kebersihan Negara ataupun DKN memperincikan usaha-usaha yang wajar dilaksanakan oleh kementerian berkaitan, pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa tempatan bagi meningkatkan kesedaran rakyat tentang pentingnya pembudayaan amalan 3R- *reduce, reuse and recycle* dan penjagaan kebersihan persekitaran.

Dalam hal ini, kementerian sememangnya mengadakan sesi libat urus secara berterusan dengan pihak berkuasa tempatan dan juga pihak berkuasa negeri di seluruh negara berhubung kesedaran dan pematuhan dasar kebersihan negara.

Selain daripada itu, melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP) juga senantiasa melaksanakan program-program advokasi, komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam ataupun *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) yang berorientasikan komuniti melibatkan pihak-pihak berkepentingan seperti mana agensi kerajaan, swasta dan juga pihak bukan kerajaan (NGO).

Langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan kawasan perumahan bandar dan kawasan komersial kekal bersih dan teratur adalah yang pertamanya mewartakan peraturan-peraturan yang khusus bagi pengurusan sisa pepejal bagi sektor isi rumah dan juga sektor komersial, industri dan juga institusi (CII).

Penguatkuasaan peraturan ini adalah untuk mengawal selia pengurusan sisa pepejal di kawasan perumahan bagi aktiviti pengasingan sisa di punca dan bermula pada tahun 2015. Manakala, bagi sektor CII tadi, aktiviti pengasingan sisa di punca bermula pada tahun 2018. KPKT melalui SWCORP sebagai agensi pelaksana bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan tersebut dan KPKT yakin bahawa pengurusan sisa pepejal di sektor berkenaan akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh, bersepadu, mampan dan juga mengurangkan risiko pencemaran persekitaran.

Keduanya adalah melaksanakan pelan tindakan di bawah kluster empat DKN iaitu tadbir urus dan penguatkuasaan yang memfokuskan kepada inisiatif untuk menambah baik sistem penyampaian dan meningkatkan tahap penguatkuasaan dan pemantauan.

Ketiga adalah melaksanakan program-program advokasi awam melalui SWCORP kepada negeri di bawah Akta 672 yang juga boleh diperluaskan kepada semua PBT di seluruh negara, antaranya ada 10 program Tuan Yang di-Pertua:

- (i) Kempen *Trash to Cash*;
- (ii) Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran;
- (iii) Kempen Jangan Gunalah;
- (iv) Kempen Berani Tegur;
- (v) Kempen Buang Sampah Ke Dalam Tong Sampah;
- (vi) Pertandingan Kitar Semula khususnya di sekolah-sekolah;
- (vii) *World Cleanup Day*;
- (viii) Sukarelawan Hero Kebersihan;
- (ix) Sambutan Hari Kitar Semula; dan
- (x) inisiatif Komuniti Sifar Sisa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Soalan tambahan.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Soalan tambahan saya. Bagaimanakah kerajaan menguruskan isu pencemaran alam sekitar termasuk pengurusan sisa pepejal dan air sisa? Bagaimanakah kerajaan berfungsi dalam meningkatkan penyediaan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang lebih baik di seluruh negara? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Datuk Hajah Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat. Terima kasih atas keprihatinan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kementerian sentiasa cakna dalam mengurangkan sisa pepejal seiring dengan pertambahan penduduk dan keperluan dalam pengurusan sisa pepejal negara.

Bagi menangani isu pencemaran yang disebabkan oleh sisa pepejal yang semakin meningkat saban tahun ini Tuan Yang di-Pertua, KPKT telah pun merangka pelbagai dasar, perundangan, garis panduan dan juga pelan strategik bagi memastikan pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu dan juga- dengan kos yang lebih efektif.

KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bertanggungjawab untuk merancang dan menyediakan fasiliti pengurusan sisa pepejal yang mampan serta mengadaptasi teknologi yang terkini dalam pembangunan dan juga pengoperasian fasiliti pengurusan sisa pepejal di bawah kawal seliaannya.

■1020

Antara jenis fasiliti yang telah dibina adalah seperti pertama, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari, stesen pemindahan, kedua dan ketiga adalah loji rawatan sisa pepejal *waste-to-energy*. Seperti mana yang saya maklumkan tadi dalam jawapan asal saya adalah bahawa kita juga mengadakan program-program *public awareness* kepada semua khalayak yang juga khususnya di negeri-negeri yang telah terlibat dengan Akta 672.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dihasratkan oleh Rancangan Malaysia Kedua Belas dalam Bab 8 bagi mempercepatkan pertumbuhan hijau untuk kemapanan dan daya tahan, KPKT sebagai peneraju pengurusan sisa pepejal negara juga giat melaksanakan program-program dan inisiatif-inisiatif bagi mempercepatkan peralihan ekonomi daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitar semula. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Manolan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Timbalan Menteri adalah berkenaan dengan sampah di bandar-bandar ini. Salah satu faktor, saya tengok adalah disebabkan kekurangan tong sampah.

Jadi adakah pihak kementerian boleh memberi tong sampah secara percuma ataupun bagaimana kerjasama KPKT dengan PBT ini untuk menyediakan tong sampah yang cukup di mana kadang-kadang kita sampah yang kita pegang lama, nak cari tong sampah ini memang susah nak dapat. Jadi apa perancangan kementerian? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, untuk isu ini di peringkat KPKT khususnya, bagi negeri-negeri yang telah pun bersama menandatangani dalam Akta 672, ia adalah kerjasama erat di antara KPKT dan juga pihak berkuasa tempatan yang terlibat.

Manakala bagi negeri-negeri yang belum lagi menandatangani bersama Akta 672 seperti mana termasuklah Selangor, Pulau Pinang, contohnya Perak, mereka adalah terletak di bawah tugas pihak-pihak konsesi yang menandatangani dengan pihak berkuasa tempatan dan juga pihak berkuasa negeri. Adapun isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah isu yang memang kita maklum, tetapi ini telah pun diurus dari semasa ke semasa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

3. Tuan Roderick Wong Siew Lead minta Menteri Kesihatan menyatakan, berapa jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada Klinik Kesihatan Sarikei menerusi program Bitara MADANI dan apakah projek-projek yang akan dinaiktarafkan di klinik tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan berkenaan tentang klinik daif.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi peruntukan yang diterima melalui program Bitara MADANI, Kementerian Kesihatan Malaysia telah merancang kerja-kerja menaik taraf Klinik Kesihatan- KK Sarikei secara berfasa. Pada tahun 2023, KK Sarikei telah menerima peruntukan sebanyak RM200,000 di bawah peruntukan klinik daif bagi kerja menaik taraf sistem pendawaian elektrik. Tambahan peruntukan sebanyak RM380,000 juga diterima di bawah peruntukan BP6 bagi kerja mewujudkan laluan dan tangga kecemasan di unit kesihatan ibu dan anak, membaik pulih sistem pencegahan kebakaran dan tangki simpanan air, menurap jalan, tempat letak kenderaan, membaik pulih longkang konkrit dan kerja-kerja lain yang berkaitan.

Pada tahun lepas untuk makluman YB Senator, saya telah pun berkunjung ke Klinik Sarikei dan juga bagi tahun 2024, pelbagai kerja-kerja naik taraf akan dijalankan dengan kos kelulusan adalah sebanyak RM800,000. Kerja-kerja naik taraf yang dimaksudkan antaranya adalah seperti mengganti kemas bumbung dek logam, mengganti tingkap klinik ke jenis tingkap gelangсар, menyediakan pelantar tangki simpanan air dan sistem pam dan beberapa lagi kerja baik pulih yang berkaitan.

Saya sangat memahami kekusaran Yang Berhormat Senator berkenaan tentang klinik Sarikei yang mempunyai kedatangan pesakit-pesakit yang sangat tinggi dan juga untuk makluman Ahli-ahli Senator di dalam Dewan ini, Klinik Sarikei ini adalah telah dibina pada tahun 1984 hampir berusia 40 tahun.

Juga untuk makluman KKM sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang untuk membina Klinik Sarikei jenis dua, KK jenis dua yang baharu untuk menggantikan klinik yang sedia ada menggunakan sebahagian dari tapak Hospital Sarikei dan kini dalam proses permohonan tapak bagi menjayakan cadangan tersebut. Kita akan merancang pembinaan klinik ini untuk Rancangan Malaysia yang seterusnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan YB Roderick.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Soalan. Terima kasih atas jawapan YB Timbalan Menteri dan terima kasih juga YB Timbalan Menteri kerana telah turun padang sendiri dengan meneliti keadaan klinik ini.

Soalan tambahan saya agak melencong daripada soalan asal, tetapi masih lagi berkaitan dengan isu kemudahan kesihatan di Sarikei iaitu berkaitan dengan Hospital Sarikei. Klinik Pakar Hospital Sarikei, papan sistem anggaran kiraan elektronik sudah lama rosak dan keadaan telah membimbangkan pengurusan hospital dan juga pelawat. Saya ingin memohon agar kementerian mengambil maklum dan saya berharap pihak kementerian dapat meluluskan permohonan saya ini atau adakah kementerian mempunyai rancangan untuk membaiki fasiliti ini? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tidak mempunyai jawapan yang spesifik untuk pertanyaan tersebut. Walaupun demikian, cadangan Yang Berhormat akan saya ambil dan kita akan berhubung dengan Yang Berhormat untuk bincangkan lagi berkenaan tentang perkembangan dan juga kemajuan pembangunan yang telah dirancang oleh KKM bagi Klinik Sarikei.

Untuk makluman Yang Berhormat juga terdapat satu permintaan daripada Wakil Rakyat setempat di Hospital Sarikei berdasarkan kunjungan saya yang lepas adalah berkenaan tentang perkhidmatan ambulan dan juga perkhidmatan tersebut juga kita akan pertimbangkan untuk memberikan ambulan bagi melancarkan perjalanan pesakit-pesakit di Hospital Sarikei. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator. Tan Sri, Tan Sri ada soalan spesifik pasal Klinik Sarikei, tak?

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Ha.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak, kalau tak ada, saya tak boleh bagi Tan Sri untuk menanya soalan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Bagi luar bandar selain dari Sarikei.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak. soalan ini spesifik pada Klinik Sarikei, Tan Sri.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Okey. *Alright*, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Senator Datuk Noraini binti Idris.

Datuk Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

4. Datuk Noraini binti Idris minta Menteri Komunikasi menyatakan, mekanisme yang dilaksanakan untuk memastikan setiap penerbit filem benar-benar mendapatkan Lesen Hiburan Awam Kanak-kanak dan Orang Muda sebelum mengambil seorang kanak-kanak sebagai pelakon rentetan daripada pendedahan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berkenaan 73.13 peratus penerbit filem tidak peka terhadap keperluan permohonan lesen tersebut.

Menteri Komunikasi [Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Pihak kementerian memandang serius statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berkenaan angka 73.13 peratus penerbit filem yang tidak peka terhadap keperluan permohonan Lesen Hiburan Awam Kanak-kanak dan Orang Muda di bawah seliaan Jabatan Tenaga Kerja di Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Jika dibenarkan, saya ingin memetik beberapa angka dalam laporan tersebut. Antara lain yang menyatakan daripada 361 buah syarikat yang telah terlibat dalam soal selidik dari 8 Februari hingga 31 Disember 2023, didapati 52.9 peratus daripada syarikat itu tidak pernah memohon Lesen Hiburan Awam Kanak-kanak dan Orang Muda.

Manakala 47.1 peratus langsung tidak pasti berkenaan proses permohonan lesen tersebut. Antara lain kerana kebanyakan daripada syarikat-syarikat perfileman ini, kebiasaannya berhubung dengan pihak FINAS untuk memohon apa yang disebut sebagai Surat Perakuan Penggambaran (SPP) yang dikelola dan diuruskan di bawah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Pada waktu ini, FINAS sedang meneliti beberapa pindaan kepada Akta FINAS termasuk juga apa yang disebut sebagai Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Pelesenan Tahun 1983 untuk menambah baik. Antara lain isu mengenai kanak-kanak dan orang muda yang terlibat dalam penggambaran. Juga isu-isu yang melibatkan kebajikan bagi para seniman, veteran dan juga kru penggambaran.

Maka dipihak kementerian, satu lagi aspek yang agak merisaukan adalah tahap kesedaran di kalangan syarikat-syarikat penggambaran, maka ini akan kita jadikan salah satu kayu ukur program yang akan dilaksanakan oleh pihak FINAS untuk pastikan semua syarikat yang memohon Surat Perakuan Penggambaran (SPP) FINAS faham mengenai lesen yang perlu mereka mohon dengan JTK di bawah KESUMA. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan YB Noraini.

Datuk Noraini binti Idris: Saya tak ada soalan tambahan sebab...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan

Datuk Noraini binti Idris: ...Jawapan telah dijelaskan tadi oleh YB Menteri. Terima kasih.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua: Spesifik mengenai hal ini?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Berkaitan. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey baik Datuk Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang 73 peratus dari Jabatan Perangkaan Malaysia itu sangat membimbangkan. Tadi Menteri ada menerangkan ada program kesedaran. Soalan saya ialah pandangan daripada Menteri selain daripada kesedaran, adakah kementerian ada cadangan kepada kementerian itu ialah *combine license* bagi mengurangkan *red tape*, pada masa yang sama boleh melindungi hak dan keselamatan pelakon kanak-kanak kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya terima baik cadangan ini. Sudah pasti kerjasama yang lebih erat bukan hanya di antara FINAS dengan Jabatan Tenaga Kerja, tetapi juga di antara- sebagai contoh untuk melibatkan. Kita sudah ada platform ataupun jawatankuasa. Contohnya Jawatankuasa PUSPAL yang meneliti permohonan penggambaran dan perfileman yang melibatkan artis antarabangsa, artis luar negara.

Saya lihat tidak mustahil untuk kita teliti untuk memudah cara, untuk pastikan bukan hanya syarikat-syarikat ini mematuhi akta-akta ataupun undang-undang yang sedia ada termasuk yang melibatkan kanak-kanak dan orang muda, tetapi memudahkan dan tidak melengahkan ataupun memanjangkan proses itu. Dengan izin, *if can we like to cut down the red tape*, tetapi isu yang sebenarnya lebih penting dan mustahak untuk kita teliti di sini ialah aspek gaji yang diberi juga kepada kanak-kanak.

Jadi, ini satu perkara lagi yang mungkin saya akan minta pihak FINAS susuli supaya gaji dan pampasan yang bersesuaian supaya tidak ada aspek mengambil kesempatan terhadap para pelakon terutama yang mungkin tidak begitu mengenali ataupun mengetahui hak mereka sebagai pelakon. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput...

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak. Saya hendak terus. Saya jemput Tuan Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

5. Tuan Manolan bin Mohamad minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk menjalankan inisiatif tanaman pertanian berkelompok dan penyediaan benih tanaman kontan terutamanya di kawasan perkampungan di pedalaman bagi mengurangkan kos barang makanan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan pertanian secara berkelompok melalui dua projek iaitu Projek Pembangunan Industri Tanaman Kelapa dan Projek Pembangunan Tanaman Makanan Ternakan. Melalui projek ini, petani akan diberi insentif secara *in kind* dengan maksimum keluasan sehingga empat meter bagi tanaman kelapa dan 10 hektar bagi tanaman jagung bijian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil yang lebih ekonomi berbanding diusahakan secara individu.

Selain itu, kementerian juga telah melaksanakan usaha untuk menyediakan benih tanaman melalui Projek Pengeluaran Benih Tanaman Berkualiti yang dilaksanakan di pusat pengeluaran benih, DOA atau *Department of Agriculture* iaitu di 25 buah pusat pertanian dan ladang *outgrower* di seluruh negara di mana biji benih yang dihasilkan ini akan dibekalkan kepada petani yang terlibat dengan projek dan untuk edaran kepada komuniti.

Bagi tahun 2021 hingga 2023, jumlah pengeluaran benih dan bahan-bahan tanaman kontan di bawah pusat pertanian ini adalah sebanyak 1.74 tan metrik bagi jenis jagung manis, 7,000 keratan bagi tanaman ubi kayu dan 13,876 keratan bagi tanaman keledek. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Manolan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang sangat baik.

Soalan saya seterusnya berkenaan dengan FAMA Yang Berhormat Menteri di mana FAMA ini kita tahu ia adalah sebuah agensi yang boleh memasarkan hasil pertanian di luar bandar ini, tetapi ramai kita tengok yang membuat tanaman pertanian ini, mereka tidak dapat jual. Maka, rosak dan ada juga peraih-peraih yang mengambil harga yang terlampau rendah. Maka itu, apakah peranan FAMA-FAMA ini? Itu soalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: FAMA akan terus memainkan peranan dan kita memang menggalakkan mempertingkatkan peranan FAMA ini. Misalnya sekarang ini antara peranan FAMA supaya di antaranya edaran beras supaya kawasan-kawasan yang agak terpencil kalau berlaku keputusan beras dan sebagainya, kita arahkan FAMA untuk bertindak.

Begitulah juga kita lihat peranan FAMA, kalau di Kelantan di antara pasar yang paling tinggi jualannya di Malaysia iaitu di FAMA Kelantan di mana mereka memainkan peranan dengan pekebun-pekebun kecil untuk sayur-sayur mereka dan bahan tanaman mereka dibawa dan FAMA memainkan peranan. Di lain-lain tempat kalau ada kawasan-kawasan yang belum FAMA memberi perkhidmatan yang memuaskan, sila adukan kepada saya. Saya akan membuat pengarahannya kepada pegawai-pegawai untuk mempertingkatkan.

Memang telah ada tetapi kadangkalanya berlaku sedikit kelemahan di sana di sini. Ada tempat yang tertentu, sila beritahu dan kita akan buat arahan segera untuk meningkatkan ataupun mendapatkan hasil-hasil yang dianggap berlebihan, tetapi kalau ditanam secara kontrak, memang FAMA bertanggungjawab tetapi kalau ditanam tidak secara kontrak, maka FAMA akan berusaha untuk membelinya tetapi tidaklah kadangkala menyelesaikan kesemuanya, tetapi akan membantu sekadar yang termampu.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dominic nak lagi?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehlah.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih. Masalah logistik akibat *infrastructure* yang kurang memuaskan di kawasan perkampungan juga adalah sebab yang utama peningkatan kos barangan makanan. Mohon Menteri mengatakan sejauh manakah kementerian bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain memastikan kawasan perkampungan ini, pedalaman dapat menikmati perkhidmatan logistik yang berkaitan makanan. Contohnya seperti, dengan izin *warehouse, logistic companies*. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya. Memang di bawah- soalan ini tentang kawasan pedalaman. Kawasan pedalaman ini di antara yang terlibat dalam pertanian ini ialah Orang-orang Asli. Maka, JAKOA juga ada menyediakan geran bantuan, bimbingan dan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Memang kadangkalanya barangan pedalaman Orang Asli ini kadangkalanya dijual hanya di tepi-tepi jalan. Misalnya kalau kita lihat dari Tapah ke Cameron Highlands, kita akan lihat orang menjual rebung, orang menjual manisan, *honey* dan sebagainya yang datang dari pedalaman. Memanglah, kalau di pedalaman Orang Asli itu masih lagi kadangkala kenderaannya motosikal dan berjalan kaki tetapi kita akan cuba membuat *improvement* itu.

Saya sendiri memang bercadang selepas Aidilfitri ini hendak pergi ke kawasan Orang Asli di Hulu Perak, hendak melihat sendiri supaya bagaimana penghasilan yang mereka dapat daripada tanaman mereka dapat dibawa dengan cepat ke bandar-bandar di sekeliling, di tempat itu. Ini saya sendiri akan pergi ke tempat itu dan melihat bagaimana, adakah pertolongan, bantuan yang boleh dibuat untuk infrastruktur mereka dapat mengeluarkan barangan mereka dengan cepat ke bandar-bandar di sekitarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Tuan Michael Mujah Lihan.

6. Tuan Michael Mujah Lihan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, tindakan-tindakan kementerian dalam menangani masalah banjir warga asing terutamanya dari Pakistan yang semakin bertambah di Sg. Asap, Belaga.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah Lihan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara terutama dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini.

Bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 29 Februari 2024, sebanyak 13,047 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh JIM di seluruh negara melibatkan tangkapan seramai 35,879 orang atas pelbagai kesalahan imigresen.

■1040

Daripada jumlah tersebut, 1,632 operasi penguatkuasaan dilaksanakan di negeri Sarawak melibatkan tangkapan seramai 4,778 orang. Bagi tempoh yang sama, sebanyak dua operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh JIM Negeri Sarawak di Sungai Asap, Belaga dengan melibatkan pemeriksaan seramai 23 orang warga asing dan tangkapan seramai 15 orang warga asing atas pelbagai kesalahan imigresen.

Keberadaan warga asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab satu pihak sahaja, sebaliknya melibatkan peranan pelbagai pihak dan juga agensi termasuk rakyat sendiri. Semua rakyat Malaysia perlu turut serta dalam membanteras kehadiran PATI dengan tidak memberi perlindungan kepada mereka seperti menyewa premis dan harta benda atau menggaji golongan ini. Kerjasama dan keprihatinan rakyat negara ini merupakan elemen penting dan berkesan dalam menangani isu ini untuk jangka masa panjang. Jadi, semua pihak diharap dapat menyalurkan maklumat-maklumat yang ini kepada JIM.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di Sungai Asap, Belaga negeri Sarawak mengikut statistik kesalahan dan warganegara yang ditangkap sehingga 15 Mac 2024, iaitu:

STATISTIK KESALAHAN DAN JUMLAH WARGANEGARA

Bil.	Warganegara	Seksyen 6(1)9c Jumlah (orang)	Seksyen 15(1)(c) Jumlah (orang)	Total
1.	Indonesia	11	1	12
2.	Pakistan	2	1	3
Jumlah Keseluruhan Statistik Kesalahan dan Warganegara				15

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Michael Mujah Lihan: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah, apakah rancangan jangka panjang kementerian dalam mengamalkan ataupun membendung PATI ini ke kawasan pedalaman? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Yang Berhormat, kita tak melindungi pendatang asing tanpa izin dan penguatkuasaan sentiasa dibuat dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, pejabat imigresen kita di Kapit sentiasa meningkatkan penguatkuasaan kita daripada segi *enforcement*, melakukan operasi-operasi. Dalam waktu yang sama juga, kita meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat supaya tidak melindungi pendatang asing tanpa izin. Ini dilakukan secara berterusan dan kita harap juga rakyat dapat memberi kerjasama bagi memastikan usaha untuk membanteras golongan pekerja asing tanpa izin dapat kita lakukan dengan bersungguh-sungguh. Ia dilakukan dengan kerjasama pelbagai agensi, jabatan termasuk polis dan juga termasuk pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi lain.

Tuan Pele Peter Tinggom: Tambahan.

Tuan Seruandi bin Saad: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seruandi.

Tuan Seruandi bin Saad: Bagaimanakah prosedur penangkapan warga asing yang tidak memiliki dokumen yang sah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia? Kenapakah Warganegara Malaysia yang berada di premis yang sama turut ditangkap oleh Jabatan Imigresen walaupun status mereka sebagai warga negara Malaysia? Sekian.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan operasi penguatkuasaan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Maknanya, kita tidak melakukan operasi atau membuat penangkapan tanpa mematuhi peraturan-peraturan yang ada. Ketua operasi biasanya akan memperkenalkan diri dan mengemukakan kad kuasa yang ada padanya untuk menunjukkan identiti kepada warganegara asing yang nak diperiksa atau pemilik atau penghuni di premis-premis sebelum pemeriksaan dilakukan. Hanya ketua operasi sahaja yang menentukan sama ada seseorang itu ditangkap boleh diambil tindakan atau tidak.

Setiap tangkapan juga akan hendaklah berasaskan kepada seksyen kesalahan dan hukuman tertinggi paling berat dikenakan kepada mereka yang ditangkap. Bagi warganegara asing, kalau boleh saya maklumkan, kesalahan dimaksudkan ialah kesalahan di bawah seksyen yang saya sebutkan tadi, 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 iaitu tiada memiliki sebarang pas untuk berada di negara ini. Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 itu tinggal lebih lama. Dia ada dokumen yang sah, tetapi tinggal lebih lama diberi. Peruntukan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen iaitu penyalahgunaan pas lawatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, warga asing yang ditangkap bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 [*Akta 155*] ini atau Peraturan-peraturan Imigresen 1963 boleh ditahan untuk tempoh 14 hari semasa tangkap dan penahanan memerlukan tempoh lama, dia akan dikemukakan ke hadapan seorang Majistret di bawah seksyen 51(5)(b) Akta Imigresen.

Manakala disebut tadi kesalahan warganegara Malaysia pula ialah di bawah seksyen 56(d) Akta Imigresen 1959 iaitu melindungi pendatang asing tanpa izin dan seksyen 55B Akta Imigresen 1959 iaitu menggaji PATI dan benarkan PATI berada di premis mereka. Sekiranya mereka didapati bersalah, melakukan kesalahan, maka orang itu hendaklah ditangkap dalam tempoh 24 jam. Maknanya, rakyat Malaysia yang menggaji PATI tanpa izin juga merupakan satu kesalahan. Terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: YB, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada orang Sarawak tak puas hati lagi YB. Saya nak benarkan satu lagi soalan, YB Pele.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, operasi penguatkuasaan dibuat di seluruh Malaysia 13,000 lebih, di Sarawak 1,600 lebih dan di Sungai Asap dua operasi. Apakah kekangan daripada pihak kementerian tidak dapat membuat operasi secara kerap di Sungai Asap? Adakah disebabkan oleh kekurangan anggota ataupun peruntukan? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Secara keseluruhan, kita membuat operasi sama ada operasi yang kita laksanakan sendiri ataupun berasaskan aduan awam yang dikemukakan kepada kita. Selain daripada masalah-masalah yang biasa kita hadapi dan kita juga berharap kerjasama daripada masyarakat, pemimpin tempatan untuk memberi maklumat pada Jabatan Imigresen Malaysia untuk melakukan operasi. Oleh sebab kawasan di Sarawak sangat luas, maka kerjasama daripada semua pihak sangat diperlukan dalam soal ini. Apa pun, imigresen (JIM) dan Kementerian Dalam Negeri tidak kompromi terhadap apa juga pihak yang melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen. Sebab itu, antara cabaran besar ialah kita harap kerjasama daripada pelbagai pihak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

7. Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada rancangan kerajaan untuk menyelaraskan semula sistem pendidikan prasekolah bagi prasekolah kerajaan di seluruh negara akan merangkumi sistem prasekolah yang ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat senator. Bagi memastikan kualiti pendidikan prasekolah terus dimartabatkan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Januari 2024 telah bersetuju supaya kesemua prasekolah diletak di bawah penyelarasan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Keputusan ini merupakan antara usaha kerajaan menangani isu keciciran daripada peringkat awal pendidikan serta memberikan peluang kepada semua kanak-kanak mendapat pendidikan yang terbaik dan percuma melalui bantuan murid prasekolah yang disediakan serta kurikulum yang lebih standard.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi melaksanakan penyelarasan ini, KPM telah menubuhkan satu *taskforce*, pasukan petugas khas penyelarasan prasekolah bagi merancang dan menentukan cadangan jangka pendek dan jangka panjang yang boleh dilaksanakan meliputi aspek:

- (i) kurikulum;
- (ii) guru;
- (iii) infrastruktur; dan
- (iv) peruntukan kewangan.

Penyelarasan ini melibatkan sistem pendidikan prasekolah yang berada di bawah agensi kerajaan termasuk tadika KEMAS di Jabatan Kemajuan Masyarakat. KPM berharap penyelarasan terhadap semua prasekolah kerajaan ini dijangka akan dapat menjadikan sistem prasekolah di Malaysia lebih tersusun dan komprehensif dalam konteks memastikan pendidikan awal adalah terjamin serta dapat menyediakan murid untuk memasuki pendidikan rendah seterusnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, YB Puan Rita.

■1050

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Soalan tambahan saya, saya melihat daripada segi penilaian KEMAS ke atas pencapaian murid-murid tabika adalah agak menyeluruh daripada segi pemahaman ke atas Rukun Negara, menguruskan diri dan sebagainya. Jadi, soalan saya, apa *benchmark* ataupun pencapaian yang diharapkan ataupun yang diletakkan oleh Kementerian Pendidikan kepada murid-murid KEMAS yang berada dalam tabika ini bagi perkara membaca, menulis dan mengira yang *simple*, sejajar dengan umur mereka ini. Adakah terdapat sebarang bentuk semakan dan apakah *benchmark* yang ditetapkan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, lain kali bila penanya soalan bangun, YB kena duduk.

Tuan Wong Kah Woh: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk kali ini saya benarkan. Okey baik, terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Bagi Tadika KEMAS, memang ia bukan- penubuhannya bukan di bawah Akta Pendidikan 1996. Namun demikian, kurikulum yang diguna pakai merupakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang merupakan kurikulum standard bagi KPM.

Dari situ, apabila penyelarasan untuk prasekolah KEMAS dilaksanakan, sememangnya ia dilaksanakan sekarang bersama-sama dengan JPNIN. Memang apabila kita mendapati bahawa daripada segi gurunya tidak semua memiliki diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan ataupun kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Lantikan guru adalah pada gred S29 dan S19.

Demi memastikan bahawa KPSK dapat dilaksanakan dengan sempurna dan juga pada masa yang sama memastikan kualiti murid dalam- kualiti pembelajaran murid dalam tadika-tadika KEMAS, maka dalam usaha penyelarasan ini, selain daripada kokurikulum, maka satu penekanan akan diberikan kepada kelayakan guru di tadika KEMAS. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator, tadi dalam awal soalan beliau telah pun memberi pengiktirafan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di KEMAS.

KPM dalam usaha penyelarasan ini akan memastikan bahawa KEMAS, JPNIN dan juga dan juga tadika-tadika lain akan membekalkan atau memberikan satu kualiti-pendidikan yang berkualiti kepada anak-anak kita. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Datuk Yang di-Pertua...

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Untuk pencerahan, sekejap, sedikit. Sebab tadi jawapan Menteri- terima kasih atas jawapan tambahan tersebut, tetapi soalan saya, adakah apa bentuk *benchmark* yang ditetapkan oleh kementerian? Oleh sebab sukatan pelajaran kurikulum ditetapkan oleh kementerian.

Adakah *benchmark* yang ditetapkan bagi murid-murid yang keluar daripada KEMAS ini seharusnya boleh membaca, menulis dan mengira? Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih, permintaan untuk pencerahan dan sememangnya di bawah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) keupayaan menulis, membaca dan sebagainya amat dititik beratkan dan kami percaya bahawa dengan penerusan pengguna pakaian kurikulum yang sedia ada ini, maka isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu tidak berbangkit. Terima kasih.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Lim Pay Hen.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Pada tahun 2016, kerajaan menetapkan sasaran tinggi bahawa semua guru prasekolah hendaklah memiliki kelayakan diploma minimum dalam Asuhan dan Kurikulum Awal Kanak-kanak (ECCE). Menjelang tahun 2020, sasaran itu bagaimana gagal dicapai dan ditunda ke tahun 2025. Sehingga tahun 2022, kira-kira separuh iaitu 51 peratus guru prasekolah belum memperoleh dalam ECCE. Hampir tiga per empat iaitu 73 peratus guru prasekolah swasta belum mencapai kelayakan Diploma minimum.

So, mewakili sebahagian besar daripada 22,509 orang guru yang masih belum memperoleh kelayakan Diploma minimum...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan YB.

Datuk Lim Pay Hen: Adakah langkah drastik kementerian bagi memastikan sasaran yang telah ditetapkan tersebut dicapai pada penghujung tahun 2025- tahun ini. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator, terima kasih atas cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat Senator berkenaan dengan isu ini. Dalam usaha kita- dalam usaha KPM dalam menyelaraskan segala penggunaan ataupun sumber guru di peringkat prasekolah, biar pun di peringkat prasekolah, KPM atau pun di peringkat tadika yang di bawah agensi-agensi kerajaan. Pihak KPM tetap akan memberikan perhatian terhadap pemilikan diploma seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Dalam segi itu, pihak KPM melalui IPGM juga akan memperkasakan usaha ini supaya sasaran yang dinyatakan tersebut dapat dicapai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Abun.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya sangat bersetuju dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang membuat- dalam Kerajaan Madani ini kita ada nilai ihsan dan *no one left behind* daripada segi pendidikan, tetapi masih ada lagi aduan-aduan yang anak-anak kita ini tidak dapat bersekolah. Jadi, saya harap Kementerian Pendidikan ini ambil langkah ke hadapan ataupun ambil langkah yang proaktif untuk membenarkan anak-anak orang asal ini yang tidak dapat bersekolah. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Saya hendak dapatkan sedikit penjelasan. Anak-anak yang ada dokumen atau tidak ada dokumen Yang Berhormat?

Tuan Abun Sui Anyit: Yang tiada dokumen. Saya ingin jelaskan juga, sebelum Kerajaan Madani ini dulu, orang yang tiada dokumen pun dibenarkan bersekolah. Bila kita dalam Kerajaan Madani ini, mereka disingkirkan daripada sekolah, ini yang saya agak sedikit ingin pencerahan.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Yang Berhormat dari- Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan keciciran, nombor satu, KPM mengambil satu pendekatan bahawa *no one left behind* iaitu *Zero Reject Policy*, dengan izin, Datuk Yang di-Pertua untuk budak-budak ataupun anak-anak yang memerlukan pendidikan khas, itu nombor satu.

Zero Reject Policy adalah untuk anak-anak yang memerlukan pendidikan khas, itu satu.

Nombor dua, berkenaan dengan kemasukan anak-anak kita tanpa dokumen ataupun bukan warganegara, kita ada garis panduan dan segala kemasukan anak-anak tersebut adalah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.

Pada masa yang sama untuk anak-anak yang berumur dari empat tahun hingga enam tahun, kami juga berharap bahawa dengan usaha perluasan prasekolah oleh pihak Kementerian Pendidikan, kita boleh memberikan lebih banyak peluang kepada anak-anak kita berumur dari empat tahun hingga enam tahun untuk mengikuti prasekolah di sekolah-sekolah KPM. Pada masa yang sama, kita juga hendak menggalakkan supaya ibu bapa mempunyai satu kesedaran untuk menghantar anak-anak mereka berumur empat tahun hingga enam tahun untuk mengikuti pendidikan prasekolah.

Pendidikan prasekolah ini setakat ini belum lagi dijadikan pendidikan wajib tetapi kita hendak – kita mahu memastikan kesedaran itu ada, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Datuk Bobbey Bin Suan

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

8. Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apa usaha kerajaan untuk membangunkan pelabuhan-pelabuhan Sabah sebagai persediaan menghadapi kebanjiran jumlah kapal yang tinggi sekiranya Nusantara menjadi Ibu Negara Indonesia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan-perkembangan baharu serantau seperti perpindahan ibu kota Indonesia ke Nusantara sudah tentu akan membawa perubahan kepada landskap perkapalan dan perdagangan yang sedia ada. Dalam hal ini, MOT akan terus memantau perubahan-perubahan tersebut dan mengambil tindakan dasar yang sewajarnya untuk memastikan sektor pengangkutan negara terutamanya industri pelabuhan dan industri logistik dapat bersiap siaga bagi memanfaatkan peluang-peluang baharu yang akan muncul.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, walaupun Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab terhadap pembangunan sektor pengangkutan secara keseluruhan, namun hal ehwal pelabuhan di Sabah dan Sarawak daripada segi perancangan, pembangunan dan pentadbiran merupakan bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing.

■1100

Ini adalah selaras dengan peruntukan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Malaysia yang mana pelabuhan dan pangkalan selain yang diisytiharkan sebagai Pelabuhan dan Pangkalan Persekutuan melalui atau di bawah Undang-undang Persekutuan adalah terletak di bawah Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Justeru, semua usaha yang berkaitan dengan pembangunan pelabuhan termasuk pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan pembangunan pelabuhan adalah di bawah tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan turut dimaklumkan oleh Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah (LPPS) bahawa pihaknya akan senantiasa memantau kadar penggunaan setiap terminal bagi memastikan kemudahan pelabuhan sentiasa mencukupi.

Pembesaran dan penaiktarafan kemudahan pelabuhan akan dilaksanakan oleh Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah sebelum kapasiti maksimum dicapai. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan sedia bekerjasama rapat dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah untuk memantapkan perancangan dan penyelarasan dasar pengangkutan bagi mempertingkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan tempatan termasuk pelabuhan di Sabah dalam persediaan menghadapi perubahan-perubahan yang bakal berlaku berikutan perpindahan ibu kota Indonesia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Bobbey.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Soalan tambahan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan daripada Timbalan Menteri. Berkaitan dengan perkapalan juga, saya difahamkan bahawa lesen kompetensi pelaut bagi had nelayan pesisir ataupun *Certificate of Competency Mate Domestic*, menjadi beban kepada rakyat Sabah yang ingin menceburi pekerjaan dalam industri perkapalan ini. Apakah tindakan strategik Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk membantu bakal-bakal pelaut di Sabah agar memperoleh peluang untuk dipersijilkan? Terima kasih.

Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Pertamanya ada lesen kompetensi adalah di bawah negeri Sabah juga yang bawa *passenger* pergi ke pulau-pulau pelancongan itu. Semua bot itu yang sebenarnya lesennya adalah dikeluarkan oleh negeri sendiri bukannya Jabatan Laut Malaysia.

Namun, selain daripada itu untuk memberi *certificate competency* kepada pelaut-pelaut kita juga Sabah dan Sarawak digalakkan iaitu tentang kita mempunyai akademi-akademi ALAM dan sebagainya yang boleh di mana kita daripada anak-anak kita di Sabah dan Sarawak dipersilakan, dialu-alukan untuk memohon, untuk turut serta mengikuti ALAM untuk menjadi marina ini daripada ALAM di Semenanjung ini. Itu adalah *recognize worldwide*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin.

9. Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apa langkah dan perancangan kementerian untuk memastikan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang seharusnya layak menerima bantuan tidak tercicir.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Datuk Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun JKM sentiasa proaktif dalam memastikan kebajikan dan keperluan kumpulan sasar terpelihara. Pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk membantu golongan yang memerlukan agar bantuan yang disediakan dapat diberikan kepada mereka yang layak.

Antara usaha yang dilakukan untuk memastikan tiada keciciran bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada mereka yang layak adalah yang pertama, pengoperasian sebanyak 105 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara yang sentiasa bersiap sedia dalam menyediakan perkhidmatan JKM. Pemohon boleh hadir di mana-mana pejabat JKM yang terdekat dengan tempat tinggal mereka untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan termasuklah perkhidmatan berkaitan pengurusan bantuan kewangan.

Contohnya di Sarawak, JKM turut menyediakan kaunter satelit bagi memberikan kemudahan kepada golongan masyarakat yang tinggal jauh di kawasan pedalaman untuk mendapatkan perkhidmatan JKM. Kaunter ini berfungsi sebagai tempat penyediaan perkhidmatan JKM dan menerima sebarang pertanyaan serta permohonan dari orang awam. Sebanyak 83 kaunter satelit dibuka melalui PKMD dan PKMB di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak sepanjang tahun 2022 dan 2023.

Kedua, selain daripada kemajuan teknologi semasa, JKM telah mempermudah prosedur operasi standard permohonan bantuan. Pemohon kini digalakkan memohon secara dalam talian ataupun atas talian yang boleh dibuat melalui sistem pengurusan bantuan Jabatan Kebajikan di laman sesawang JKM. Permohonan akan diagihkan secara automatik melalui sistem mengikut butiran negeri atau daerah yang dipilih oleh pemohon.

Dengan adanya kaedah permohonan secara dalam talian ini ia boleh memudahkan mana-mana pihak untuk menghantar permohonan tanpa perlu hadir ke pejabat kebajikan masyarakat secara fizikal dan sangat membantu khususnya kepada pemohon yang uzur.

Ketiga, menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang boleh dihubungi orang ramai pada bila-bila masa bagi mendapatkan maklumat serta perkhidmatan yang disediakan oleh KPWK dan agensi di bawahnya termasuklah maklumat berkaitan bantuan-bantuan yang disediakan, syarat-syarat kelayakan serta cara memohonnya.

JKM telah dan akan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri, para pemimpin setempat melalui program-program seperti Hari Bertemu Pelanggan, Turun Padang, Ziarah Kasih, Jelajah ataupun *outreach* dan sebagainya. JKM juga turut menyertai program-program dianjurkan oleh kementerian dan agensi yang lain dan membuka kaunter seperti di Program Madani Rakyat bagi memastikan kumpulan sasar yang hadir di program tersebut mendapat akses kepada perkhidmatan JKM.

Pada masa yang sama, semua pihak khususnya di peringkat komuniti termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh membantu untuk merujuk mana-mana kes yang berkeperluan di kawasan masing-masing untuk dibantu dan diberi bantuan yang bersesuaian mengikut syarat-syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Semua usaha ini diyakini bahawa bantuan yang bersesuaian dapat disalurkan kepada pihak yang memerlukan agar tiada yang tercicir atau terpinggir. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan tambahan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Soalan tambahan.

Datuk Haji Aziz bin Ariffin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah bantuan JKM ini diberikan seumur hidup kepada penerima bantuan? Adakah JKM mengambil tahu atau cakna selepas bantuan diberikan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan. Sebenarnya Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator, bantuan kewangan JKM ini bersifat sementara. Tujuannya adalah untuk meringankan beban kumpulan sasar sehingga mereka ini mampu keluar daripada kepompong kemiskinan dan boleh berdikari, tetapi walau bagaimanapun, JKM memang sentiasa cakna dan prihatin kepada semua mereka terutamanya *focus group* dan elemen kaji semula diterapkan dalam pengurusan bantuan kebajikan sebagai satu kaedah untuk memastikan penerima yang layak sahaja diteruskan pemberian tersebut.

Mulai tahun 2023, Skim Bantuan Kewangan Bulanan yang produktif sebagai contoh bantuan kanak-kanak yang telah diluluskan dan dibuat kaji semula dalam tempoh satu tahun daripada tarikh kelulusan.

Dalam tempoh tiga bulan, sebelum tarikh bantuan itu tamat Yang Berhormat, penerima bantuan perlu hadir ke pejabat dan siasatan penilaian semula akan dibuat oleh JKM untuk menentukan sama ada bantuan itu dapat disambung ataupun tidak, tetapi yang keduanya bagi Skim Bantuan Kewangan Bulanan bagi mereka yang tidak produktif seperti bantuan OKU tak bekerja dan terlantar. Mereka ini dikecualikan daripada hadir melaporkan diri, tetapi memadai dengan hanya berhubung dengan pegawai kes setiap tiga bulan sekali melalui kaedah bagi memudahkan di pihak mereka. Itu antara jawapan yang dapat saya berikan pada pagi ini. Terima kasih.

Datuk Noraini binti Idris: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Noraini.

Datuk Noraini binti Idris: Okey terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain pemberian bantuan berasaskan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan pada kadar RM1,169 bagi penyaluran bantuan membabitkan golongan miskin tegar. Adakah kriteria lain yang dipertimbangkan oleh JKM untuk pemberian bantuan supaya tidak ada keciciran berlaku? Terima kasih.

■1110

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang telah diberikan. Buat masa ini, JKM memang berpandukan kepada kriteria utama dalam pemberian bantuan. Akan tetapi, ada penilaian lain termasuk daripada aspek sokongan sosial keluarga secara menyeluruh seperti tanggungan keluarga, masalah kesihatan yang kronik, keperluan penjagaan yang rapi seperti OKU, psikososial dan sebagainya. Itu adalah secara khusus seperti tanggungan yang ramai dan sebagainya memerlukan peruntukan selain daripada mereka menjadi warganegara dan memang sepatutnya layak untuk menerima.

Selain daripada itu juga, seperti dalam jawapan asal saya tadi, permohonan untuk mendapatkan bantuan ini kita telah mempermudah selain daripada kita buat secara konvensional, kita juga ada permohonan *online*. Pemimpin komuniti digalakkan untuk membantu sesiapa juga yang tercicir. Sebab kita nak pastikan bahawa mereka yang sepatutnya layak untuk menerima bantuan ini tidak tercicir dan mereka akan menerima bantuan.

Jadinya, saya mengharapkan bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Negara ini untuk sentiasa prihatin dengan masyarakat sekeliling dan sekiranya mereka perlu dan dilihat layak untuk menerima bantuan tersebut, minta supaya hubungi pihak kami. Terima kasih banyak.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Soalan tambahan...

Tuan Seruandi bin Saad: Datuk, Datuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz.

Tuan Seruandi bin Saad: Tan Sri tengok pun...

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

10. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta Menteri Kerja Raya menyatakan, status kualiti dan keselamatan jalan raya negara yang sebahagian besar telah menghampiri akhir tempoh hayat.

Menteri Kerja Raya [Dato Sri Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM3.3 bilion dari tahun 2018 hingga tahun 2023 bagi kerja-kerja penyelenggaraan *pavement* di Jalan-jalan Persekutuan di Malaysia. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan tersebut masih tidak mencukupi untuk penyelesaian ataupun menyelesaikan masalah jalan rosak secara keseluruhannya.

Berdasarkan rekod Kementerian Kerja Raya Malaysia, masih terdapat sejumlah RM3.412 bilion lagi peruntukan yang diperlukan bagi menyelesaikan *backlog* kerja penyelenggaraan yang melibatkan laluan Persekutuan di seluruh Malaysia yang diselenggarakan iaitu sepanjang 16,218.47 kilometer.

Maksudnya jalan ini jalan tidak bertol yang diselenggarakan oleh syarikat konsesi selenggaraan. Ia berlain dengan yang bertol ya.

Pelbagai prosedur kerja dan spesifikasi teknikal bagi memastikan kawalan kualiti dapat dilaksanakan di pelbagai pembinaan secara amnya. Jadi, begitu juga dengan program penyelenggaraan Jalan Raya Persekutuan. Pihak JKR telah diarahkan untuk memastikan kualiti kerja dapat dikawal untuk memastikan hasil yang baik dan bermanfaat kepada pengguna jalan raya.

Jadi, bagi memastikan kualiti berada di tahap yang standard, pemilihan kaedah rawatan penyelenggaraan yang tepat berdasarkan jenis kerosakan yang berlaku di tapak perlu dilaksanakan dan kaedah rawatan secara *mill and pave* dan *overlay* adalah sesuai bagi lokasi yang mengalami kerosakan fungsi manakala bagi lokasi yang mempunyai kerosakan struktur, kaedah rawatan yang lebih besar seperti *reconstruction* atau *partial reconstruction* adalah lebih disarankan.

Oleh itu, beberapa ujian tapak sebelum pemilihan kaedah rawatan adalah ditekankan supaya pemilihan yang dilaksanakan adalah tepat dan bersesuaian dengan kerosakan yang dialami. Di samping itu, bagi memastikan kualiti bahan turapan yang dibekalkan mematuhi spesifikasi, kawalan kualiti bermula daripada bahan binaan menerusi pengauditan loji pengeluaran asfalt di setiap loji yang ingin membekalkan bahan turapan bagi kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan.

Selain itu, auditan turapan siap turut dilaksanakan setelah kerja-kerja penurapan siap dilaksanakan di tapak bagi memastikan kerja-kerja tersebut mematuhi spesifikasi yang ditetapkan selari dengan amalan dalam sistem pengurusan bersepadu. Jadi, penggunaan sumber rujukan seperti Spesifikasi Pembinaan Jalan (SPJ), Arahan Teknik Jalan (ATJ) dan Nota Teknik Jalan (NTJ), justeru itu bagi kawalan kualiti selepas pembinaan pemantauan hasil kerja sepanjang tempoh tanggungan kecacatan dilaksanakan dengan pemeriksaan sepanjang lokasi yang telah siap dilaksanakan bersama ujian-ujian yang ditetapkan dalam pengujian dan pentauliahan untuk menjamin prestasi dan keberhasilan.

Jadi, ini panjang Yang Berhormat. Jawapannya...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh bagi secara...

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Kalau saya diizinkan satu minit lagi...

Timbalan Yang di-Pertua: ...Bertulis ya.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Bagi- Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Bagi meningkatkan ketahanan jalan bagi kerja-kerja penyelenggaraan, pihak kementerian turut mengguna pakai teknologi turapan baharu dalam kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan. Sehubungan itu, pelbagai kerjasama telah dijalankan oleh pihak kementerian dengan pihak swasta dan agensi kerajaan yang lain dalam usaha meneroka teknologi bahan turapan *specialty mix* dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya.

Antara bahan turapan *specialty mix* yang telah digunakan iaitu *Crumb Rubber Modified Asphalt* (CRMA), *Super Fiber Mix* (SFM), *Polymer Modified Asphalt* (PMA), *Cup Lumps Modified Asphalt* (CMA), *Fiber Mastic Asphalt* (FMA) dan *Stone Mastic Asphalt* (SMA), *mix rubber* dan lateks. Jadi, sedikit lagi Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau- berapa minit lagi... seminit, seminit?

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Setengah minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik... [Ketawa]

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Jadi, bagi menjamin keselamatan jalan raya Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya, program memperelok lokasi kerap berlaku kemalangan- *black spot* ya telah dilaksanakan secara tahunan bagi merawat lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti kerap berlaku kemalangan.

Rawatan *black spot* ini dilaksanakan dengan kaedah *low-cost, high-impact* yang mana memberikan penumpuan penambahbaikan dalam jangka masa yang pendek iaitu tiga ke-enam bulan. Jadi, sebagai contoh bagi tahun 2023, sebanyak 42 buah lokasi telah dirawat dengan peruntukan sebanyak RM14.7 juta manakala bagi tahun 2024, sebanyak tambahan 53 buah lokasi telah dikenal pasti dengan kelulusan sebanyak RM18.55 juta. Selain itu, kementerian telah melaksanakan program tambahan iaitu pembinaan lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat pada lokasi yang dikenal pasti bahaya dan kerap berlaku kemalangan terutama pada pelajar-pelajar sekolah.

Jadi, oleh yang demikian, tahun 2024 ini, pihak kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM8.25 juta pada 33 buah lokasi yang telah dikenal pasti bagi menangani isu kemalangan kawasan sekolah.

Pihak JKR sentiasa turun padang bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan mengikut jadual seperti mana yang telah ditetapkan. Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya menerusi agensinya JKR sentiasa komited kepada usaha-usaha meningkatkan kualiti jajaran jalan raya kita supaya keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya terjamin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang agak detil sampai saya pun [*Ketawa*]...

Timbalan Yang di-Pertua: Tak ada soalan tambahan?

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Ada yang tak berapa nak faham.

Timbalan Yang di-Pertua: [*Ketawa*]

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, isu penyelenggaraan dan penurapan permukaan jalan raya yang rosak ini adalah isu harian dan paling utama bagi pengguna jalan raya seolah-olah tiada penyelesaian yang boleh menoktahnkannya. Jalan berlubang, hari-hari rosak. Dia nampak kecil, tapi hakikatnya ia umpama perangkap yang boleh menyebabkan kecederaan serius dan juga kematian.

■1120

Soalan saya, selain usaha-usaha jangka pendek seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi apakah pihak kementerian mempunyai rancangan jangka panjang yang bersifat reformasi terhadap infrastruktur utama negara kita ini ke tahap yang lebih tinggi kualitinya. Kalau boleh saya mohon satu penjelasan mengenai tahap kualiti kemudahan jalan raya di negeri saya, negeri Kelantan yang pada pandangan saya masih tidak berada pada tahap yang memuaskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Jawapan Menteri tadi memang dah panjang dah sebenarnya. Dah banyak dah dijawab soalan itu tadi... [*Ketawa*]

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Sebenarnya memang ya Yang Berhormat, kita memang ada perancangan dan sebagainya. Memang sangat teliti yang disediakan oleh- kita buat kajian oleh pegawai-pegawai kita sepanjang masa lama sudah sebelum, lama sebelum saya masuk ke kementerian ini.

Satu saya nak terangkan sangat sana iaitu kekangan kewangan. Seperti mana telah saya sebut di peringkat jawapan asal tadi. Kita perlu yang *backlog* yang seperti mana kita nak buat ini, nak selesaikan kita masih memerlukan RM3.4 bilion tadi.

Itu kekangan besar. Jadi, selagi kita tidak dapat kewangan tambahan, mungkin kita agak sukarlah untuk kita nak selesaikan masalah *backlog* itu dengan kualitinya.

Jadi, Yang Berhormat secara khususnya *backlog* ini Yang Berhormat kita ada 3,821 kilometer. Panjang lagi *backlog*-nya yang melibatkan laluan Persekutuan sepanjang 3,821 kilometer. Yang Berhormat, secara khususnya bagi negeri Kelantan, pihak kementerian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM485.3 juta bagi tahun 2020 sehingga Mac 2024 ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah peruntukan yang kita terima berbanding yang dipohon adalah dalam lingkungan 20 peratus sahaja Yang Berhormat sehingga 20 hingga 30 peratus sahaja. Bayangkan.

Jadi, ingin saya tekankan di sini bahawa jumlah peruntukan yang kita terima adalah sangat terhad berbanding keperluan sebenarnya. Kita tekankan sekali lagi. Jadi, untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan di negeri Kelantan juga di negeri lain. Jadi, saya juga telah mengadakan lawatan Yang Berhormat ke Kelantan. Lawatan kerja bagi meninjau keadaan infrastruktur jalan, cerun dan jambatan yang terjejas akibat banjir pada 5 hingga 7 Januari yang lalu. Saya bersama EXCO JKR dekat sana dan Yang Berhormat Dato' Dr. Izani. Jadi, saya telah meluluskan pada lawatan itu lebih RM10 juta untuk serta-merta dibuat dan sekarang pun kerja dia dah mula dah.

Jadi, Yang Berhormat untuk menyelesaikan kita usaha untuk menyelesaikan masalah tadi berkenaan dengan kualiti. Ini satu saya nak kongsi berita baiklah. Beri saya masa sedikit lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, Kementerian Kerja Raya telah menerima permohonan daripada semua syarikat konsesi terlibat supaya semakan semula *Schedule of Rates* dilaksanakan mengambil kira kenaikan bahan mentah dan kos operasi semasa memandangkan kadar harga yang diguna pakai di dalam kontrak konsesi penyelenggaraan sedia ada masih menggunakan *Schedule of Rates* (SOR) yang kali terakhir disemak pada 11 tahun lalu lepas. Pada tahun 2013.

Bayangkan peningkatan kos bahan-bahan binaan dan sebagainya. Sebab itu, kerja-kerja kita semakin kurang kualitinya kerana syarikat G4, G1 hingga G4 ini mereka tidak mampu menggunakan *Schedule of Rates* yang lama. Jadi, berita baik minggu lepas saya bawa *Cabinet Paper* ataupun Kertas Memorandum Jemaah Menteri dan dipersetujui juga, diluluskan *Schedule of Rates* yang terbaru ini. Jadi, susulan itu kementerian telah membentangkan lah permohonan semakan semula *Schedule of Rates* baharu tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Ini saya tekan satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dah ambil masa soalan...
[Ketawa]

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Ya. Sebab ini berkaitan dengan kualiti nanti Yang Berhormat. Sebab G1, G4 mungkin ini berita baik untuk mereka kerana nanti bila arahan kerja diberi kepada mereka dengan *Schedule of Rates* yang terbaru ini, memang saya pastilah mungkin pasti ada peningkatan dalam kualiti kerja-kerja untuk perbaiki ini. Ini yang terbaru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya jemput...

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Nanti yang lain Yang Berhormat, saya bagi secara bertulis. Banyak maklumat bagus ini.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak. Ti Lian Ker... [Ketawa] Dah panjang sangat tadi waktu kementerian ini YB... [Ketawa]

11. Dato' Sri Ti Lian Ker minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah bentuk penambahbaikan semakan bagi modul pengambilan anggota dan pegawai baharu Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang sedang diusahakan oleh kementerian susulan kewujudan beberapa kes salah laku kebelakangan ini dan apakah penekanan terbaharu yang diwujudkan bagi memperkemas disiplin dan integriti anggota PDRM.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Datuk Yang di-Pertua. Sahabat saya Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM mempunyai garis panduan yang ketat dalam proses pengambilan pegawai dan anggota polis. PDRM telah melaksanakan penambahbaikan dalam proses pengambilan anggota dan pegawai baharu melalui perkara-perkara berikut.

Pertama, mewajibkan pemohon untuk menduduki ujian Sistem Pemprofilan Rekrutment Polis Diraja Malaysia (SPiER-PDRM) sebelum pemohon boleh dipertimbangkan untuk proses temu duga. Sistem ini mula diguna pakai pada tahun 2018 dan mengandungi 200 soalan berbentuk objektif khusus untuk mengenal pasti kecenderungan pemohon. Sistem ini mengandungi domain berikut. Personaliti, kesihatan mental, integriti, patriotisme, kompetensi, kecenderungan bunuh diri.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada itu sistem SPiER-PDRM pemohon perlu melalui beberapa tapisan keselamatan yang telah ditetapkan dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara, Bahagian A2, 14 Pengambilan berkuat kuasa 15 Jun 2023 lalu. Tapisan ini melibatkan tapisan dalaman di peringkat PDRM dan agensi penguatkuasaan lain seperti Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Penambahbaikan proses tapisan keselamatan PDRM bagi pengambilan pegawai dan anggota baharu dilaksanakan bagi memeriksa latar belakang calon untuk pastikan mereka bebas daripada rekod jenayah, keselamatan dan penyalahgunaan dadah serta bebas bersih daripada anasir subversif dan juga sabotaj.

Selain itu Yang Berhormat, penambahbaikan prosedur untuk pengambilan ini bagi membentuk jati diri warga polis yang berdisiplin, berintegriti, pembentukan pegawai dan Anggota Polis daripada seorang awam kepada warga Polis bermula daripada program latihan asas kepolisan di semua institusi latihan PDRM. PDRM juga memperkenalkan modul integriti di mana semua pelatih wajib mengikuti modul ini yang mengandungi *syllabus* pengurusan integriti, etika, rasuah, *syllabus* pendidikan Islam dan pendidikan moral. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan YB Ti.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih atas jawapan yang cukup memuaskan. Namun begitu, saya ingin mendapatkan pandangan sejauh manakah tindakan disiplin terhadap anggota yang melakukan kesalahan yang dikenakan pada masa sekarang adalah memadai untuk menghukum mereka. Lebih-lebih lagi banyak kes harapkan pagar, pagar makan padi. Berapakah ramai anggota yang telah dipecat setelah didapati bersalah dalam kes-kes yang berat seperti membunuh, merogol ataupun yang melindungi kegiatan haram seperti yang telah didedahkan baru-baru ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada Perintah Tetap Ketua Polis Negara dan juga IPCC- Suruhanjaya Bebas Tata Kelakuan Polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PDRM serius dalam pastikan pegawai dan anggota mempunyai disiplin dan tahap integriti yang tinggi. Pegawai dan anggota yang didapati melakukan kesalahan tertakluk kepada proses tatatertib dan undang-undang yang ada. Semua keputusan dan hukuman yang diambil berasaskan kepada fakta-fakta kes oleh Lembaga Tatatertib PDRM dan juga KDN.

Untuk rekod Yang Berhormat, tahun 2022 sehingga Februari 2024 seramai 302 orang pegawai dan anggota telah diberi hukuman buang kerja kerana didapati bersalah melakukan pelbagai kesalahan dan pihak PDRM tidak berkompromi dengan mana-mana pegawai dan juga anggota yang melanggar peraturan dan undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

12. Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa pelan tindakan kementerian dalam memastikan bahawa pelajar-pelajar sekolah sukan di negara ini dapat menyeimbangkan aktiviti latihan sukan dengan kelas akademik bagi memastikan bahawa mereka terus maju dalam kedua-dua bidang

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

■1130

Objektif penubuhan Sekolah Sukan Malaysia (SSM), Kementerian Pendidikan Malaysia adalah:

- (i) meningkatkan tahap pengetahuan, pengalaman, kemahiran atlet murid dalam bidang sukan tanpa mengabaikan pencapaian akademik;
- (ii) menjadikan pusat kecemerlangan sukan yang berjalan secara sistematik dan berterusan ke arah pencapaian atlet bertaraf dunia;
- (iii) menjadi pusat penyebaran pengetahuan dan kemahiran yang dapat memenuhi syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi;
- (iv) memupuk dan menggalakkan perkembangan nilai-nilai kepimpinan dan semangat kesukanan di samping memberikan pengalaman dalam kemahiran pentadbiran aktiviti sukan.

Sehubungan dengan itu, pengoperasian kelas akademik di SSM adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang ditetapkan oleh KPM seperti dalam Surat Pekeliling Ikhtisas, Bilangan 9, Tahun 2016 yang sedang berkuat kuasa. Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti latihan sukan atlet murid dengan kelas akademik adalah seimbang, secara asasnya jadual waktu persekolahan di SSM adalah dilaksanakan seperti berikut; sesi latihan sukan 6.30 pagi sehingga 9 pagi; sesi pengajaran dan pembelajaran 9 pagi sehingga 3.30 petang; sesi latihan sukan 3.30 petang sehingga 6 petang.

Bagi memastikan atlet murid yang terlibat dalam latihan ataupun kejohanan sukan tidak tercicir dalam pengajaran dan pembelajaran, semua SSM mengambil usaha:

- (i) mengadakan kelas ganti bagi atlet murid yang mengikuti latihan pada sebelah malam;
- (ii) mengadakan kelas secara dalam talian atau melalui medium yang sesuai;

- (iii) menyediakan modul PdP ataupun latihan untuk dilaksanakan oleh atlet murid semasa tempoh latihan sukan; dan
- (iv) bimbingan *one-to-one* kepada atlet murid yang tercicir setelah tamat kejohanan sukan yang disertai oleh atlet murid.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Nelson.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, terdahulunya Tan Sri Dr. Mani Jegathesan telah berjaya dalam bidang kerjaya dan juga sukan. Pada masa itu tidak ada sekolah sukan. Soalan tambahan saya kepada Timbalan Menteri, apa *success story*, dengan izin, yang boleh dikongsikan di sini mengenai atlet yang telah mencapai status atlet antarabangsa yang datangnya dari sekolah sukan? Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator. Contoh atlet murid yang cemerlang dalam sukan dan akademik bolehlah kita senaraikan beberapa.

Nombor satu, Farah Ann binti Abdul Hadi, bidang sukan gimnastik artistik yang merupakan seorang *Olympian* dan 12 kali *medalist* di *SEA Games*. Pencapaian akademik juga adalah setara dan beliau telah melanjutkan pelajaran ke *Monash University* dalam *Bachelor of Arts and Social Sciences*.

Nombor dua, Izzah binti Amzan, atlet gimrama dan beliau pernah mewakili Malaysia ke Sukan Komanwel. Pencapaian akademik adalah berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Putra Malaysia dalam bidang TESL.

Nombor tiga, Ng Eain Yow, skuasy. Beliau sedang mengikuti pengajian di *United Kingdom*.

Nombor empat, Farrel Glenn Felix Jurus, hoki yang merupakan pemenang pingat emas Sukan SEA, Cambodia 2023 di bidang hoki. Beliau sekarang melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia.

Dengan itu adalah jelas bahawa pencapaian daripada segi sukan dan pencapaian daripada segi akademik, kedua-duanya boleh mencapai satu kecemerlangan bagi anak-anak kita di sekolah-sekolah sukan. Nama-nama yang dinyatakan tadi adalah hasil daripada anak-anak kita dari Sekolah Sukan Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput soalan terakhir kita, Yang Berhormat Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 13.

13. Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, apa pendirian pihak kerajaan mengenai isu penggunaan kultur tisu sebagai sumber bahan tanaman atau sumber benih bagi tanaman nanas MD2.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan tidak membenarkan penggunaan teknik kultur tisu bagi menghasilkan bahan tanaman atau sumber benih bagi tanaman nanas MD2 dalam perolehan kerajaan sehingga teknologi kultur tisu untuk menghasilkan bahan tanaman nanas MD2 telah dibuktikan stabil.

Teknologi kultur tisu ke atas nanas MD2 akan menyebabkan variasi somaklonal, keragaman genetik dan kadar ketidakstabilan genetik yang tinggi kerana nanas MD2 berhasil daripada kacukan pelbagai induk.

MD2 ini dia cantuman daripada lima induk- lima *family* iaitu *Cayenne, Smooth Guatemala, Pernambuco, Ruby dan Queen*. Tak apalah, tak faham pun dengar habislah... [Dewan ketawa] Hasil cantuman itu, lahirlah MD2. MD2 amat terkenal sekarang ini dan dia menjadi kegemaran di seluruh dunia.

Kajian-kajian yang dibuat mengatakan bahawa secara kultur tisu itu tidak sesuai. Di antaranya Y.K. Chan dan P.F. Lam daripada MARDI; Noor Baiti AA, Nurul Shamimi, ini daripada MARDI. Ketiga, Farah Zaharah daripada *Islamic Azad University*. Ini semua pandangan kajian mereka bahawa kultur yang dibuat itu tidak sesuai untuk MD2 sebab MD2 dia sudah ada lima cantuman dan dia sedap, dan berkualiti dan amat digemari sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Hendak tambah lagi- kultur lagi.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Ha, kita sambung sikitlah. Sebab dia punya bentuk itu lainkan. Kalau pakai kultur tisu, dia punya bentuk lebih lonjong daripada buah itu yang ada itu.

Soalan saya, sekiranya dipraktikkan secara meluas kaedah penggunaan kultur tisu dalam penanaman nanas MD2, agak-agak berapa peratus jumlah hasil pengeluaran yang dijangka dapat kita tingkatkan?

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Setakat ini tidak ada rekomendasi daripada MARDI dan institut yang saya sebut tadi. Oleh itu, kita kekalkan secara MD2 itu. Isu nanas ini saya sukar untuk menjawab di sini, ia amat popular sekarang dan pada masa depan. Kita hanya- tuntutan pihak antarabangsa memerlukan 4,000 buah kontena, kita baru dapat mengeluarkan 800.

So, para Senator di sini yang ada tanah, ada ladang tolong buka ladang nanas. Bab pasarannya itu, begitu meluas dan terjamin. Ini kerana banyak permintaan dari luar negara tak dapat kita penuhi. Sekarang nanas pula sekali tanam, tiga kali tuai iaitu boleh ambil buahnya, batang dan daunnya dan pucuknya itu dijadikan benih. Jadi, kita harap dalam masa yang singkat ini dapat kita eksport nanas lebih banyak ke luar negara supaya imbangi import dan eksport hal pemakanan ini dapat dikurangkan. Terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Ada soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Selesailah sesi pertanyaan bagi jawab lisan.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.” [25 Mac 2024]

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk mula menjawab. Masa yang diberikan pada hari ini adalah selama 30 minit.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

11.39 pg.

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam menjawab perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri dalam sesi penggulungan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja dalam Dewan yang mulia ini.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada sahabat-sahabat, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Luar Negeri sepanjang tempoh sesi perbahasan di atas Titah Diraja Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lalu.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri berperanan dan bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara dan memelihara kepentingan negara daripada segi politik, ekonomi dan sosial melalui amalan diplomasi selaras dengan lunas-lunas antarabangsa. Di dalam menghadapi situasi dan cabaran global yang kompleks ini Tuan Yang di-Pertua, terutamanya daripada segi sudut ketidakentuan geopolitik, ekonomi dan keselamatan, Kementerian Luar akan memastikan pelaksanaan dasar luar negara Malaysia sentiasa teguh bagi mencerminkan aspirasi kerajaan semasa dalam membangunkan Malaysia Madani sebagai usaha untuk mengangkat martabat Malaysia di persada dunia.

Dalam hal ini, pendekatan Dasar Luar Malaysia sentiasa berlandaskan prinsip iaitu menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah asing. Sikap tidak mencampuri urusan dalaman negara lain serta penyelesaian masalah secara aman. Secara tuntasnya kementerian akan terus komited dan terlibat aktif dalam menjalinkan hubungan yang baik dengan negara-negara asing demi manfaat bersama serta mengetengahkan pandangan dan pendirian Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan berprinsip dalam mana-mana wadah di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa tajuk yang saya bahagi-bahagikan. Pertama, tajuknya konflik Palestin-Israel. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau, Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman, Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh dan Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris telah membangkitkan isu Palestin semasa sesi perbahasan Dewan Negara yang telah berlangsung sebelum ini. Isu-isu yang disentuh merangkumi pendirian, peranan dan usaha negara dalam memperjuangkan hak asasi Palestin serta penyaluran bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia mengenai konflik Palestin-Israel. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas yang telah menyeru agar Kerajaan Malaysia terus memainkan peranan aktif dan mempamerkan pendirian yang tegas dalam isu Palestin ini. Dalam hal ini, saya ingin menegaskan bahawa pendirian Malaysia tentang isu Palestin tidak pernah berubah dan kekal sejak dahulu lagi.

Malaysia sememangnya kekal dengan pendekatan yang berprinsip iaitu menyokong pengembalian hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas, hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan sempadan pra-1997 dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara dan Palestin diterima sebagai anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pendirian Malaysia ini juga merupakan satu kesepakatan antarabangsa ataupun, dengan izin, *international consensus* yang dipersetujui ke arah penyelesaian konflik di Palestin ini. Pendirian tegas Malaysia ini bukan hanya sahaja bermula pada 7 Oktober 2023 Tuan Yang di-Pertua, tetapi ia bertitik tolak daripada perjuangan Palestin yang telah ditindas oleh rejim Israel sejak 75 tahun yang lalu. Malaysia akan terus bertindak lantang, bersuaraantang dan tegas dalam menyuarakan enam tuntutan utama iaitu:

- (i) gencatan senjata serta-merta dan bantuan kemanusiaan segera;
- (ii) menghentikan aktiviti penempatan oleh Israel dan tindakan keganasan penduduk haram ataupun, dengan izin, *stateless*;
- (iii) menghentikan serah-merta pemindahan orang awam Palestin secara paksa;
- (iv) siasatan ke atas semua pelanggaran undang-undang antarabangsa melalui institusi perundangan antarabangsa;
- (v) menyokong inisiatif keamanan Arab dan rundingan penyelesaian dua negara ataupun *two-state solution* berdasarkan garis sempadan pra-1997; dan
- (vi) memerangi peningkatan global dalam *Islamophobia*.

Sehubungan dengan itu, Malaysia sentiasa konsisten dalam menegaskan pendirian negara kita termasuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala dan pelbagai hala seperti di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan mana-mana platform dua hala dan pelbagai hala bagi memperjuangkan isu Palestin ini.

Baru-baru ini semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jerman dari 10 hingga 15 Mac 2024, Perdana Menteri telah melontarkan kritikan keras sikap hipokrit sesetengah pihak di negara-negara barat dalam isu Palestin dan terus menyuarakan solidariti Malaysia kepada rakyat Palestin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan pendirian tersebut semasa pertemuan dengan Canselor Jerman Olaf Scholz dan Perdana Menteri Frank-Walter Steinmeier dan semasa sesi temu bual dengan media masa Jerman pada ketika itu. Pendekatan yang diambil oleh Malaysia di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman berkaitan kekuatan bersama yang dapat ditunjukkan apabila Malaysia bekerjasama rapat dengan negara-negara lain dalam memperjuangkan isu Palestin.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan antara negara yang sentiasa terkedepan dan aktif dalam mengangkat isu Palestin di peringkat pelbagai platform antarabangsa. Usaha-usaha berterusan serta sokongan Malaysia terhadap Negara Palestin boleh dilihat dengan jelas di pelbagai peringkat. Antaranya:

Nombor satu, kenyataan bertulis bagi proses mendapatkan pendapat nasihat di Mahkamah Keadilan Antarabangsa ataupun ICJ pada 25 Julai 2023; menyertai sidang Pleno Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ke-78 dan Debat Terbuka Majlis Keselamatan PBB di New York pada 28, 29 November 2023; Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali atau *Non-Aligned Movement* (NAM) ke-19 di Kampala, Uganda pada 19, 20 Januari yang lalu; Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN-Kesatuan Eropah (AEMM) yang ke-24; dan forum Menteri Indo-Pasifik Kesatuan Eropah.

Ketiga di Brussels pada 2 Februari 2024, sesi pendengaran awam bagi mendapatkan pendapat nasihat dari Mahkamah Keadilan Antarabangsa berhubung isu Palestin di Den Haag, Belanda pada 22 Februari 2024 dan segmen peringkat tinggi sidang kelima Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva pada 27 Februari yang lalu.

Malaysia juga antara lain telah mengambil tindakan strategik menerusi kerjasama rapat dengan negara-negara anggota OIC dan negara-negara sepemikiran ataupun *like-minded countries*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi tekanan politik diplomatik dan perundangan di peringkat antarabangsa bagi menghentikan serangan dan kekejaman Israel ke atas Palestin. Matlamatnya berpegang kepada tiga paksi utama iaitu:

- (i) untuk mengadakan gencatan senjata serta-merta dan kekal;
- (ii) mewujudkan laluan bantuan dan kemanusiaan yang tidak terhalang; dan
- (iii) memastikan akauntabiliti Israel terhadap pelanggaran undang-undang antarabangsa.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Boleh minta? Mohon sikit.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Silakan.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa yang paling bertanggungjawab dalam isu perang Palestin ini adalah negara-negara Islam OIC. Di peringkat awal saya tengok reaksi ini, nampak ada peranan tapi selepas itu saya tengok bisu. Bisu sebisu-bisunya.

■1150

Saya rasa amat kecewa dan rasa berdosa. Untuk kita bebaskan diri kita daripada tanggungjawab besar di hadapan Allah Taala, saya harap pihak kerajaan terus ketuk sedikitlah OIC ini ya. Terima kasih.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya jawab sikit. Memang banyak yang kecewa dengan OIC ini ataupun- "*Oh I See!*" *only*, tetapi apakan daya Datuk Yang di-Pertua, itulah forum kita di peringkat antarabangsa negara-negara Islam. Hendak ketuk kepala, dia punya serban tebal sangat, dia tidak terasa.

Datuk Yang di-Pertua, kita akan buat apa yang terdaya. Malaysia memang menjuarai dan membawa suara lantang dan tegas di peringkat mana jua pun. Kalau kita lihat semasa sesi soal jawab dengan wartawan di *Germany* baru-baru ini, Perdana Menteri duduk sebelah ataupun berdiri sebelah menyebelah dengan Canselor Jerman. Perdana Menteri menempelak secara tidak langsung apa yang dinyatakan oleh Canselor dan ini mendapat sokongan seluruh dunia Datuk Yang di-Pertua. Itu yang boleh kita buat sebagai sebuah negara yang kecil bersuara lantang, tetapi usaha seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Nik Abduh tadi itu memang benar.

Kekuatan mesti ada di kalangan negara-negara Arab terutamanya OIC. Itu sebabnya beberapa sidang khas telah pun dilakukan dan baru-baru ini Sidang Khas Kemuncak Menteri-Menteri Luar Negara OIC, saya tidak dapat pergi kerana saya di Australia kerana ada mesyuarat khas ataupun Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia diwakili Malaysia, diwakili oleh Timbalan Menteri membawa suara yang sama, *insya-Allah*.

Datuk Yang di-Pertua, Malaysia juga antara lain telah mengambil langkah strategik menerusi kerjasama dengan negara-negara OIC dan negara-negara sefikiran iaitu *Like-Minded Countries* memberi tekanan politik diplomatik dan perundangan di peringkat antarabangsa bagi menghentikan serangan dan kekejaman Israel ke atas Palestin. Matlamatnya berpegang kepada tiga- paksi mengadakan gencatan senjata, mewujudkan laluan bantuan kemanusiaan tidak terhalang dan akauntabiliti Datuk Yang di-Pertua.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyuarakan pendirian Malaysia semasa menghadiri Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Riyadh pada November 2023 yang lalu. Yang terkini, seperti yang saya sebut tadi, Timbalan Menteri Luar telah mewakili Malaysia ke Mesyuarat Tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negara OIC di Jeddah pada 5 Mac baru-baru ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau pula bertanyakan tentang pendirian ASEAN dalam hal ehwal antarabangsa termasuk isu Palestin. Di Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia di Melbourne pada 6 Mac baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggesa agar dilaksanakan gencatan senjata kekal dan disegerakan dan kepentingan hak rakyat Palestin untuk menentukan nasib sendiri atau, dengan izin, *right to self determination* di lindungi. Beliau ataupun Perdana Menteri turut mendesak masyarakat antarabangsa supaya mengambil tindakan yang tegas bagi memastikan Israel mematuhi langkah sementara atau, dengan izin, *provisional measure* yang ditetapkan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada Januari 2024. Ada enam langkah yang patut Israel buat Datuk Yang di-Pertua.

Semasa Sesi Permukiman Menteri-menteri Luar Negara ASEAN yang telah diadakan di Luang Prabang, Laos pada 28 Januari hingga 29 Januari yang lalu, saya sendiri telah mengambil peluang untuk mengetengahkan isu situasi di wilayah pendudukan Palestin ini. Malaysia juga menggesa agar keganasan dihentikan dengan gencatan senjata dilaksanakan dengan serta-merta Datuk Yang di-Pertua, sambil mengingatkan bahawa kekejaman yang berterusan ini hanya akan menambah kepada penderitaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin selama lebih 75 tahun.

Penderitaan rakyat Palestin ini bukan bermula pada 7 Oktober 2023 Datuk Yang di-Pertua, 75 tahun rakyat Palestin ditindas, rakyat Palestin negara dicerobohi, dihalau daripada tanah air mereka. Mereka dibunuh macam tak ada harga lebih daripada binatang Datuk Yang di-Pertua. Itulah yang telah dilakukan oleh Rejim Zionis Israel ke atas rakyat Palestin. Malaysia juga menyeru agar bantuan kemanusiaan dapat disalurkan tanpa halangan kepada rakyat Palestin di Gaza.

Datuk Yang di-Pertua, Malaysia mengalu-alukan keputusan ICJ pada 26 Januari yang lalu berhubung enam langkah sementara dalam kes yang difailkan oleh pihak Afrika Selatan ke atas Israel di bawah Konvensyen Genosid. Dalam hal ini, Malaysia berjaya mengetengahkan isu Palestin termasuk keputusan ICJ tersebut dalam kenyataan media yang dikeluarkan oleh Laos PDR selaku Pengerusi ASEAN 2024.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe: Datuk Yang di-Pertua, memohon mencelah.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Ya, silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Seperti Yang Berhormat Menteri mengatakan kita mendesak, kita memberi tekanan seperti sokongan yang kita berikan kenyataan, kita menyertai mesyuarat, kita debat dan pada pendapat Menteri itu ialah hakikat kita adalah *middle power*, kita bukan *super power*. Manalah tindakan yang terkesan sekali, yang lebih baik, yang terbaik pada pandangan daripada Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Ya Datuk Yang di-Pertua, Senator Datuk Dominic mengatakan *we are a small state*, dengan izin. Kita ini *middle power*, bukannya *super power*, tetapi dengan kita membawa suara dengan tegas, desakan demi desakan, segala pentas hubungan diplomatik digunakan di pentas dunia, peringkat antarabangsa, baik dua hala ataupun pelbagai hala, Malaysia apa jua pentas, kita tidak lupa membawa isu Palestin. *Alhamdulillah*, isu ini nampaknya didengari oleh masyarakat antarabangsa.

Kita tidak boleh tembak mak mertua, kita tempeleng menantu dia... [*Tepuk*] Kita buat begitu Senator ya. Kita sebenarnya hendak supaya menekan negara-negara yang sentiasa membantu, yang membantu membutuhkan hati mata mereka yang membantu Israel. Itu tekanan sebenarnya yang hendak kita buat.

Negara-negara yang sentiasa sahaja buta hati, buta mata membantu dengan menghantar senjata, menghantar segala peruntukan ke Israel. Kita tahu Israel tidak akan buat apa-apa, kita tahu siapa dia Israel, kita tahu siapa Perdana Menteri Israel, tetapi kita hendak memberikan tekanan antarabangsa terhadap negara yang membantu Israel.

Alhamdulillah, tetapi saya cakap awallah ya, *alhamdulillah* negara yang selalu menggunakan kuasa veto- semalam saya cakap di sini, kan? Ataupun di Dewan Rakyat, Malaysia membawa suara supaya veto ini dibatalkan Datuk Yang di-Pertua, tetapi dalam masa kita menunggu untuk membatalkan veto ini yang susah hendak dilakukan, kita juga telah membuat suara, kita punya perwakilan tetap di Bangsa-Bangsa Bersatu di New York telah pun bercakap bagi pihak Malaysia minggu lepas, supaya kuasa veto ini dihadkan. Tidak boleh guna sewenang-wenangnya, tidak boleh guna veto jika ia atas asas kekejaman ke atas manusia, genosid, *war crime*, tidak boleh guna.

Kalau tidak daripada 85 veto yang telah pun digunakan sejak Bangsa-bangsa Bersatu ataupun *Security Council* ditubuhkan, 85 veto, 81 digunakan untuk membantu Israel. Itu yang kita persoalkan. Kita hendak supaya negara yang bersimpati, yang membantu Israel ini ditekan atas pentas-pentas dunia. Kalau Israel tidak ada pembantu macam ini, saya tak yakin Israel begitu- orang kata begitu ego dan *arrogant* sekali di peringkat antarabangsa- membunuh rakyat Palestin begitu kejam sekali Datuk Yang di-Pertua.

Itu yang hendak kita buat. *We know that we are nobody, we know that Malaysia is a very small country*, dengan izin, *but we will not stop*. Kita tidak akan berhenti Datuk Yang di-Pertua. Okey Datuk Dominic, okey ya? Langkah yang diambil Malaysia untuk mengheret Israel ke ICJ.

Yang Berhormat Senator Dr. Lingeswaran, Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh telah- dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris. Terima kasih atas pandangan dan saranan berkaitan usaha Kerajaan Malaysia mengheret Israel ke muka ICJ.

Pada 29 Disember 2023, Afrika Selatan telah mengemukakan permohonan memulakan prosiding terhadap Israel di ICJ. Organ kehakiman utama PBB, permohonan tersebut adalah berkaitan dengan pendakwaan pelanggaran obligasi Israel di bawah Konvensyen Genosid 1948 yang Israel sendiri sebagai ahli menandatangani konvensyen tersebut berkaitan dengan kezaliman ke atas rakyat Palestin di Gaza.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, susulan daripada itu pada 26 Januari 2024, ICJ telah mengarahkan Israel dengan melaksanakan enam langkah sementara, *professional measures* yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu:

- (i) mencegah genosid di Gaza selaras dengan tanggungjawabnya di bawah Konvensyen Genosid 1948;
- (ii) memastikan tentera Israel tidak melakukan sebarang tindakan genosid;
- (iii) mencegah dan menghukum sebarang hasutan ke arah genosid;
- (iv) membenarkan perkhidmatan asas dan bantuan kemanusiaan untuk memasuki Gaza;
- (v) menghalang pemusnahan dan memastikan pemeliharaan bukti-bukti yang berkaitan dengan dakwaan genosid yang dilakukan dan;

- (vi) mengemukakan laporan terhadap ICJ mengenai semua langkah yang telah diambil untuk dilaksanakan perintah tersebut dalam tempoh satu bulan.

Malaysia sebagai penyokong kuat perjuangan Palestin sememangnya memberikan sokongan ke atas permohonan Afrika Selatan di ICJ ini. Selanjutnya Malaysia juga telah memperjuangkan isu Palestin dari sudut perundangan dengan menyertai prosiding bagi mendapatkan pendapat nasihat ICJ berhubung isu Palestin, Tuan Yang di-Pertua di mana Malaysia telah mengemukakan kenyataan bertulis pada ICJ pada 25 Julai 2023 dan menyertai sesi pendengaran awam ataupun *oral submission* yang telah pun berlangsung daripada 19 hingga 26 Februari 2024 di *Peace Palace* di Den Haag, Belanda.

Prosiding pendapat nasihat ini adalah satu proses penting untuk mendapatkan nasihat perundangan daripada ICJ dalam menggariskan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap negara bagi memastikan hak penentuan nasib sendiri rakyat Palestin dihormati dan dipelihara, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sendiri telah membentangkan kenyataan lisan Malaysia di sesi pendengaran awam tersebut pada 22 Februari 2023, jam lima petang yang antara lain menegaskan bahawa dasar dan amalan Israel di wilayah Palestin yang diduduki secara haram adalah pelanggaran undang-undang antarabangsa secara terang-terangan yang mencabul hak rakyat Palestin untuk penentuan nasib mereka sendiri.

Malaysia berpendirian Tuan Yang di-Pertua bahawa pendudukan, dengan izin, *occupation* Israel ke atas Wilayah Palestin menyalahi undang-undang dan mesti dihentikan serta-merta. Malaysia menggesa semua negara tidak berkompromi dengan tindakan dan pendudukan haram Israel ke atas wilayah Palestin di samping menekankan kewajipan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk melaksanakan tanggungjawabnya dalam menyelesaikan isu Palestin ini.

Alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* syukur kita dalam bulan Ramadan ini, hasil daripada tekanan demi tekanan, gesaan demi gesaan berterusan Malaysia dan masyarakat antarabangsa mengenai konflik kekejaman pembunuhan beramai-ramai- genosid di Gaza ini, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *UN Security Council* akhirnya telah meluluskan Resolusi 2728 tahun 2024 mengenai Gaza lewat malam semalam, ya lewat malam semalam, Tuan Yang di-Pertua telah diluluskan... [*Tepuk*] *Alhamdulillah*.

Tuan Yang di-Pertua, dia mendengar agaknya apa saya cakap dekat Dewan Rakyat semalam. Amerika tidak gunakan veto dia, dia tidak menyokong, dia tidak membantah, tetapi dia berkecuali. Jadi undi dalam *Security Council*, 14 menyokong, satu berkecuali, *alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

Resolusi ini menuntut gencatan senjata serta-merta. Ini resolusi yang kesepuluh dalam masa satu bulan Tuan Yang di-Pertua. Dua hari lepas Resolusi Kesembilan- Rusia dan China veto. Amerika buat, Rusia veto. Rusia buat, China buat veto. Algeria buat, Amerika veto. Itu kerja mereka, tetapi *alhamdulillah* semalam semuanya *have come back their senses*. Tuan Yang di-Pertua, berkat bulan Ramadan ini agaknya ya.

Resolusi ini menuntut gencatan senjata serta-merta, pembebasan tebusan dan penghantaran segera bantuan makanan kemanusiaan tanpa halangan. Ini resolusinya. Malaysia akan terus, Tuan Yang di-Pertua menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memastikan Rejim Israel akur dengan Resolusi tersebut dan menghentikan kekejaman terhadap rakyat Palestin dengan segera.

Kita tidak pasti sama ada Israel nak akur atau tidak, tetapi sekurang-kurangnya kita berjaya atas desakan-desakan di peringkat antarabangsa, Amerika telah mengubah pendirian mereka daripada sentiasa menggunakan veto untuk menghalang tekanan ke atas Israel, tetapi semalam mereka telah berkecuali. Itu pun dah memadai.

Bantuan kemanusiaan Malaysia kepada rakyat Palestin. Saya menghargai keprihatinan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli dan Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris terhadap kesengsaraan rakyat Palestin yang masih berlarutan tiada berkesudahan.

Malaysia memang komited Tuan Yang di-Pertua dalam penyampaian bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza. Sejumlah 100 tan bantuan kemanusiaan yang merangkumi keperluan asas antaranya ubat-ubatan, makanan keperluan bayi, wanita, keperluan musim sejuk telah dihantar ke Gaza pada hujung tahun 2023 melalui pintu lintasan Rafah-Gaza.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya saya nak cakap dekat sini. Kita hantar beratus-ratus tan bukan Malaysia sahaja- seluruh dunia menghantar beratus-ratus tan, tetapi tidak buka pintu. Pintu tidak buka, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Luar Negeri hantar Timbalan saya bersama dengan empat orang Ahli Parlimennya. Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta pergi, bukan? *You can see*, dengan izin, tidak dapat masuk. Beribu-ribu kontena dekat luar, bersusun-susun pintu, tidak masuk, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah dia kedegilan Rejim Zionis, Tuan Yang di-Pertua. So, kita sedang mencuba pelbagai, tetapi kita berhubung melalui Kerajaan Mesir kerana Kerajaan Mesir mempunyai hubungan diplomatik dan juga kita sedang berunding dengan Kerajaan Jordan untuk kita melalui Kerajaan Jordan juga untuk kita dapat menyalurkan bantuan, tetapi *alhamdulillah*, semalam telah diputuskan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Hendaknya bantuan yang telah pun diluluskan dalam Resolusi ini tidak ada halangan untuk menghantar bantuan lagi untuk masuk membantu rakyat Palestin yang menderita, yang dibunuh dan juga diseksa dengan kejam.

Proses kemasukan barangan ini dipermudahkan atas kerjasama baik antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Mesir serta kerjasama erat Malaysia melalui NGO-NGO, khususnya NGO Ops Ihsan dan Persatuan Bulan Sabit Merah selaku agensi pelaksana tunggal bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza. Melalui inisiatif Ops Ihsan ini dan NGO-NGO Malaysia yang lain, lebih daripada 1,500 tan bantuan kemanusiaan telah dihantar secara beransur-ansur ke Gaza.

Berhubung solusi bagi sekatan penyaluran bantuan kemanusiaan yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta, Malaysia kini sedang meneliti setiap alternatif dalam memastikan bantuan kemanusiaan di Malaysia sampai kepada rakyat Palestin yang memerlukannya di Gaza, tetapi *insya-Allah*, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta, dengan keputusan resolusi semalam kita harap supaya tidak ada lagi apa-apa halangan.

Selain isu alternatif, adalah penghantaran bantuan kemanusiaan melalui operasi udara, dengan izin, *air drop* Malaysia melalui Ops Ihsan untuk bekerjasama dengan pihak keselamatan Mesir, Tentera Mesir bagi penghantaran barang kemanusiaan melalui udara. Pada 27 Februari 2024, 4,700 kotak telah diserahkan kepada Tentera Udara Mesir bagi operasi tersebut.

Hasil keprihatinan rakyat Malaysia yang bermurah hati Tuan Yang di-Pertua menyumbang ke Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin atau dengan ringkas AAKRP. Ini tabung amanah yang ditubuhkan oleh Wisma Putra. Projek penghantaran barang makanan asas ke Gaza di bawah kendalian Sekretariat Ops Ihsan kini sedang giat dilaksanakan. Projek ini menyasarkan 800 tan makanan warga Arab. Makanan ruji mereka. Arab ini dia tidak makan macam kita dekat Negeri Sembilan. Makanan mereka seperti tepung, minyak zaitun, kacang kuda, jem, teh, untuk diagihkan kepada rakyat Palestin. Cikgu Mustafa... *[Mengangkat tangan]*

Kita akan hantar fasa ketiga 1,132 orang penduduk Gaza telah menerima manfaat daripada bantuan ini. Fasa ketiga dan terakhir akan melibatkan 23,000 kotak lagi dalam proses penghantaran.

Tuan Yang di-Pertua, agensi bantuan kerja untuk pelarian Palestin di Asia Barat, *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* ataupun UNRWA.

■1210

Malaysia pada bulan lalu telah bersetuju untuk membuat sumbangan tambahan Datuk Yang di-Pertua sebanyak RM10 juta lagi kepada Agensi Bantuan Kerja ini ataupun kepada UNRWA ini. Ini merupakan sumbangan tambahan kepada UNRWA berjumlah RM10 juta yang telah pun disalurkan pada bulan November 2023.

UNRWA ini Datuk Yang di-Petua, adalah satu-satunya agensi yang *very reliable* yang betul-betul boleh dipercayai yang melakukan kerja-kerja membantu pelarian-pelarian Datuk Yang di-Petua. Memang jelas. Itu sebabnya nak melumpuhkan Palestin dengan lebih dahsyat lagi negara-negara yang dulunya sebagai penderma, pencarum kepada tabung ataupun UNRWA Datuk Yang di-Pertua telah pun menarik mereka punya sumbangan. Ini yang kita bawa juga suara kita Datuk Yang di-Pertua.

Malaysia akan terus komited dalam memperjuangkan hak asasi dan menyuarakan keadilan rakyat Palestin serta mengheret Israel ke muka pengadilan.

Ini isu yang *last* sekali Datuk Yang di-Pertua ialah berkenaan isu persempadanan maritim, ini sahabat saya Dato' Halim yang bertanya. Sempadan maritim berkaitan Batu Puteh. Pertamanya Dato' Halim saya nak betulkan, dia bukan Pulau Batu Puteh. Dia Batu Puteh sahaja. Jangan sebut Pulau Batu Puteh, dia bukan pulau. *It is not an island*, bahkan ICJ memutuskannya bukan atas keputusan dia sebagai sebuah pulau, sebagai batuan. Kita panggil Batu Puteh. So, jangan gunakan pulau. Kalau kita gunakan pulau, kita akan mengiakan apa kehendak Singapura. Singapura ini dia macam Belanda sikit. Bagi sikit, bagi betis nak paha.

Yang Berhormat Dato' Halim telah membangkitkan isu Batu Puteh, Kementerian Luar ingin menekankan kepada semua Ahli Dewan bahawa terma rasmi yang digunakan oleh kerajaan dalam sebarang rujukan adalah Batu Puteh dan bukan Pulau Batu Puteh. Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa *feature* tersebut adalah sebuah batuan dan bukan sebuah pulau memandangkan ia tidak memenuhi syarat sebagai sebuah pulau menurut Artikel 121 dalam Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan Undang-undang Laut 1982 ataupun *United Nations Convention on The Law of The Sea 1982*, dengan izin Datuk Yang di-Pertua.

Untuk makluman lanjut Dewan yang mulia ini Datuk Yang di-Pertua, berdasarkan kepada peruntukan 121 tersebut definisi pulau hendaklah menepati kriteria bahawa ia boleh menampung kediaman manusia atau, dengan izin, *human habitation* atau menjana kegiatan ekonomi. Ini juga selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Ogos 2008.

Seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum, pada 23 Mei 2008, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) telah membuat keputusan ke atas kedaulatan atas Batu Puteh ini, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di antara Malaysia dengan Singapura. Berdasarkan keputusan Mahkamah Antarabangsa ini (ICJ) telah memberikan penghakiman bahawa kedaulatan ke atas Batu Puteh berpihak pada Singapura, manakala kedaulatan ke atas Batu Tengah adalah berpihak pada Malaysia.

Berikutan keputusan tersebut Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura telah membentuk mekanisme khusus untuk melaksanakan penghakiman ICJ ini berhubung kes tersebut dan untuk merundingkan isu-isu seperti persempadanan maritim di mana Malaysia dan Singapura- antara Malaysia dan Singapura di kawasan tersebut. Kita sedang berunding, ada jawatankuasa.

Rundingan tersebut bagi kedua-dua pihak kini diketuai oleh Malaysia. Malaysia diketuai oleh Peguam Negara masing-masing dengan delegasi Malaysia disertai agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara, Kementerian Luar Negeri, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Pertahanan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Pusat Hidrografi Nasional, Jabatan Laut Malaysia, dan Kerajaan Negeri Johor itu.

Penutupnya Datuk Yang di-Pertua lagi dua perenggan sahaja...

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Boleh mencelah?

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Celahlah apa yang patut.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Batu Puteh ini- kalau ikut bahasa undang-undang memang Batu Putehlah, bukan pulau Batu Puteh. Johor selalu cakap Pulau Batu Puteh sebab kita melihat kita ada rumah api yang dikelolakan oleh Kerajaan Singapura sebelum ini. Perancangan masa panjang Singapura adalah untuk menambak pulau tersebut. So, kita kena *take note on that*. So, antara Tubir dan Batuan Tengah so *called just a Middle Rock* yang ada di kawasan tersebut.

Apakah tanda yang harus kita letakkan di situ? Sebab bila dia nak *expand* Batu Puteh menjadi sebuah pulau, keadaan Batuan Tengah dan Tubir Selatan ini harus diambil kira dan kita tidak mahu ia berlaku lagi seperti mana yang telah berlaku bila Batu Puteh kena ada rumah apinya diambil oleh Singapura dengan memberikan kebenaran untuk mentadbir dan mengelola rumah api tersebut.

So, soalan saya dan pandangan saya agar perkara ini harus diberikan perhatian yang khusus agar tidak berlaku lagi pengambilan ialah macam Israel dengan Gaza. Ini berlaku saya takut Malaysia akan berada dalam keadaan yang tertekan bila mana Batu Puteh dan Tubir Selatan, Batuan Tengah ini diambil balik oleh Singapura. Terima kasih Speaker.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Batu Puteh keputusannya dan juga *Middle Rock* ataupun Batu Tengah ini telah pun ada keputusan ICJ, Datuk Yang di-Pertua. Tidak timbul soal Singapura nak ambil siapa *ker* tidak, tetapi ada isu sampingan di mana usaha yang dibuat oleh pihak sebelah yang mana keputusan ICJ tersebut tidak menyebut ia Pulau Batu Puteh. Ia adalah sebagai Batu Puteh dan apabila ini keputusannya dan kita juga ada apa yang dipanggil sebagai laut itu *historical*- dia punya *historical commission* is laut itu laut Malaysia. Cuma pulau itu saja yang diberikan pada Singapura.

Jadi, isunya sekarang ialah jika Singapura nak membesarkan kawasannya itu yang perlu kita tangani. Itu sebabnya Malaysia diwakili oleh Jabatan Peguam Negara supaya rundingan antara kedua-dua belah pihak ini dibuat dengan secara telus dan supaya dia tidak melangkaui apa yang telah diputuskan oleh ICJ.

ICJ telah pun- *judgement* ICJ menyatakan dia telah buat *award* ataupun membuatkan penghakiman Batu Puteh itu diserahkan pada Singapura kerana ada kegiatan di situ iaitu rumah api tersebut dan menurut undang-undang doktrin *estoppel* kita pula tak pernah mengakui pulau itu pulau kita. Ada pula surat dari Johor sendiri mengatakan pulau itu kepunyaan Singapura. Itu yang menyebabkan susah untuk kita memenangi kes tersebut dulu, tetapi kita nak *appeal* semula, tapi pada ketika itu 2008 kita tidak meneruskan kita punya *appeal*, terus menyerahkan kepadanya. Jadi, ini keputusan telah dibuat. Bak kata Senator tadi, apa perlu kita buat supaya tidak lagi berulang.

Jadi, saya harap supaya Kerajaan Negeri Johor di bawah kita punya Perlembagaan *list* negeri dan juga *list* Persekutuan itu kena buat *enforce*-lah. Jadi Dato' balik Johor Dato' cacaklah bendera Barisan Nasional *ker* apa *ker* dekat Pulau *Middle Rock* tersebut jangan biarkan kosong macam itu. Hantar budak-budak, wanita nak pergi melawat- jangan melawat Langkawi melawat Batu Tengah. Pergi itu hantar pakai bot buat belong di situ apa yang patut.

Sebab Malaysia telah diperakui hak kita ke atas Batu Tengah, tetapi jangan ada orang nanti duduk di situ dan dia akan menggunakan doktrin iaitu *doctrine of estoppel*, kalau tak salah saya. Saya bukan penuntut undang-undang *the doctrine of estoppel we apply because* dia buat di situ selalu, kita tidak pula *claim* itu kawasan kita walaupun telah pun dimuktamadkan oleh mahkamah, nanti dia akan kata, "*No, you never border this because we been using, we occupied island for so long*". Jadi dia akan membawa kes ini ke mahkamah lagi. Jadi elok Kerajaan Negeri Johor sebab tanah adalah hak negeri di bawah *State-List* dalam Perlembagaan- tanah, galian, hutan, air semua hak negeri. Jadi negeri kena buat sesuatu jangan biarkan kosong begitu saja. Kita dekat Kuala Lumpur ini jauh Dato'. Dato' yang *dokek* itu Dato' *buek*, okey. Terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Mohon pencerahan Yang Berhormat Datuk. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya rasa nama saya terlupalah kerana ada soalan pasal pencerobohan *China Coast Guard* ke lautan Malaysia. Ini hal, sempadan Sarawak, dekat Beting Patinggi Ali. Tadi saya rasa terlepas pandang kot.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Saya tak tahu sebab ini- sebab saya tak ada masa itu kan, tak terlepas pandang. Saya nak jawab. Izinkan, bagi saya masa Tuan Yang di-Pertua, boleh? Menjawab soalan daripada Senator Dato' Ahmad ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Tentang Laut China Selatan, *very clear*. Kita merupakan negara pertama di rantau ini yang telah pun mendaftarkan kita punya peta pada tahun 1979 dan diakui. Tak ada negara di rantau Asia Tenggara yang buat peta, kita ada peta. Kita telah pun memetakan kita punya *continental shelf* kita, kawasan *forward*, kawasan *advance* kita, semua kita dah buat, EEZ kita tahu apa.

Jadi, setakat apa yang kita lakukan ialah sesiapa sahaja mencero bohi perairan kita, kita akan hantar nota bantahan. Kita akan bagi tahu, "*You are entering illegally to our water.*" Itu kita buat. Walaupun dia masuk, tapi kita hantar bantahan demi bantahan, demi bantahan, demi bantahan. Kita tetap bantah kerana kita telah pun mendaftarkan peta kita Tuan Yang di-Pertua dan ini diperakui. Ini adalah merupakan selaras dengan *United Nations Convention* iaitu *Law of the Sea 1982*. Jadi, tidak timbul soal mengatakan, "Oh, ini kawasan dia." *No, this is our water. Full stop.* Tidak ada rundingan, tidak ada apa-apa. Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Mohon pencerahan lagi sekali YDP, Dato'.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Saya faham, tapi saya rasa kita sebagai *individual country* dengan izin, kecil. Jadi, adakah kita melalui ASEAN pernah menghantar notis atau surat kepada China bahawa *stop encroaching into our territory, our sea waters*, dengan izin?

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Surat demi surat Tuan Yang di-Pertua, tapi ada orang dia bukan faham pun surat kita. Jadi, kita hantar banyak surat. Kalau tentang *enforcement* tadi yang Senator tanya saya tadi, bukan dalam bidang kuasa kementerian, tetapi saya sebagai bekas Menteri Pertahanan, kita buat. Kita hantar kita punya perahu ya... [*Ketawa*] Itu sebabnya kita nak buat LCS, kita buat LMS, janganlah marah. Sebab kita perlu ada kekuatan. Kalau setakat hantar kita punya kapal 50 tahun umur, kena sembur dengan meriam air pun pecah kapal kita. Jadi, *we need a new asset*, jangan marah. Sokong kerajaan untuk sambung LCS, beli LMS baharu. Kita akan buka- semasa saya, tapi sekarang saya tak tahulah.

Ini sahabat saya dari Sarawak, telah diluluskan untuk kita membina satu *naval base* yang besar sebagai kita punya Medan Timur. Kita punya *naval base* yang besar di Bintulu, dekat Samalaju. Akan kita letakkan segala aset kerana adalah lebih dekat daripada Samalaju, Bintulu untuk ke Beting daripada Sepanggar, Kota Kinabalu ke Beting. Sepanggar ke Beting mengambil masa 15 jam kalau 25 knot, tapi dari Bintulu ke Beting Ali mengambil masa 4 jam.

Jadi, itu sebab mengapa rasionalnya kita membuka ataupun akan membina pangkalan laut *navy* kita di Bintulu. Kita akan ada *open base* untuk TUDM- *air force* dan kita akan ada satu lagi briged untuk kita letakkan di Bintulu. Bintulu akan menjadi satu pusat pertahanan di Medan Timur Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tak ada apa-apa soalan lagi, selamat berpuasa dan Selamat Hari Raya...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Menteri.
Kementerian yang seterusnya, Kementerian Kerja Raya.

12.24 tgh.

Menteri Kerja Raya [Dato Sri Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang Sarawak, ingin saya direkodkan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Menteri Luar Negeri tadi selaku Menteri Pertahanan dahulu telah meluluskan *naval base* di Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai segala keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berhubung isu-isu, pandangan serta cadangan yang telah dibangkitkan berkenaan bidang fungsi Kementerian Kerja Raya. Saya akan cuba menjawab semua isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator semua.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah dan menzahirkan setinggi-tinggi ucapan tahniah atas pelantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

Saya juga menjunjung kasih atas Titah Diraja yang telah disampaikan sewaktu Ucapan Titah Diraja Tuanku di Istiadat Pembukaan Parlimen pada 26 Februari tahun 2024 ini. Menjunjung kasih dan setinggi penghargaan atas kepimpinan cemerlang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Saya dan seluruh rakyat Malaysia berterima kasih atas kebijaksanaan pentadbiran Tuanku dalam membangunkan negara, merapatkan hubungan rakyat dengan Raja serta sebagai ketua negara yang sentiasa mengambil berat untuk menabur khidmat bakti kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga peristiwa penting yang ingin saya kongsi kepada Yang Berhormat Senator semua terutama sewaktu umat Islam bakal menyambut kedatangan bulan Syawal tidak lama lagi. Kementerian Kerja Raya amat bersyukur dan berbesar hati dapat menyiapkan projek-projek yang dimaksudkan ini walaupun sasaran awalnya sebelum Aidilfitri tahun ini, namun berjaya diselesaikan sebelum 1 Ramadan 2024 ini.

Pertama, jalan Lingkaran Tengah Utama (LTU) Seksyen 5A: *Raub Bypass*, Raub, Pahang sudah dibuka mula 7 Mac 2024. Pembukaan jajaran ini akan memberi manfaat kepada pengguna jalan raya dengan memendekkan masa perjalanan dari Lebuhraya Pantai Timur ke Kuala Lipis tanpa melalui Bandar Bentong dan Raub dengan jarak perjalanan 45.3 kilometer yang mengambil masa 30 minit sahaja.

Penjimatan masa ini kemudiannya diharapkan dapat menjimatkan keseluruhan kos perbelanjaan. Pembukaan jajaran ini juga akan dapat mengurangkan kesesakan trafik di jalan persekutuan FT008 sedia ada terutamanya pada waktu puncak ketika musim perayaan dan cuti sekolah dan seterusnya menjimatkan masa sehingga dua jam berbanding jika kita melalui jalan sedia ada yang terpaksa melewati Bandar Bentong dan Bandar Raub.

Risiko kemalangan jalan raya juga diharapkan dapat dikurangkan kerana simpang jalan yang dilengkapi dengan lampu isyarat. Projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) atau dahulunya dikenali sebagai *Central Spine Road* (CSR) merupakan projek berimpak tinggi yang menghubungkan Kuala Krai, Kelantan hingga persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Pahang. Panjang keseluruhan projek LTU adalah 299.4 kilometer serta melibatkan kos sebanyak RM7.7 bilion.

Berita baik yang kedua, sedikit perkembangan di sebelah Pulau Langkawi. Jambatan Sungai Peranginan Oriental Village di Langkawi, Kedah sudah siap dan sudah pun dibuka kepada semua pengguna jalan raya pada 10 Mac 2024 ini.

Pembinaan jambatan baharu sepanjang 25 meter dengan kelebaran 12.5 meter ini melibatkan kos sebanyak RM78 juta. Kerja-kerja yang dilaksanakan termasuklah menaik taraf jalan tuju, kerja-kerja geoteknikal dan tempoh penahan, menaik taraf dan membina sistem saliran, pemasangan lampu dan perabot jalan serta pengalihan utiliti.

Berita baik yang ketiga, pembukaan Seksyen 11 Persimpangan Bertingkat Taiping Selatan ke Persimpangan Bertingkat Beruas, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat atau yang dikenali sebagai *West-Coast Expressway* (WCE). Pembukaannya bermula 12 Mac 2024.

■1230

Satu Yang Berhormat, ini pun berita gembira juga. Saya mengemukakan tol percuma untuk semua pengguna lebuhraya yang melalui Seksyen 11 WCE ini menerusi Plaza Tol Taiping Selatan, Plaza Tol Trong dan Plaza Tol Beruas di kedua-dua arah. Tak perlu dibayar tol selama 2 bulan sehingga 11 Mei 2024 ini. Diharapkan pencapaian kerajaan ini akan dapat memberikan sedikit kegembiraan dan keceriaan terutama pada waktu sambutan bulan Ramadan ini dan juga dalam persiapan untuk menyambut 1 Syawal yang dinantikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuhraya WCE merupakan laluan alternatif terbaru dan ataupun yang menghubungkan antara negeri Selangor dan negeri Perak melibatkan pembinaan jajaran lebuhraya di sepanjang kawasan Banting, Shah Alam, Kuala Selangor, Tanjong Karang di Selangor dan seterusnya menyambung jalan rayanya di kawasan Hutan Melintang, Teluk Intan, Seri Manjung, Beruas, sehingga ke Taiping di negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh sedikit berhubung persediaan bagi menghadapi peningkatan trafik di lebuhraya semasa menyambut musim perayaan Aidilfitri yang bakal menjelang ini. Seterusnya saya juga akan sentuh berkenaan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Ir. Md Nasir bin Hashim...

Datuk Razali bin Idris: Datuk Speaker, boleh dapat pencerahan sikit?

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Tunggu saya selesaikan- dan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz yang turut membangkitkan isu berhubung lebuhraya. Sila.

Datuk Razali bin Idris: Okey, terima kasih Datuk Speaker. Berkenaan dengan jajaran lebuhraya. Saya hendak tahu, apakah yang terjadi dengan Lebuhraya *West-Coast* dari Simpang Pulai ke Gua Musang dan Gua Musang ke Tasik Kenyir? Terima kasih.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Bukan jajaran *West-Coast Expressway*, itu jajaran yang lain sikit ya, ke Timur, ke pertengahan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab jawapan saya ini lengkap, panjang, banyak. Jadi, kalau saya diberi peluang saya ingin menyelesaikan masalah apa yang telah ditimbulkan, tapi berkenaan dengan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator ini. Memang ada dalam kita punya pelan yang dipanggilkan *Highway Network Development Plan* kita ya. Jadi ini termasuk dalam itu semua.

Jadi buat masa sekarang, nanti saya akan bagi maklumat secara bertulis kepada Yang Berhormat sebab saya nak selesaikan apa yang saya sudah sediakan ini. Sekian, terima kasih.

Jadi bersambung dengan apa yang telah saya sebut sebenar tadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan amat prihatin berhubung kesesakan lalu lintas terutamanya di Lebuhraya Utara-Selatan apabila tiba musim perayaan.

Kesesakan yang berlaku ini adalah disebabkan pertambahan bilangan kenderaan yang berlipat kali ganda berbanding hari biasa dalam tempoh masa yang hampir serentak ini. Jadi bagi tujuan mengurangkan kesesakan di lebuhraya dan juga membantu melancarkan aliran trafik, pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengambil langkah untuk meminimumkan kesan peningkatan trafik bagi persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tidak lama lagi dengan tindakan seperti berikut.

Ya, dalam pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang melibatkan penutupan lorong akan dihentikan sementara semasa cuti perayaan nanti bermula 1 hingga 17 April 2024. Hanya kerja-kerja kecemasan sahaja dibenarkan untuk dilaksanakan sekiranya diperlukan bagi mengelakkan berlakunya kesesakan akibat penutupan lorong. Jadi- juga mengaktifkan 'Smart Lane' di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti bagi memastikan aliran trafik yang lebih lancar. Sesuai dengan pandangan dan ulasan yang diberikan oleh pengguna jalan raya semasa cuti perayaan Tahun Baru Cina yang lepas.

Penambahbaikan seperti pemasangan papan tanda tambahan, lampu isyarat tambahan ataupun *flashing light* ya, mengikut secara tertentu akan disiapkan selewat-lewatnya pada 7 April 2024 bagi mengelakkan kekeliruan kepada pengguna mengenai waktu operasi 'Smart Lane' berkenaan. Lembaga Lebuhraya Malaysia akan terus memantau keberkesanan pelaksanaan mekanisme tambahan tersebut. LLM dan syarikat konsesi akan menerbitkan video advokasi untuk pengguna jalan raya ataupun lebuhraya bagi memberi kesedaran berkenaan 'Smart Lane' selain hebahan kempen keselamatan melalui poster, paparan iklan dan media elektronik tempatan.

Selain itu, kerja penandaan semula garisan jalan bagi menambah jumlah lorong sedia ada di lokasi tertentu di Lebuhraya Utara-Selatan juga telah dilaksanakan bagi menambah kapasiti lebuhraya sedia ada. Untuk menggalakkan pengguna untuk membuat perancangan perjalanan melalui nasihat waktu perjalanan ataupun *travel time advisory* bagi mengelakkan tumpuan perjalanan serentak pada pengguna. Untuk Lebuhraya Utara-Selatan, syarikat konsesi telah menyediakan aplikasi digital iaitu MyPLUS-TTA yang boleh diakses oleh pengguna untuk merancang perjalanan bagi membantu mengoptimalkan pengagihan trafik bagi mengurangkan risiko kesesakan dan meningkatkan keselesaan perjalanan pengguna lebuhraya.

Untuk membuka banyak lorong transaksi tol termasuk pelaksanaan kutipan tol secara berlapis ataupun *multiple transactional lane* (MTL) di plaza tol. Memastikan pasukan ronda serta kren, kembali dalam keadaan siap siaga ataupun *standby* di lokasi-lokasi yang sering berlaku kemalangan untuk bantuan kecemasan atau kerja pengalihan kenderaan sekiranya kemalangan berlaku.

Jadi, lagi satu lagi, langkah itu menambah bilangan petugas serta bantuan anggota RELA di plaza tol serta hentian rehat bagi membantu mengawal aliran trafik keluar dan masuk agar lebih lancar dan juga untuk menyediakan tempat letak kereta serta tandas tambahan di lokasi hentian rehat yang terpilih bagi menampung pertambahan kenderaan dan pengguna. Penggunaan Papan Tanda Elektronik (VMS) secara konsisten untuk memberitahu pengguna mengenai keadaan semasa di lebuhraya supaya pengguna dapat merancang perjalanan mereka dan juga untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai tambah nilai *Touch 'n Go* ataupun *eWallet* sebelum memasuki lebuhraya.

Bekerjasama dengan pelbagai saluran radio dan televisyen utama bagi tujuan penyaluran maklumat keadaan trafik semasa untuk kemudahan perancangan perjalanan para pengguna. Mana kala di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, bagi mengatasi kesesakan Plaza Tol Gombak, tindakan menyusun atur semula lorong kutipan tol akan disiapkan bagi melancarkan proses pembayaran tol semasa cuti perayaan Aidilfitri nanti. Jadi pengguna adalah dinasihatkan untuk mematuhi arahan petugas dan papan tanda yang telah disediakan bagi melancarkan pergerakan di plaza tol berkenaan.

Pengguna amat digalakkan untuk mendapatkan maklumat keadaan trafik semasa melalui laman sosial Facebook dan aplikasi X LLM sebelum memulakan perjalanan. Pusat Pengurusan Trafik Lembaga Lebuhraya Malaysia (TMC) ataupun LLM akan beroperasi selama 24 jam semasa musim perayaan nanti dan pengguna boleh menghubungi TMC LLM di talian 1800-88-7752 untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai keadaan trafik di sepanjang lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan status pelaksanaan projek pelebaran Lebuhraya PLUS Selatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian menyedari berkenaan masalah kesesakan yang berlaku di laluan Lebuhraya PLUS ke Selatan, terutama semasa waktu puncak hujung minggu dan musim perayaan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk pembinaan lorong tambahan di Lebuhraya Utara-Selatan yang akan dilaksanakan secara berfasa bagi peningkatan ataupun bagi menyediakan kapasiti tambahan untuk menampung keperluan dan peningkatan aliran trafik di laluan tersebut.

■1240

Untuk fasa 1, peruntukan berjumlah RM525 juta telah diluluskan bagi pembinaan lorong tambahan di laluan kedua arah antara Senai Utara dan Sedenak dengan panjang 21.8 kilometer. Pelawaan tender kepada kontraktor bagi projek ini telah diiklankan pada 1 Mac 2024 ini dan kerja pembinaan fizikal dijadualkan untuk dimulakan pada bulan Jun 2024 dengan sasaran untuk disiapkan dalam tempoh 36 bulan.

Manakala bagi fasa 2, peruntukan berjumlah RM931 juta telah diluluskan sebagai kesinambungan kepada fasa 1 dengan penambahan lorong bagi jajaran antara Sedenak hingga ke Simpang Renggam. Proses pelaksanaan makmal kajian nilai bagi projek ini telah selesai dilaksanakan pada 26 hingga 29 Februari 2024 yang lalu dengan kesasaran untuk kerja pembinaan dimulakan pada suku pertama tahun 2024- nanti setelah selesai melalui prosedur dan proses perolehan yang berkaitan.

Mengambil kira impak kewangan yang besar, cadangan penyediaan lorong tambahan ini ditumpukan kepada lokasi kritikal berdasarkan kepada tahap *level of service* (LOS) yang terjejas dan akan dilaksanakan ke lokasi-lokasi lain yang berkenaan secara berperingkat mengikut tahap keutamaan. Selain itu, impak keberkesanan selepas siapnya pembinaan Fasa 1 dan Fasa 2 perlu dibuat penilaian dan diambil kira untuk pelaksanaan fasa-fasa berikutnya.

Mengenai impak ekonomi daripada pembangunan infrastruktur Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) pula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan telah memutuskan pelaksanaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 dilaksanakan secara *request for proposal* (RFP) ya.

Cadangan jajaran LPT3 akan dibina secara bina-kendali-pindah atau *build-operate-transfer* (BOT) ya, bermula dari Kampung Gemuruh, Terengganu sehingga ke persimpangan Tunjong, Kelantan melibatkan jajaran sepanjang 151 kilometer. Cadangan ini melibatkan empat- lorong, dua hala dengan piawai R6 dan melibatkan lapan-persimpangan. Cadangan jajaran in juga berdasarkan kepada faktor-faktor seperti kos pembinaan, trafik dan kebolehlaksanaan projek itu.

Pada masa ini, cadangan projek LPT3 sedang diteliti di peringkat Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP) dan seterusnya Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) di Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS JPM) ya.

Pasukan projek akan ditubuhkan oleh UKAS, JPM bagi menyediakan Kertas Mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapatkan kelulusan prinsip pelaksanaan projek LPT3 secara RFP. Pasukan projek juga akan menyediakan makluman berkaitan jajaran anggaran kos pembinaan, anggaran kos pengambilan balik tanah dan perkara-perkara yang berkaitan. Seterusnya penubuhan Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Jawatankuasa Kecil Komersial akan ditubuhkan bagi menyediakan dokumen RFP sebagai- secara terperinci setelah kelulusan prinsip diperoleh dan tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS).

Yang Berhormat Senator semua, ini satu lagi berita untuk kita buat penambahbaikan di Kementerian dan JKR. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya telah menerima permohonan daripada semua syarikat konsesi terlibat supaya semakan semula *schedule of rates* (SOR) dilaksanakan mengambil kira kenaikan bahan mentah dan kos operasi semasa memandangkan kadar harga yang diguna pakai di dalam kontrak konsesi penyelenggaraan sedia ada masih menggunakan SOR yang kali terakhir yang disemak dan dipersetujui pada 11 tahun yang lalu iaitu pada tahun 2013 dulu.

Kenaikan kos harga bahan binaan dan kos operasi memberi impak besar kepada kemampuan syarikat konsesi untuk menawarkan harga yang kompetitif kepada kontrak G1 ke G4. Susulan itu, Kementerian ini telah membentangkan kepada Kabinet permohonan untuk semakan semula *schedule of rates* baharu tersebut.

Yang Berhormat Senator, saya berbesar hatilah untuk berkongsi satu berita gembira hasil daripada pembentangan MJM ataupun Memorandum Majlis Jemaah Menteri kepada Kabinet minggu lepas ya, hari Jumaat yang saya bentangkan. Permohonan untuk semakan semula SOR tersebut telah pun diluluskan... [Tepuk] Jadi, ini berita baik kerana apabila *schedule of rates* baharu ini ia akan memberi kemampuan G1-G4 yang kontraktor-kontraktor ini untuk mereka ini dengan harga yang lebih munasabah ya selepas 11 tahun, selama ini yang *schedule of rates* terdahulu. Sekarang, mungkin mereka ini akan dapat dan kita tekankan kepada syarikat konsesi dengan *schedule of rates* yang baharu ini, kita harapkan mutu kerja mereka bertambah baik. Ini kesan, *outcome* yang kita nak.

Ini adalah usaha kita untuk memastikan pelaksanaan kerja pembinaan berada pada tahap yang standard di mana syarikat kontraktor G1–G4 ini akan mampu membekal bahan dan perkhidmatan berdasarkan kadar semasa, harga semasa dan kompetitif dalam pasaran.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator semua, pada tahun 2023, Jabatan Kerja Raya telah menerima peruntukan sebanyak RM9.553 bilion daripada Kementerian, agensi pelanggan dan telah membelanjakan sebanyak 99.96 peratus iaitu bersamaan dengan RM9.549 bilion sehingga 31 Disember 2023. Sebanyak 2,118 projek fizikal pembinaan dan 9,349 jumlah kerja fizikal penyelenggaraan dilaksanakan oleh KKR ataupun JKR dan bilangan dan kos yang dinyatakan ini adalah bagi projek Kerajaan Persekutuan sahaja ya. Penglibatan KKR tidak merangkumi peruntukan dikendalikan oleh kerajaan negeri.

Jadi, data sehingga 15 Februari 2024 ini, bagi projek *Rolling Plan* Keempat (RP4) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, pada tahun 2024 ini adalah sebanyak 475 bilangan projek fizikal pembinaan baharu dengan kos sebanyak RM18 bilion. Selain itu, terdapat juga baki projek sambungan iaitu sebanyak 1,340 dengan kos berjumlah RM60.38 bilion bagi projek fizikal pembinaan. Manakala terdapat 26 jumlah kerja fizikal penyelenggaraan sambungan akan dilaksanakan pada tahun ini dengan kos berjumlah RM45.24 juta.

Pada tahun 2023, sebanyak 182 projek telah berjaya disiapkan dengan nilai kos berjumlah RM4.63 bilion. Daripada 2024 pula sehingga 15 Februari 2024, sebanyak 16 projek telah berjaya disiapkan dengan nilai kos berjumlah RM91 juta. Pada tahun 2022, sebanyak 26 projek bersamaan 3.8 peratus daripada 686 projek fasa pembinaan dikategorikan sebagai projek sakit ya. Manakala bagi tahun 2023, sebanyak 21 projek daripada 730 projek fasa pembinaan ataupun 2.8 peratus dikategorikan sebagai projek sakit.

Dapat disimpulkan ya Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat penurunan peratusan projek sakit yang dilaksanakan oleh KKR dan JKR ini. Ini saya mohon apa semua kerjasamalah, yang projek sakit yang bermasalah ini hanya 2.8 peratus sahaja, tapi malangnya yang inilah yang diuar-uarkan, dibesar-besarkan. Malangnya, yang baki itu 97 lebih peratus yang kita dapat laksanakan dengan jayanya apa kita tak dengar berita pun penghargaan. Jadi, saya bukan apa, ini untuk kita fahamlah, KKR, JKR ini telah melaksanakan projek dan telah menggalas tanggungjawab dengan terbaik.

■1250

Ahli Yang Berhormat menjadi harapan saya adalah untuk melihat Kementerian Kerja Raya ini bergerak secara lebih progresif berupaya mengadaptasi kepada perubahan persekitaran yang sentiasa dinamik serta berkembang dalam spektrum yang lebih menyeluruh melangkaui jangkaan asas tanggapan rakyat ataupun masyarakat bahawa bidang fungsi KKR ini hanya tertakluk kepada konteks membaiki jalan, tampal lubang, selenggara jalan.

Kita nak melihat juga supaya Kementerian Kerja Raya (KKR) ini mahupun agensi di bawahnya iaitu JKR, *Construction Industry Development Board* (CIDB), Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) menjadi organisasi yang berdaya saing, peningkatan kualiti dan kos yang efektif dalam industri pembinaan, penghasilan daya reka dan inovasi teknologi terkini yang boleh menarik kepakaran serta minat negara luar di samping dapat mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan tenaga kerja asing. Jadi semua ini sedang kita usahakan dan saya akan kongsi serba sedikit sebentar lagi inisiatif-inisiatif yang sedang kita bangunkan bagi mencapai matlamat itu.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, JKR ini kita nak memperkasakan peranan JKR, Jurutera Daerah (JD). JKR daerah merupakan salah satu Jabatan Teknikal di bawah Jabatan Kerja Raya Malaysia. JKR Daerah adalah jambatan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan jalan raya dan bangunan di bawah peruntukan Persekutuan dan negeri serta memberi khidmat nasihat teknikal kepada jabatan-jabatan kerajaan yang memerlukannya di setiap daerah.

Jadi setiap JKR Daerah akan diketuai oleh Jurutera Daerah ataupun Jurutera Jajahan di Kelantan. Berdasarkan data bulan Mac 2024 ini, sebanyak 358 projek Persekutuan fizikal dalam peringkat pembinaan yang diselia oleh JKR Daerah dan JKR Jajahan dan 132 projek Persekutuan fizikal yang telah siap pada 2023 dan 2024 di seluruh Malaysia. Bagi kerja-kerja projek penyelenggaraan sehingga Mac 2024 sebanyak 3,462 buah projek telah siap dilaksanakan berbanding 3,841 buah projek yang dilaksanakan.

Kementerian sedia maklum bahawa terdapat keperluan mendesak di peringkat daerah untuk kerja-kerja kecemasan dan luar jangka khususnya yang melibatkan jalan Persekutuan. Justeru, pada tahun 2023, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan khas JD-JD sebanyak RM100,000 untuk setiap daerah bagi membantu Jurutera Daerah melaksanakan kerja-kerja kecemasan dan luar jangka yang memerlukan tindakan segera. Jadi ini Kementerian Kewangan memberi kerana kita mendesak. Kementerian Kerja Raya mendesak kerana kita tahu akan keperluannya. Kalau kita tak mendesak mungkin kita tak dapat pun. Jadi respons yang baik di mana peruntukan khas tersebut sangat membantu dan sangat bermakna buat pihak Jurutera Daerah.

Lantaran itu, untuk terus memperkasakan peranan dan khidmat Jurutera Daerah dan didorong prestasi belanja yang baik, Kementerian Kewangan telah menambah peruntukan khas jurutera daerah kepada RM200,000 berbanding RM100,000 tahun lepas kepada semua 115 Jurutera Daerah di seluruh Malaysia. Ini juga kerana Kementerian Kerja Raya memohon tambahan sebelum ataupun menjelang bajet yang dibentangkan pada bulan Oktober dulu untuk dibelanjakan tahun ini. Jadi tambahan 100 *percent* kerana kita tahu kesannya sangat baik.

Di samping itu juga sebagai inisiatif di peringkat Kementerian Kerja Raya, saya turut mengadakan Sesi Libat Urus bersama dengan Jurutera-jurutera Daerah, saya panggil mereka- semua datang berjumpa di pejabat di kementerian. Sesi Libat Urus itu merupakan sesi dua hala yang memberi peluang kepada jurutera-jurutera daerah untuk mendengar pandangan, bertukar fikiran dan berkongsi pengalaman seterusnya membantu mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu yang membangkit. Kementerian Kerja Raya juga telah dengan segera meluluskan Anggaran Penyelenggaraan Jalan atau APJ bagi membolehkan kerja-kerja baik pulih dilaksanakan oleh konsesi jalan Persekutuan yang dilantik dan dipantau rapi oleh JD.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya berpesan kepada JD-JD supaya sentiasa *hands on* dalam bidang tugas masing-masing, menjaga perhubungan dengan pemimpin-pemimpin tempatan, agensi-agensi kerajaan di peringkat daerah serta masyarakat setempat. Hal ini sangat penting kerana melalui hubungan baik ini dan kerjasama rapat oleh semua pihak akan membantu JD-JD untuk melaksanakan tugas dengan baik demi memastikan agenda pembangunan infrastruktur di peringkat daerah dilaksanakan dengan efisien dan teratur.

Bagi tujuan memperkasakan peranan Jurutera Daerah ini, disarankan juga pihak PBT melantik para JD menjadi ahli majlis bagi memberikan sumbangan dan kepakaran teknikal yang dimiliki dalam pembangunan pesat di daerah, selain tugas-tugas hakiki.

Ada negeri, dia buat, ada tidak. Jadi dalam sesi libat urus itu *town hall* bersama kami, dikatakan permohonan, pandangan daripada JD. Sebab itu saya tekankan di sini. Tugas selaku JD juga sangat mencabar. JD-JD perlu bersiap sedia sepanjang masa 24 jam sehari atau semasa hujung minggu juga ada ketikanya JD ini perlu turun ke tapak untuk membuat rondaan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan infrastruktur jalan. Sebagai contoh, saya dimaklumkan ada JD yang telah membuat rondaan seawal pukul tiga pagi, pukul empat pagi pun dan telah menangkap kontraktor utiliti yang telah mengorek tanah di atas jalan Persekutuan tanpa permit izin lalu daripada JKR daerah.

Jadi perbuatan mengorek jalan untuk pemasangan utiliti tanpa izin oleh kontraktor utiliti adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan khianat kerana boleh merosak jalan Persekutuan tersebut. Sekiranya jalan yang telah dikorek tersebut tidak dibina semula mengikut spesifikasi, boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya. Maka saya dengan tegas menyeru syarikat utiliti memandang serius perkara ini dan hanya melantik kontraktor yang benar-benar kompeten.

Bagi memastikan semua perkara di atas dapat dicapai, Kementerian Kerja Raya (KKR) juga dari semasa ke semasa telah dan akan melaksanakan langkah-langkah proaktif bagi membantu meningkatkan kompetensi dan kecekapan semua JD. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ada berapa minit lagi?

Seorang Ahli: ...Habis dah.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Habis dah. Kalau habis, saya tinggal yang lain-lain itu. Jadi boleh bagi saya masa lebih untuk saya menjawab secara- hanya lima Senator yang berbangkit perkara yang berkaitan dengan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: ...Supaya adil kepada mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menjurus kepada persoalan yang...

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, okey.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Saya nak mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya yang telah memberi kelulusan lebuhraya empat lorong ke Johor. Persoalannya kita melihat kepada pelaksanaan yang akan berlaku pada 2024 untuk fasa satu sehingga 2026 seperti yang telah dinyatakan tadi, di mana dalam keadaan tertentu lebuhraya antara Sedenak ke Tol Skudai, ia akan *congested- jammed*. Apa persediaan awal oleh pihak Kementerian Kerja Raya melalui LLM untuk mencari jalan supaya bila pembinaan tersebut dibuat, kesesakan itu tidak berlaku seburuk seperti mana sekarang?

Sekarang ini doktrinnya kepada masyarakat mereka tahu bahawa JKR itu adalah JKR. Dia tidak tahu Kementerian Kerja Raya ini, JKR, CIDB dan juga LLM. Jadi ini bermakna kita kena perbetulkan persepsi masyarakat bahawa Kementerian Kerja Raya mempunyai agensi-agensi lain yang boleh dibuat.

Begitu juga dengan polisi, saya ucapkan tahniahlah kepada Kementerian Kerja Raya kerana telah mengadakan polisi untuk membantu G1, G2, G3, G4, tetapi pelaksana di bawah. Kadang-kadang *sorry to say*, ada G1 orang itu, orang itu. Ia jadi kartel. Bagaimanakah nak menyelesaikan untuk membantu G1? G1 ini memang banyak yang memerlukan kerja-kerja.

So, saya berharap agar perkara ini diambil perhatian supaya kita dapat membantu supaya polisi yang baik daripada pihak kerajaan ini dapat dilaksanakan oleh badan pelaksana dan dapat membantu mereka yang memerlukan bantuan. Terima kasih.

■1300

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Saya ucapkan terima kasih- banyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator kerana membantu menekankan isu-isu yang kami dah memang hadapi selama ini.

Terima kasih kerana membantu. Isu yang pertama kali untuk kita mengelakkan masalah kepada pengguna semasa pembinaan. Ini memang ada, sudah diperbincangkan dan juga SOP-SOP tertentu telah ditetapkan supaya pihak pelaksana nanti iaitu PLUS, syarikat kontraktor yang dilantik oleh PLUS nanti dan LLM juga memantau, mereka sudah tahu apa sepatutnya mereka buat.

Saya telah tegaskan kepada mereka supaya kita sekurang-kurangnya tidak memberi masalah besar kepada pengguna. Akan tetapi, Yang Berhormat apabila sahajalah ada kerja dibuat, sudah tentunya ada masalah yang mengganggu kelancaran trafik di jalan raya itu. Itu saya mohon kerjasama daripada Yang Berhormat juga sebagai pemimpin dekat sana memperbetulkan persepsi rakyat seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat sendiri tadi. Itu betul persepsi rakyat ini, kita kena bantu mereka dengan maklumat-maklumat yang tepatlah.

Jadi, apakan daya kalau kita dah buat yang terbaik akan ada juga persepsi yang negatif. Jadi, kalau kita terlalu mengambil kira itu, mungkin kita tak boleh buat apa-apa. Sebab projek ini penting, projek ini besar dan projek ini memang memberi banyak kebaikan kepada kita- semua. Lebih lagi di Johor ini. Jadi, bantulah Yang Berhormat sebagai pemimpin.

Jadi, yang satu lagi berkenaan dengan G1, G4 itu yang dikatakan kartel. Saya Yang Berhormat turun padang pergi ke Johor berapa kali sudah dan saya boleh katakan saya dengan bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar rapat sebagai kawan. Saya pergi ke sana kemudian, dua minggu Yang Amat Berhormat datang ke sini. Tahun depan begitu. Tahun ini baru-baru pun begitu. Ini kerana kami bincangkan isu-isu.

Antara satu isu yang dibincangkan adalah itulah. Bagaimana kita nak pastikan kontraktor G1, G4 ini mereka ini dapat kita bantu dan mereka ini dapat diberi peluang dengan sepatutnya dan tidak ada kartel. Terima kasihlah kerana disebut di sini. Saya berharap berita di luar nanti ini bukan sekadar Menteri Kerja Raya menekankan kepada syarikat konsesi. Ini suara daripada rakyat melalui Senator sendiri. Bagi tahu kepada syarikat konsesi, kalau ada kartel, hapuskan kartel itu, tetapi kita akan menangani masalah. Kami tahu Yang Berhormat.

Saya berjumpa juga dengan Menteri Besar Negeri Sembilan. Sebut juga perkara serupa. Kami tahu dan sedaya upaya mungkin dapat mengatasi masalah ini. Jadi, sekurang-kurangnya dengan SOR tadi *Schedule of Rates* yang terbaru kita boleh membantu G1, G4, tetapi jangan sekadar kelompok situ sahajalah. Itu maksud Yang Berhormat kan?

Jadi, saya diminta di pejabat saat ini. Tak boleh... *[Ketawa]* Jadi, untuk lima orang Ahli Senator. Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan isu Pan Borneo Sabah. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah merupakan kaedah penyelesaian jangka masa panjang yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang selamat dan selesa di negeri Sabah.

Projek ini adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki dan menaik taraf Jalan Persekutuan sedia ada termasuklah penyediaan lampu jalan, kemudahan P-Turn, *Rest Service Area* (RSA) dan *layby*.

Jadi, pelaksanaan Projek Fasa Satu Lebuhraya Pan Borneo (LPB Sabah) dengan anggaran jarak keseluruhan 706 kilometer dibahagikan kepada 35 pakej kerja di mana sehingga kini 15 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan dengan status kemajuan terkini bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah 88 peratus dan akan siap pada awal 2025.

Manakala, status kerja ataupun status Pakej Kerja 9 yang melibatkan laluan dari Serusop ke Pituru masih di peringkat perolehan. Sehingga kini, pakej-pakej kerja berikut telah dibuka untuk pengguna jalan raya. Pakej Kerja 5, Donggongon ke Papar telah siap pada 29 Ogos 2022. Pakej Kerja 27, Kampung Lot M ke Batu 32, Sandakan telah siap pada 18 November 2022. Pakej Kerja 15, Tawau ke Semporna telah siap pada 10 Ogos 2023 dan Pakej Kerja 21, Lahad Datu *bypass* telah siap pada 30 Oktober 2023.

Secara keseluruhannya, sebanyak 16 Pakej Kerja sedang dilaksanakan dengan kos keseluruhan sebanyak RM10.849 bilion menggunakan peruntukan pembangunan ataupun *development expenditure budget* sepenuhnya. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1 bilion setahun bagi pelaksanaan Fasa 1A Projek LPB Sabah ini. Di mana, sehingga kini lebih RM6 bilion telah dibelanjakan. Jadi, termasuklah pembayaran kepada kontraktor, perunding serta pengambilan balik tanah dan seperti mana projek kerajaan-kerajaan yang lain, pelaksanaan kerja-kerja pembinaan adalah berpandukan jadual kerja yang telah dirancang.

Jadi, walau bagaimanapun kelancaran kerja-kerja ini bergantung pada pelbagai faktor, antara cuaca yang tidak menentu serta cabaran daripada segi pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti.

Namun begitu, kerajaan sentiasa prihatin dan komited dalam memastikan kelancaran dan kelangsungan Projek LPB Sabah sebagai pemangkin pembangun sektor sosioekonomi perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut dan manfaat kepada rakyat Sabah. Jadi, sebagai langkah penambahbaikan *Project Management Consultant* (PMC) telah dilantik untuk membantu JKR Sabah mempercepatkan pelaksanaan projek ini secara keseluruhannya. Pelbagai pelan mitigasi juga telah dilaksanakan oleh kerajaan. Antara lain-lainnya, pelarasan semula jadual pembinaan dan lanjutan masa, *extension of time* (EOT) bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, baki 19 Pakej Kerja LPB Sabah yang masih belum mula pembinaan iaitu Fasa 1B akan dilaksanakan dengan tempoh pembinaan selama lima tahun. Pakej-pakej Kerja di bawah Fasa 1B kini dalam proses perolehan dan dijangka akan selesai pada suku kedua 2024 ini. Ia akan dibiayai secara hibrid menggunakan peruntukan pembangunan dan melalui terbitan sukuk ataupun bon oleh DanaInfra Nasional Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga memandangkan pelaksanaan kedua-dua LPB Sabah ini, memerlukan peruntukan kewangan yang besar, keutamaan pelaksanaan pada ketika ini adalah untuk menyiapkan keseluruhan Fasa 1 terlebih dahulu dengan anggaran kos bagi keseluruhan 35 Pakej Kerja ini adalah lebih daripada RM20 bilion.

Untuk fasa selanjutnya iaitu Fasa 2 dari Tamparuli ke Ranau dan Fasa 3 yang merangkumi jajaran di Daerah Tawau sehingga Keningau, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kaedah dan juga penelitian lanjut bersama Agensi Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah serta status kewangan semasa kerajaan.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Melibatkan tiga isu yang dibangkit.

[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi yang isu satu ini, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya bersama JKR Malaysia sebagai agensi pelaksana sedang melaksanakan projek kerja awalan menaik taraf jalan dari Simpang Batu 4 Seksyen 0.00 sehingga ke Simpang Salur, Seksyen 12.00 FT207 Kota Bharu, Kelantan, pengambilan tanah dan reka bentuk. Projek ini telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4) RMK-12 dengan kos siling sebanyak RM209 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, skop kerja awalan terlibat adalah sehingga ke peringkat penyediaan reka bentuk terperinci serta pengambilan balik tanah Seksyen 8 di mana membolehkan kos keseluruhan projek fizikal dapat disediakan dengan lebih tepat. Kerja awalan dijangkakan selesai pada bulan Disember 2025 dan permohonan peruntukan bagi tujuan pembinaan akan segera dipohon sebaik sahaja semua skop kerja awalan selesai dilaksanakan.

■1310

Isu kedua untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, jadi cadangan projek yang dimasukkan dalam menaik taraf laluan D110 dari laluan Tiong ke Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan. Kementerian ini telah menerima permohonan projek tersebut pada *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Kedua Belas. Namun, ia tidak dapat kelulusan pada tempoh tersebut.

Isu ketiga, untuk makluman Yang Berhormat Senator, semakan kementerian ini mendapati cadangan pembinaan jalan dalaman utama pembangunan Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu yang dimaksudkan adalah di bawah Perbadanan Bandar Baru Tunjong di bawah kuasa kerajaan negeri dan luar bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Bidang kuasa kementerian ini adalah bagi jalan persekutuan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang akan saya jawab hari ini adalah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Haji Amman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian ini akui akan penyertaan Ahli Yang Berhormat Senator berkenaan isu peruntukan penyelenggaraan yang tidak mencukupi untuk menyelenggarakan Jalan Persekutuan di negeri Sabah. Kementerian ini telah berusaha mengagih peruntukan yang diterima pada tahun ini sewajarnya kepada negeri Sabah agar infrastruktur jalan raya di Sabah berkeadaan sama baik dengan di Semenanjung Malaysia ini.

Jadi walau bagaimanapun, peruntukan yang kementerian ini terima daripada Kementerian Kewangan Malaysia masih tidak mencukupi. Pada tahun ini, jumlah permohonan berkala *pavement* bagi Jalan Persekutuan Negeri Sabah telah mencecah RM840 juta dengan panjang jalan yang perlu dibaiki adalah sepanjang 1,311.281 kilometer. Manakala, peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM108.2 juta dengan panjang jalan yang dapat dibaiki 99.282 kilometer sahaja. Jadi, daripada nilai yang diluluskan dapat dinyatakan bahawa jumlah *backlog* pembaikan berkala *pavement* bagi Jalan Persekutuan Negeri Sabah telah mencecah kepada RM732.658 juta dengan panjang jalan yang perlu dibaiki sepanjang 1,211.89 kilometer.

Jadi, ada lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara ini. Jadi *backlog* ini, cerita yang sama. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa dah habis, saya akan sampaikan apa yang saya tidak mampu sebut dalam ucapan penggulungan ini, saya akan sampaikan secara bertulislah. Kalau tidak, saya memerlukan 20 minit lagi. Tak ada?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Jawapan secara bertulislah.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Okey. Tak ada 20 minit ya? Okey. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Bukan. Kementerian banyak lagi.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Jadi, saya mengalu-alukan dan mengambil positif atas segala saranan dan pandangan yang diajukan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Jadi, sokongan Yang Berhormat Senator semua sangat diharapkan, khususnya dalam membantu Kementerian untuk terus memberikan tambah nilai ataupun *value added* terhadap kualiti serta perkhidmatan KKR selaras dengan Rukun Madani yang menjadi tunjang aspirasi dan hasrat kerajaan bagi membentuk teras kerangka dasar yang menjadi asas kepada pembentukan persekitaran yang mampan melalui kaedah-kaedah inovatif, kreatif dan berdaya saing, demi kesejahteraan bangsa dan negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akan ada dibentangkan- kalau belum, akan rang undang-undang LLM. Jadi, saya mengambil peluang ini untuk merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk beri sokongan yang kuat yang kuat, yang padu untuk kita meluluskan rang undang-undang LLM nanti. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kementerian Kerja Raya.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

1.14 tgh.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang.

Terlebih dahulu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar atas pemasyhuran sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17 serta sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Baginda Tuanku pada 23 Mac yang lalu. Daulat Tuanku.

Patik juga ingin merafak sembah ucapan menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Baginda Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Sesungguhnya MOSTI telah menyaksikan keprihatinan, keadilan dan kebijaksanaan Tuanku berdua memayungi rakyat sepanjang tempoh lima tahun pemerintahan. Dirgahayu Tuanku. Dalam hal ini, patik juga memohon limpah pekenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim mencemar duli untuk menyantuni program-program Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-20.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja menyentuh isu dan peranan kementerian ini iaitu pertama, Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah Lihan; kedua, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit; ketiga, Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim; keempat, Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom; dan yang kelima, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana keprihatinan terhadap bidang sains, teknologi dan inovasi negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah Lihan, inovasi merupakan faktor utama dalam meningkatkan produktiviti pertumbuhan ekonomi selain faktor sumbangan modal insan. Dalam hal ini, pendanaan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) merupakan salah satu strategi untuk mendorong penciptaan inovasi.

Oleh itu, kepentingan R&D akan terus menjadi fokus utama MOSTI dalam usaha mewujudkan persekitaran yang membolehkan inovasi dan penggunaan teknologi baharu dalam pelbagai sektor ekonomi dapat dipertingkatkan dan seterusnya, menyumbang ke arah peningkatan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, sebanyak 245 projek bernilai RM274 juta telah dibelanjakan bagi pembiayaan dana *research and development* MOSTI. Kerajaan akan terus memainkan peranan dalam memperbanyakkan lagi aktiviti R&D dalam bidang tumpuan strategik selari dengan keperluan dan permintaan industri.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, MOSTI melalui agensinya sedang melaksanakan pelbagai program pendanaan sama ada dalam bentuk geran, suntikan ekuiti atau pinjaman serta pembangunan kapasiti bagi meningkatkan aktiviti R&D bagi syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan.

Antaranya, pertama: *Cradle Fund* melalui Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) dan *MYStartup platform* dengan pelbagai program fasilitasi bagi meningkatkan keupayaan syarikat pemula melalui program-program pembangunan kapasiti seperti *MYHackathon*, *MYStartup Pre-Accelerator* dan *MYStartup Accelerator*.

Di samping itu, portal *MYStartup* juga sedang dinaiktarafkan sebagai platform *single window* yang akan mengintegrasikan program-program merentas kementerian atau agensi termasuk program pembiayaan dan program pembangunan *startup* melalui koordinasi menyeluruh dan bersepadu untuk manfaat syarikat pemula, pelabur mangkin dan pihak kerajaan.

Di samping itu, program *Founders Centre of Excellence* (FOX) oleh MDEC di bawah Kementerian Digital merupakan satu lagi program yang dilancarkan di bawah SUPER bertujuan untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan setaraf potensi. Program ini akan memberi tumpuan untuk membantu syarikat-syarikat memenuhi keperluan untuk terus berkembang pesat. Bantuan yang ditawarkan merangkumi intervensi dasar dan peraturan, perkembangan perniagaan, pelaburan bernilai tinggi dan penyerlahan bakat.

■1320

Kedua, *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC) menyediakan kemudahan pembiayaan melalui inisiatif *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS) dalam membangun dan menjalankan proses pengesahan atau mengkomersialkan produk atau teknologi perkhidmatan mereka dalam persekitaran terkawal atau *sandbox*. NTIS telah menerima 268 permohonan berkaitan dengan teknologi *drone*, teknologi 4IR, teknologi pertanian dan teknologi kesihatan.

Sehingga kini MTDC telah meluluskan sebanyak RM101.33 juta kepada 112 buah syarikat berteknologi. Daripada jumlah ini, sebanyak 53 buah syarikat telah melengkapkan proses pengesahan teknologi pasaran dan memasuki fasa pengkomersialan. Sejak pelancaran NTIS pada Ogos 2020 sehingga Mac 2024, program ini berjaya mencatatkan rekod 32 projek tempatan yang berjaya dikomersialkan dengan nilai sebanyak RM88.4 juta, empat projek telah berjaya dieksport ke luar negara.

Selain itu, MTDC juga menawarkan dana pembangunan teknologi halal kepada PKS halal untuk mengembangkan perniagaan ke pasaran yang lebih luas di dalam dan luar negara. Sejumlah RM53.6 juta dimanfaatkan kepada 18 buah syarikat aktif yang telah berjaya mengembangkan perniagaan masing-masing di pasaran tempatan dan antarabangsa dari tahun 2017 sehingga 2023.

Ketiga, *Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation* (MRANTI) selaku agensi *Technology Commercialization Accelerator* (TCA) di bawah MOSTI menyediakan pelbagai program seperti *Innovation Accelerator Network* (IAN) bagi meningkatkan kerjasama strategik syarikat *startup* bersama pemain industri utama.

Ini melalui akses intervensi atau fasilitasi yang menyeluruh mengikut keperluan bagi syarikat yang terlibat untuk inisiatif *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS). Rakan IAN ini juga dapat membantu pemohon NTIS untuk mendapatkan beberapa pelaburan luar dan pengadaptasian teknologi luar dengan lebih baik.

Selain itu, bagi meningkatkan akses pasaran pula, program *Global Innovation Exchange* (GIX) iaitu program kerjasama di antara *startup* berprestasi tinggi Malaysia dan syarikat-syarikat antarabangsa disediakan. Program ini menyediakan peluang bagi *startup* tempatan mengembangkan perniagaan di luar negara atau bermastautin dan beroperasi di Malaysia, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai pintu gerbang bagi negara-negara ASEAN untuk meneroka pasaran dengan lebih meluas.

Keempat, *Malaysia Venture Capital* (MAVCAP) bersama Kementerian Ekonomi telah menggubal pelan hala tuju *Malaysian Venture Capital Roadmap* (MVCR) dalam menambah baik sokongan kepada industri, dana modal teroka dan *startup* di Malaysia. MVCR ini dibangunkan untuk mengenal pasti strategi dan intervensi yang diperlukan dalam ekosistem modal teroka selain meningkatkan pelaburan asing ke dalam negara dan mempergiatkan ekonomi *startup* tempatan.

Kelima, melalui *Malaysia Debt Ventures Berhad* (MDV) menyediakan kemudahan untuk penawaran fasiliti hutang modal teroka atau *venture debt* dengan matlamat untuk memberi bantuan pembiayaan kepada *startup*. Antaranya seperti pembiayaan modal pusingan, pembiayaan *bridging*, pembiayaan susulan dan bantuan pengembangan bagi melengkapai lain-lain dana di MOSTI dan agensi-agensinya.

Sejak program-program *startup* diperkenalkan pada tahun 2021, MDV telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM192.02 juta dan telah menyalurkan dana sebanyak RM82.2 juta kepada 59 buah syarikat. Selain itu, bagi syarikat R&D ataupun syarikat R&D kontrak yang diluluskan sebagai syarikat bertaraf R&D di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, terdapat beberapa kategori galakan cukai di bawah MITI yang boleh dinikmati seperti galakan cukai taraf perintis dan galakan elaun cukai pelaburan.

Secara keseluruhan, pada tahun 2023 sebanyak lapan buah projek R&D dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.2 bilion telah diluluskan taraf penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan galakan cukai oleh MIDA.

Merujuk kepada Belanjawan 2024 pula, kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM80 juta Geran Padanan bagi tujuan kolaborasi aktiviti penyelidikan serta inovasi di antara universiti awam dan sektor swasta. Selaras dengan pengumuman tersebut, MIDA telah terlibat dalam sesi perkongsian maklumat berkaitan galakan cukai R&D dengan pelbagai universiti awam seperti UUM, UPM, UM, sepanjang bulan Februari 2024.

Datuk Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh mengenai usaha mempergiat pembangunan R&D dalam pertanian moden seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit. Selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara (DBN) 2.0, MOSTI memfokuskan kepada pembangunan industri bioteknologi dalam bidang utama iaitu:

- (i) bioteknologi pertanian dan keterjaminan makanan;
- (ii) bioteknologi penjagaan kesihatan dan kesejahteraan; dan
- (iii) bioteknologi perindustrian dan ekonomi kitaran.

Ketiga-tiga bidang ini adalah teras utama DBN 2.0 bagi membangunkan negara bio-inovasi berteknologi tinggi menjelang tahun 2030.

Oleh itu, *Bioeconomy Corporation* bertanggungjawab untuk melaksanakan objektif DBN 2.0 dan bertindak untuk mengenal pasti cadangan nilai bioteknologi dan menyokong usaha ini melalui perkhidmatan pembangunan dan bantuan kewangan.

Melalui Program Pemecut Berasaskan Bio (BBA), pelbagai aktiviti bimbingan dan sokongan ditawarkan kepada syarikat pemula dan PKS berasaskan bio bagi merapatkan jurang seperti penerapan dan penggunaan teknologi. Kemahiran kewangan, kawal selia dan kebolehpasaran produk serta membolehkan PKS menaik taraf kepakaran dan menjadi syarikat yang matang, yang mengguna pakai teknologi.

Sehingga kini sejumlah 488 buah syarikat berstatus BioNexus dan BBA telah meraih pelaburan diluluskan bernilai RM8.3 bilion melibatkan pendapatan sebanyak RM20.4 bilion yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kadar (KDNK) dan mencipta hampir 15,000 peluang pekerjaan di Malaysia.

Syarikat-syarikat ini telah memanfaatkan sokongan dari MOSTI dan *Bioeconomy Corporation* dengan sepenuhnya untuk menyumbang kepada pencapaian sasaran utama di bawah DBN 2.0 menjelang tahun 2030.

Agensi Nuklear Malaysia pula telah berjaya menghasilkan dan mengkomersialkan penemuan-penemuan baharu antara empat jenis Bio Baja dan penggalak tumbuhan oligokitosan yang diaplikasikan dalam meningkatkan kadar pertumbuhan dan hasil tanaman dengan pengurangan penggunaan baja kimia, seterusnya menambah baik kesuburan tanah.

Di samping itu, benih baharu NMR152 yang berdaya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan beberapa penyakit tanaman padi telah berjaya dikomersialkan dan menerima pengiktirafan sebagai benih padi sah negara dan dimasukkan dalam skim subsidi padi negara untuk kegunaan pesawah di seluruh negara.

Nuklear Malaysia meneruskan usaha penyelidikan dan pembangunan pelbagai varieti benih padi lain yang sedang melalui proses kelulusan pengesahan dan proses pendaftaran hak pembiak baka sebagai varieti baharu tanaman PVP Jabatan Pertanian.

Agensi Angkasa Malaysia pula atau MYSA telah menghasilkan beberapa inovasi dalam sektor pertanian dengan mengadaptasikan teknologi pertanian moden iaitu pertanian tepat melalui penggunaan imej satelit dan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Sebagai contoh, sejak 2012, kerjasama strategik MOSTI melalui MYSA bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Jabatan Pertanian (DOA) telah membangun dan mengoperasikan Sistem Maklumat Geospasial Tanaman Padi (MakGeoPadi). Sistem ini telah dioperasi sepenuhnya di 12 jelang padi di seluruh Malaysia.

Terkini MYSA telah memulakan kajian awal bersama pakar AI dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam membangunkan modul pintar MakGeoPadi berasaskan AI iaitu *deep learning* untuk kerja-kerja pengemaskinian keluasan tanaman padi secara automatik.

■1330

Ini dapat meningkatkan kecekapan pengoperan sistem dan membantu agensi-agensi pertanian mendapatkan maklumat terkini keluasan tanaman padi negara dengan lebih cepat dan tepat.

Manakala melalui MIMOS pula, sebuah projek rintis Sistem Kebolehkesanan Minyak Sawit Mampan- *Traceable of Sustainable Palm Oil* telah dilaksanakan. Sistem ini memudahkan pengesahan interaksi pekebun kecil dengan pembeli atau pengedar serta pergerakan tandan buah segar yang dihasilkan dari ladang. Platform kebolehpasaran ini mewujudkan hubungan antara pembekal sawit kepada kilang minyak sawit dengan lebih tepat dan berkesan. Menerusi sistem ini juga, pekebun kecil dapat meningkatkan hasil sebanyak 30 hingga 50 peratus di samping memastikan amalan mampan dalam rantaian pangkalan minyak sawit di peringkat antarabangsa.

MIMOS juga membangunkan sistem pengesahan daging import halal yang dikendalikan bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Sistem ini masih berada di bawah fasa pembangunan dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2025.

Melalui NanoMalaysia Berhad pula, salah satu projek yang memberi tumpuan kepada pertanian pintar dan pertanian tepat ialah penternakan burung walet pintar. Sistem ini menggunakan sistem penyelesaian *Internet of Nano-Things* (IoNT) yang dapat meningkatkan produktiviti sarang burung walet. Penggunaan sel suria yang berasaskan nanoteknologi membolehkan penjanaan tenaga di kawasan luar grid dan sistem pemantauan di habitat burung walet melalui pendirian nano iaitu nano sensor dengan sensitiviti yang tinggi membolehkan data dikumpulkan dengan tepat dan dianalisis untuk mengoptimalkan pengeluaran sarang burung.

Selain itu, antara penyelesaian teknologi yang telah diketengahkan dan tersedia dalam membantu menangani isu sekuriti makanan adalah penggunaan pertanian menegak iaitu *vertical farming* dan *aquaponics* yang digandingkan bersama aplikasi AI. Aplikasi ini mampu beroperasi di kawasan terpencil dan mengurangkan kos operasi melalui penggunaan Panel Tenaga Suria Nano (NLEP) dengan tenaga solar sebagai sumber tenaga utama. Di samping itu, NanoMalaysia Berhad juga telah menghasilkan produk pemulih tanah berasaskan pemangkin *zeolit* berteknologi nano bagi meningkatkan kecekapan nutrien baja dan mengurangkan kehilangan nutrien daripada tanah.

Melalui MRANTI, Inisiatif *National Technology And Innovation Sandbox* (NTIS) telah melancarkan *Food Security Sandbox* yang merupakan kolaborasi di antara NTIS dan pihak berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).

Food Security Sandbox menyediakan satu- platform kepada Startup penyelidik, penggerak, inovasi, PKS dan usahawan dalam sektor keselamatan makanan menguji produk, teknologi atau perkhidmatan dalam persekitaran yang sebenar- *life environment* dan dalam keadaan yang selamat. Buat masa ini, dua- tapak pengujian telah dikenal pasti iaitu di Pendang, Kedah dan di Chuping, Perlis dengan keluasan tanah hampir 100 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyokong pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom bahawa peralihan kepada tenaga alternatif seperti hidrogen boleh mengurangkan pelepasan karbon di alam sekitar. Untuk itu, MOSTI telah membangunkan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen atau HETR bagi menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara atau NETR bagi pembangunan ekonomi hidrogen di seluruh negara.

Sasaran jangka masa pendek HETR ialah tumpuan khusus kepada projek-projek demonstrasi hidrogen bagi memacu permintaan domestik dan pasaran eksport. Pelaksanaan dimulakan dengan projek domestik yang praktikal dan berskala kecil bagi membolehkan kebolehlaksanaan ke peringkat komersial.

Salah satu projek demonstrasi di Semenanjung Malaysia yang telah dimulakan ialah *Mobile Hydrogen Refueling Station* atau ringkasnya MHRS. Projek demonstrasi ini melibatkan kerjasama MOSTI dengan PETRONAS, UM Corporation Sdn. Bhd.; UMW Corporation Sdn. Bhd.; UMW Toyota Sdn. Bhd.; dan *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC). Projek *pathfinder* ini akan menyaksikan satu unit stesen pengisian hidrogen mudah alih dibangunkan di sekitar Putrajaya atau Cyberjaya pada suku keempat tahun ini bagi tujuan demonstrasi pengisian gas hidrogen termampat ke dalam kenderaan *fuel cell electric vehicle* (FCEV). Inisiatif ini dijangka dapat memacu pembangunan ekosistem mobiliti berasaskan sel bahan api hidrogen di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, MOSTI juga dalam R&D penghasilan sumber hidrogen hijau di mana yang terkini adalah pembangunan penghasilan hidrogen hijau daripada sisa pertanian khususnya efluen kilang minyak sawit melalui kerjasama syarikat tempatan dan *German Universiti Malaysia*.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku agensi R&D kebangsaan akan senantiasa bekerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi untuk memastikan segala perancangan dan penyelidikan dapat menghasilkan nilai tambah kepada pembangunan sains dan teknologi inovasi negara. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada yang telah menimbulkan isu-isu berbangkit berhubung kait dengan STI ini.

Dengan itu, sekian sahajalah maklum balas saya tentang isu-isu di bawah MOSTI yang dibangkitkan dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang berkaitan MOSTI. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

1.36 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan menyentuh isu-isu di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selama satu minggu iaitu pada hari Isnin, 18 Mac sehingga hari Khamis 21 Mac.

Saya bagi pihak kementerian menghargai segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan dan akan diambil kira dalam perancangan KPWKM pada masa hadapan. *Insyaa-Allah*, pada hari ini saya akan memberi maklum balas kepada pertanyaan-pertanyaan yang telah diajukan oleh empat orang Ahli Yang Berhormat Senator kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan penggulungan ini dengan menjawab beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob berkenaan Program Pemulihan Dalam Komuniti di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya menghargai keprihatinan Yang Berhormat Senator yang telah melawat sendiri beberapa PDK dan mendapati ia tidak mempunyai kemudahan asas atau baru seperti tandas dan lain-lain.

Seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum, Program Pemulihan Dalam Komuniti dilaksanakan melalui pendekatan *multi sectoral* dengan penglibatan aktif Orang Kurang Upaya, keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan serta pemimpin tempatan melalui perkhidmatan kesihatan, pendidikan vokasional dan sosial dengan menggunakan sumber tempatan.

Pengurusan PDK kini diuruskan sepenuhnya oleh pertubuhan yang dikenali sebagai Pertubuhan PDK yang terdiri daripada ahli komuniti setempat, ibu bapa dan dibantu oleh penyelia dan petugas PDK. Bagi memperkasakan pertubuhan PDK ini, JKM telah memperkenalkan inisiatif pada tahun 2018 iaitu PDK diwajibkan untuk berdaftar sebagai pertubuhan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Inisiatif ini merupakan salah satu usaha bagi memberi kebebasan kepada pertubuhan PDK tersebut untuk berdiri sendiri tanpa bergantung kepada kerajaan di mana pertubuhan dapat merancang hala tuju program PDK dan melaksanakannya mengikut acuannya sendiri.

Pemilihan premis sebuah pusat PDK adalah dibuat oleh pertubuhan PDK itu sendiri mengikut kesesuaian program dan aktiviti yang dijalankan di dalam kawasan komuniti yang strategik serta mudah diakses oleh OKU dan keluarga. Pemilihan bangunan adalah atas inisiatif pertubuhan PDK masing-masing.

Sebagai sebuah NGO yang mendukung prinsip perkongsian tanggungjawab bersama dalam menyantuni OKU selaku rakan strategik kerajaan, Jawatankuasa PDK boleh lebih proaktif menjana pendapatan sendiri, selain sumbangan dari luar bagi menampung keperluan lain termasuk penyediaan dan penyelenggaraan fasiliti yang lebih kondusif kepada pelatih di PDK.

■1340

Kerajaan Persekutuan sangat mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk kerajaan negeri dan swasta dalam menyediakan premis yang lebih selamat dan sesuai demi kebajikan OKU. Sementara itu, berhubung dengan persoalan berhubung dengan ketidakseragaman dan tiada pengkhususan bagi kategori OKU di PDK, ingin dimaklumkan bahawa program PDK merupakan satu pendekatan pembangunan ke arah sokongan dan kesedaran masyarakat dalam membantu OKU untuk mengecap taraf hidup yang lebih selesa.

Program ini terbuka kepada semua OKU warganegara Malaysia yang berdaftar dengan JKM yang memerlukan pemulihan dan latihan tanpa mengira had umur, jantina, kaum dan agama. Antara objektif program PDK adalah pengurusan diri dan perhubungan sosial OKU. Pengkhususan kepada kategori OKU di sesebuah PDK boleh diputuskan oleh Jawatankuasa PDK berdasarkan majoriti OKU di komuniti setempat, bertepatan dengan konsep asal penubuhan program komuniti adalah bagi memberi pemulihan awal kepada OKU setempat.

Dato' Yang di-Pertua...

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Boleh saya celah sedikit? Terima kasih Menteri yang bagi jawapan yang tetap, tetapi saya ingin mencadangkan untuk membaiki keadaan. Kebanyakan Ahli Jawatankuasa PDK ini bukan mahir dalam urusan mengendalikan OKU. So, kita apa yang saya hendak dia kena adakan satu Jawatankuasa yang berpengalaman untuk menguruskan isu PDK ini.

Itu yang saya ingin cadangkan. So maknanya seragam itu maknanya kita adakan orang yang mahir, yang *expertise* dalam OKU untuk memberi khidmat mereka bukan bagi terus kepada NGO-NGO. Akan tetapi NGO pun banyak masalah untuk mendapat dana, sebab apabila mereka nak rayu dana kepada orang awam ataupun syarikat-syarikat, mereka tidak tahu mengenai PDK ini, apa itu PDK.

So, kalau kita di bawah satu kementerian dan diuruskan oleh GLC, saya cadangkan kalau kerajaan boleh dapat GLC-GLC melibatkan, biar GLC taja PDK ini untuk masa depan OKU. Saya tidak mahu jadikan golongan istimewa, golongan saya seperti anak tiri. Mereka pun adalah rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat kita ambil maklum. Saya percaya banyak yang boleh kita lakukan untuk membantu pertubuhan PDK. Akan tetapi seperti yang saya katakan pertubuhan PDK tadi adalah satu pertubuhan yang daftarkan di bawah NGO tapi ambil maklum dan kita akan bincangkan di peringkat kementerian bagaimana yang boleh kita laksanakan untuk menambah baik seperti cadangan Yang Berhormat tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit memohon penjelasan berhubung dakwaan mangsa banjir di Long Kajang dan Long Busang yang tidak menerima bantuan. Untuk makluman, kerajaan sentiasa prihatin untuk meringankan beban mangsa banjir termasuklah di kawasan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator.

Dalam hal ini, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa JKM Sarawak telah menyalurkan bantuan di kawasan Long Kajang yang dilanda banjir pada 5 Februari 2024. Ia telah disalurkan kepada 25 orang ketua isi keluarga yang terjejas melibatkan 148 orang mangsa. Bantuan makanan kering sebanyak 50 pek bernilai RM100 setiap satu juga telah diserahkan kepada ketua isi rumah terbabit oleh Jawatankuasa Pengurusan Pangkalan Hadapan Rumah Penan Long Kajang.

Sementara itu, penyaluran bantuan dan bantuan makanan kering turut telah diserahkan pada 6 Februari 2024 kepada 84 orang ketua isi rumah mangsa banjir di Long Busang.

Jumlah mangsa banjir didaftarkan adalah seramai 310 orang mangsa. Bantuan makanan kering sebanyak 84 pek yang bernilai RM100 setiap satu juga telah diserahkan kepada ketua isi rumah oleh Jawatankuasa Pengurusan Pangkalan Hadapan Kampung Long Busang.

Sekiranya berlaku bencana lain seperti kebakaran atau ribut, kerajaan turut menyalurkan bantuan bahan binaan mengikut kiraan kadar kerosakan sebenar fizikal rumah tertakluk kepada kadar minimum RM300 dan maksimum RM5,000.

Seterusnya Yang Berhormat Yang di-Pertua, menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris mengenai Skwad WAJA pada 21 Mac 2024. Berkenaan sasaran satu juta penyertaan dan usaha yang diambil untuk menghebahkan penglibatan pihak luar dalam skuad ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Skwad WAJA merupakan sukarelawan pada peringkat komuniti yang telah dilancarkan pada 8 Mac 2021 bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui Program Bimbingan Psikososial dan Aktiviti Dalam Komuniti khususnya wanita bagi meningkatkan kesedaran tentang isu jenayah.

Sejak penubuhan sehingga kini terdapat 326,221 orang Skwad WAJA di seluruh negara dengan penyertaan 74,715 orang lelaki dan 254,506 orang wanita dan sasaran penyertaan Skwad WAJA pada awal pengenalan telah menetapkan satu juta penyertaan. Namun begitu, pada tahun 2022, sasaran tersebut telah dipinda pada 50,000 orang yang disantuni melalui Program Psikososial Skwad WAJA.

Perkara ini mengambil kira kebolehcapaian dan program bersifat lebih menyeluruh, lebih menyentuh nadi rakyat yang memerlukan. Dengan kekuatan keahlian skuad WAJA tersebut, sebanyak 1,012 program psikososial telah dijalankan dan 72,942 orang individu telah berjaya disantuni oleh Skwad WAJA di seluruh negara.

Berkenaan dengan usaha penghebahkan yang telah dilakukan pula, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sentiasa berusaha untuk memastikan program-program yang dijalankan sampai kepada kumpulan sasaran jabatan di seluruh pelosok negeri, jajahan dan daerah. Sejak Skwad WAJA dilancarkan, pelbagai usaha telah diambil oleh jabatan bagi memastikan hebahkan berkaitan Skwad WAJA ini diperluas sehingga berjaya menarik penglibatan pelbagai pihak terutamanya wanita.

JPW melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) turut turun padang menjalankan *outreach* di kawasan kampung, pedalaman dan kawasan terpencil bagi menyantuni kumpulan sasar, mengedar risalah dan menerangkan kepada masyarakat tentang program Skwad WAJA ini di samping program di jabatan dan agensi yang lain.

Selain itu, melalui Program Semarak Skwad WAJA, JPW telah melatih pemimpin dalam komuniti yang terdiri daripada ketua kampung, penghulu, pengerusi KRT supaya mereka menjadi sukarelawan Skwad WAJA. Hal ini kerana pemimpin dalam komuniti ini adalah individu yang paling rapat dalam masyarakat yang selalunya menjadi sumber rujukan. Mereka juga lebih mengenali penduduk di sekitar kawasan mereka.

Manakala bagi kawasan bandar, perluasan pendaftaran keahlian dan pelaksanaan latihan sukarelawan Skwad WAJA turut dilaksanakan seperti di PPR Hiliran Ampang, PPR Muhibah dan UTC Pudu. Kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) turut dijalinkan untuk menjayakan Program Skwad WAJA ini terutamanya melatih skuad WAJA melalui bantuan khas perbendaharaan. Terdapat juga *trainer* yang dilatih daripada kalangan NGO.

Generasi muda pula seperti para pelajar IPT turut disantuni dan didekati bagi menyampaikan hebahkan dan promosi berkaitan Program Skwad WAJA. Usaha ini penting dalam usaha melatih generasi muda pada masa hadapan. Kerjasama yang boleh juga dan telah dilaksanakan bersama pihak universiti.

■1350

Kerjasama ini turut diadakan contohnya dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Institut Perguruan Kampus Kota Bharu dan sebagainya dengan melibatkan penyertaan program dan latihan Skwad Waja. Latihan yang diberikan iaitu Modul Skwad Waja iaitu memberi fokus latihan kemahiran asas menolong yang dikenali dengan singkatan EARS- "E" untuk *empathy*; "A" untuk *attention*; "R" untuk *response*; "S" untuk *support* dan melalui modul ini juga Skwad Waja turut didedahkan dengan Slot Wanita Antijenayah.

Slot ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai isu-isu keganasan khususnya terhadap wanita bagi memastikan wanita tidak berterusan menjadi mangsa keganasan.

Tujuh slot yang diperincikan termasuk kaedah pelaporan serta maklumat membuat rujukan adalah seperti peranan gender dalam kehidupan wanita, gangguan seksual, antipemerdagangan orang, jenayah siber, keldai dadah, rogol, cabul dan keganasan rumah tangga. Dalam usaha mempromosikan program ini juga, jabatan turut menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi lain, agensi-agensi swasta, badan berkanun dan yang lainnya baik daripada segi latihan, pembangunan modul, kempen, produk dan sebagainya.

Antara yang terlibat adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), PERKESO, JAKIM, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, KWSP, Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina ataupun PAPISMA, Institut Pengajian Tinggi dan sebagainya. Bagi memastikan hebahan sukarelawan Skuad Waja ini diperluaskan, pelan media juga turut dirancang dan disusun bagi memastikan hebahan dan advokasi disampaikan kepada komuniti. Pelan media ini diadakan melalui pelbagai platform seperti melalui slot radio, slot televisyen, media cetak, media sosial dan hebahan melalui sewaan *billboard*.

Berdasarkan statistik, jangkakan pendengar slot radio bagi tempoh antara tahun 2021 sehingga tahun 2023 adalah seramai 1.5 juta orang pendengar. Bagi slot TV pula, anggaran penonton bagi tempoh yang sama adalah seramai satu juta orang. JPW juga tidak ketinggalan untuk menjalankan promosi program dengan trend terkini seperti melalui *TikTok*, melalui *Facebook*, melalui *Instagram* sebagai contohnya. Sukarelawan Skuad Waja, kami memang galakkan untuk mempergiatkan lagi aktiviti psikososial dan bimbingan dalam komuniti serta menarik minat masyarakat untuk turut menyertai dan menyumbang bakti sebagai sukarelawan Skuad Waja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Puan Anna Bell atas lantikan menjadi salah seorang daripada Ahli Dewan yang mulia ini. Baru sahaja lantikan, kurang daripada sebulan. Saya bagi pihak kementerian juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan perkara berkaitan dengan pembangunan wanita.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KPWKMM memang sentiasa cakna dan komited dengan agenda pemerkasaan wanita ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan melalui agensi di bawah KPWKMM seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ataupun LPPKN dan Yayasan Kebajikan Negara ataupun YKN.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor ekonomi dan perniagaan, KPWKMM juga memfokuskan penyediaan ekosistem untuk menyokong wanita yang terlibat dalam ekonomi. Antara programnya adalah seperti berikut, pertama Program Wanita Bangkit, MyKasih Kapital oleh Yayasan Kebajikan Negara. Peserta program ini akan menerima bantuan asas, modal perniagaan yang diberikan secara *one-off*. Jumlahnya mungkin tidak banyak, tetapi ia satu permulaan dan sebanyak RM500 telah diberikan bagi menggalakkan wanita berniaga. Pada tahun 2023, seramai 9,036 orang peserta telah menerima bantuan. Kalau kita nak bandingkan dengan 6,614 orang peserta pada tahun sebelumnya iaitu tahun 2022, menjadikan jumlah keseluruhan seramai 16,734 orang peserta yang telah menerima manfaat sejak program ini dimulakan pada tahun 2021.

Kedua pula adalah akses kepada latihan dan pembangunan kapasiti ataupun, dengan izin, *upskilling* dengan *reskilling*. JPW melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti dan latihan keusahawanan yang merangkumi program advokasi penjana pendapatan, ekonomi dan kemahiran serta literasi kewangan bagi membantu golongan wanita termasuk ibu tunggal dan program tersebut dilaksanakan dalam kumpulan yang kecil dan berbentuk kursus atau bengkel yang bersesuaian dengan kehendak kumpulan sasar setempat seperti program yang kami namakan WeJANA dan WeBRIDGE.

Program WeJANA membantu wanita yang baru menceburi aktiviti penjanaan pendapatan menerusi Program Pembangunan Kapasiti, manakala Program WeBRIDGE merupakan program yang memberikan bimbingan dan latihan serta menghubungkan usahawan wanita kepada lebih banyak lagi platform untuk memperluas perniagaan bagi membantu meningkatkan daya maju perniagaan mereka. Program WeJANA dan WeBRIDGE telah berjaya secara puratanya meningkatkan pendapatan peserta.

Pada tahun 2023 pula, JPW telah melaksanakan sebanyak 590 program untuk membantu wanita dalam aktiviti ekonomi dan seramai 16,882 orang telah menerima manfaat daripada program ini. Bagi tahun ini pula, sehingga bulan Februari 2024 sebanyak 121 program telah dilaksanakan yang melibatkan penyertaan seramai 3,416 orang.

Ketiganya pula adalah Program MamaCare. MamaCare ini adalah di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ataupun LPPKN. Program MamaCare bertujuan untuk melatih wanita bagi menjana pendapatan dalam industri penjagaan *postnatal* dan program penjanaan pendapatan menerusi insentif latihan dan pensijilan. Profesion penjagaan ibu selepas bersalin MamaCare ini menyediakan insentif kepada 1,200 orang wanita dalam kalangan B40 dan ibu tunggal dengan pensijilan pengajian Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 ataupun DKM4 Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare bagi memberikan peluang menjana pendapatan bagi menyara hidup, menyara diri dan keluarga.

Insentif ini dapat memberikan keyakinan kepada para ibu yang mendapatkan perkhidmatan *postnatal* daripada pengamal yang berdaftar dan diiktiraf serta membantu industri melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam bidang penjagaan ibu selepas bersalin yang terlatih. Sehingga kini, program ini telah melatih seramai 1,431 orang pengamal *postnatal* melengkapkan diri dengan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare dan berjaya menjana pendapatan berjumlah RM65 juta.

Seterusnya yang keempat pula adalah program *2 Years Exit Program* ataupun kita panggil 2YEP oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pelaksanaan program 2YEP ini adalah dibuat bagi menggalakkan penerima bantuan JKM untuk berdikari melalui program menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka. Objektifnya adalah supaya mereka tidak bergantung selamanya kepada bantuan kerajaan. Pada tahun 2023, seramai 325 orang wanita telah menerima manfaat daripada program ini.

Seterusnya yang kelima pula adalah pusat aktiviti laman wanita ataupun LaWa. KPWK melalui JPW mempunyai 14 laman wanita.

■1400

LaWa merupakan pusat aktiviti setempat yang menawarkan pelbagai program dan aktiviti pemerksaan wanita melalui aspek peningkatan kemahiran asas. LaWa juga memberikan pendedahan kepada ilmu pembangunan psikososial yang merupakan elemen penting dari sudut pembangunan kapasiti wanita dan pengukuhan kesejahteraan wanita. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui program dan aktiviti di LaWa, hasilnya terdapat peserta LaWa yang telah menjadi usahawan dan mempunyai perniagaannya sendiri.

Antara contoh usahawan wanita yang telah berjaya melalui inisiatif ini, saya hendak kongsi akan dalam Dewan ini adalah Puan Zalridah Hashim yang telah berjaya menempatkan produk batiknya di Pusat Inovasi Kraf Batik. Kini bukan sahaja berkerjaya sebagai pengusaha produk kraf batik, malahan beliau merupakan tenaga pengajar dalam bidang kraf tangan produk batik. Seorang lagi contoh peserta yang telah berjaya adalah Puan Mazlina Abdul Majid. Beliau telah mengikuti program kelas jahitan dan kraf kreatif anjuran LaWa. Kini beliau berjaya mempunyai sebuah perniagaan *soft toys*, dengan izin, yang turut mendapat permintaan hangat daripada bukan sahaja dari dalam, tapi juga luar negara.

Di samping itu, melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan di LaWa ini Tuan Yang di-Pertua, wanita dapat mengenal pasti bakat dan potensi yang boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

LaWa juga berperanan sebagai pusat setempat yang membolehkan wanita mewujudkan jaringan sosial dan pusat maklumat asas tentang pelbagai isu wanita. Menariknya, kesemua program dan aktiviti ini menyokong aspirasi pemeraksanaan wanita yang merangkumi aspek ekonomi, kesejahteraan, keselamatan serta kepimpinan yang diberikan perhatian serius oleh kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberikan jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh empat Yang Berhormat Senator. Berakhirlah sesi penggulungan mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Negara pada hari ini. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyuarakan pandangan, cadangan, penambahbaikan serta teguran yang melibatkan kumpulan sasar di bawah KPWK. Saya menghargai segala yang telah dibangkitkan dan KPWK akan mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan input yang diterima.

Kerjasama dan sokongan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat Senator terhadap beberapa inisiatif kementerian terutamanya dalam mengendalikan isu yang sangat dekat di hati kita diharap dapat memberi lebih manfaat kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang beragama Islam dan juga mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan Selamat Hari Raya bagi yang menyambutnya. Sekian, terima kasih saya ucapkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

2.03 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Ewon Benedick]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terutama izinkan saya menzahirkan rasa penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan Baginda untuk menyampaikan Titah Diraja pada Istiadat Pembukaan Sidang Parlimen.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ataupun ringkasnya, KUSKOP sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada mesyuarat kali ini di Dewan Negara ini.

Secara umumnya, perkara-perkara yang dibangkitkan adalah mengenai bantuan dan inisiatif yang disediakan oleh kementerian ini yang merangkumi aspek pendigitalan, akses pasaran eksport serta menyentuh mengenai beberapa kumpulan khusus seperti Perusahaan Kecil dan Sederhana, usahawan Orang Asli, usahawan wanita dan usahawan Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, izinkan saya untuk memperincikan tindakan yang telah diambil oleh kementerian ini terkait dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah Lihan telah menekankan mengenai galakan kepada usahawan dalam perniagaan berasaskan pendigitalan dan bidang teknologi maklumat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KUSKOP melalui agensi-agensinya telah memberi fokus kepada usaha mendigitalisasikan usahawan PMKS melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:

- (i) platform MyMall oleh KUSKOP yang menyediakan ruang pemasaran dalam talian secara percuma terhadap produk ataupun perkhidmatan yang ditawarkan oleh PMKS.
Sehingga bulan Mac 2024, seramai 1,582 orang usahawan telah berdaftar di MyMall dengan melibatkan sebanyak 1,853 buah produk dan mencatatkan nilai jualan berjumlah RM2.78 juta;
- (ii) Skim Pembiayaan *Online* TEKUN oleh TEKUN Nasional yang bertujuan menyediakan modal pembiayaan kepada usahawan yang menjalankan perniagaan secara atas talian.
Sehingga bulan Februari 2024, seramai 124 orang usahawan mikro dan informal telah menerima pembiayaan di bawah skim ini berjumlah RM1.123 juta;
- (iii) skim *SME Technology Transformation Fund* oleh SME Bank yang menyediakan bantuan kewangan kepada PKS untuk meningkatkan penggunaan digital dalam operasi perniagaan.
Sehingga bulan Disember 2023, seramai 175 orang usahawan PKS telah menerima pembiayaan di bawah skim ini melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM230 juta; dan
- (iv) Program Pemantapan Penjaja dan Peniaga Kecil yang dilaksanakan oleh kementerian kepada seramai 1,728 orang penjaja dan peniaga kecil pada tahun 2023 di mana program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan pendedahan mengenai pendigitalan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa dan Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah Lihan membangkitkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kementerian bagi membantu PKS dalam meningkatkan nilai eksport syarikat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KUSKOP dan agensi-agensinya sentiasa komited dalam membantu usahawan PKS untuk meneroka pasaran antarabangsa dan sekali gus meningkatkan nilai eksport melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif seperti berikut:

- (i) SME Bank melaksanakan *Business Exports Programme* (BEP) dalam membantu usahawan PKS Bumiputera untuk menembusi pasaran luar negara. Usahawan yang terlibat akan diberikan khidmat nasihat serta intervensi dalam membimbing dan membangunkan syarikat melalui peluang perniagaan antarabangsa dan program eksport yang lebih berstruktur.
Pada tahun 2021 hingga 2023, sebanyak 73 orang usahawan PKS Bumiputera telah menyertai Program BEP ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 buah syarikat telah menembusi pasaran baharu di luar negara dengan jumlah keseluruhan jualan eksport sebanyak RM123.3 juta;
- (ii) SME Corp. melaksanakan Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) dan Program Pengukuhan Eksport PKS untuk membantu PKS menembusi dan meluaskan pasaran ke luar negara. Bantuan disediakan dalam bentuk geran padanan antaranya bagi tujuan pensijilan dan pematuhan piawaian antarabangsa, penjenamaan, promosi, pembungkusan dan pelabelan serta pembangunan kapasiti berbentuk khidmat nasihat dan latihan persediaan eksport.

Bagi tempoh 2021 hingga 31 Disember 2023, sejumlah 845 PMKS telah mendapat manfaat yang meliputi antaranya 57 buah syarikat mendapat kelulusan geran bernilai RM9.3 juta, 672 buah syarikat menyertai latihan dan klinik perniagaan bagi persediaan ke arah eksport. SME Corp. juga bekerjasama dengan MARA bagi skim pinjaman mudah untuk eksport di bawah program GEB dalam tempoh 2021 sehingga 31 Disember 2023 dengan lapan buah syarikat diluluskan pinjaman mudah bernilai ataupun melibatkan nilai RM13.36 juta; dan

■1410

- (iii) program pengantarabangsaan usahawan halal oleh KUSKOP yang menyediakan akses produk perkhidmatan halal Malaysia di pasaran antarabangsa. Melalui penyertaan beberapa ekspo seperti MIHAS, *Malaysia Fair* di Tokyo dan *Gulfood 2024*. Secara keseluruhannya program ini telah membantu seramai 112 orang usahawan dan merekodkan potensi nilai jualan sebanyak RM267.19 juta dan jualan sebenar berjumlah RM41.53 juta.

Bagi tahun 2023 pula, sebanyak 118 buah syarikat francais menyertai misi perdagangan di tujuh buah negara iaitu Australia, Thailand, Indonesia, India, Turki, Vietnam dan Kemboja dengan potensi pelaburan sebanyak RM865 juta. Bagi tahun 2024, sebanyak lapan misi perdagangan dirancang melibatkan negara Thailand, China, Vietnam, Rusia, Indonesia, UK dan Uzbekistan dengan anggaran potensi pelaburan sebanyak RM900 juta di bawah program *Enhance Franchise Development Programme*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff telah membangkitkan mengenai bantuan kementerian kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi merangsang ekonomi serta membuka peluang pekerjaan baharu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Separuh Penggal RMKe-12 telah memberi tumpuan kepada industri *high-growth*, *high-value* yang mampu memberikan sumbangan lebih besar kepada jumlah ekonomi negara.

Selain itu, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2023 dan Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 2023 juga memberi penekanan kepada usaha meningkatkan skala dan daya saing usahawan terutamanya PKS untuk terlibat dalam rantai nilai industri berketumbuhan tinggi di peringkat domestik dan antarabangsa. Oleh yang demikian, KUSKOP melalui agensi-agensinya telah menyediakan pelbagai program dan skim pembiayaan kepada usahawan PKS bagi merangsang ekonomi dan membuka peluang pekerjaan baharu, dan antara program dan skim pembiayaan yang disediakan adalah:

- (i) Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP) oleh SME Corp yang menyediakan bantuan geran dan pinjaman mudah kepada PKS bagi tujuan peningkatan kapasiti dan keupayaan melalui peningkatan produktiviti, automasi dan pendigitalan, pembungkusan dan pelabelan produk. Pada tahun 2023, seramai 122 orang usahawan PKS telah menerima bantuan BAP melibatkan peruntukan berjumlah RM26.1 juta;
- (ii) Program Peningkatan Industri Strategik dan Syarikat Berprestasi Tinggi (PRESTIGE) yang dilaksanakan oleh SME Corp bagi membangun dan pengintegrasian PKS berpotensi ke dalam rantai bekalan industri bertumbuhan tinggi. Pada tahun 2023, sebanyak- ataupun lapan orang usahawan PKS telah menyertai program PRESTIGE melibatkan peruntukan berjumlah RM3 juta.

Sesi padanan perniagaan untuk PKS dalam industri berimpak tinggi telah diadakan dengan penyertaan seramai 233 buah syarikat dan potensi jualan sebanyak RM131.5 juta. Sejumlah 19 buah syarikat *anchor* telah terlibat dalam sesi pepadanan perniagaan ini;

- (iii) Skim Pembiayaan BRPlus-i oleh Bank Rakyat yang menawarkan kemudahan pembiayaan untuk membiayai keperluan modal kerja dan perbelanjaan modal perniagaan usahawan PKS. Pada tahun 2023, seramai 670 orang usahawan PKS telah menerima pembiayaan di bawah skim ini melibatkan jumlah sebanyak RM85.47 juta;
- (iv) Program *SME Recapitalization Fund* oleh SME Bank bertujuan membantu PKS yang terlibat dalam sektor berimpak tinggi yang terpilih untuk memperoleh pembiayaan. Bagi tahun 2023, tiga orang usahawan PKS telah menerima pembiayaan di bawah skim ini melibatkan jumlah RM11.2 juta; dan
- (v) Program Pembangunan Vendor yang dilaksanakan oleh KUSKOP bagi memperkasakan kapasiti dan keupayaan syarikat vendor dalam membekalkan produk serta perkhidmatan yang bermutu tinggi dan kompetitif di pasaran. Melalui Geran Penyelidikan dan Pengkomersialan Vendor 2.0, sebanyak 29 buah syarikat vendor telah menerima geran berjumlah RM10 juta bagi tahun 2023 serta telah mewujudkan 511 peluang pekerjaan yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali telah membangkitkan mengenai bantuan khusus yang disediakan kerajaan bagi memastikan usahawan bumiputera tidak terpinggir demi kemakmuran ekonomi yang adil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks kementerian ini, KUSKOP sentiasa prihatin dan komited dalam melaksanakan pelbagai program dan bantuan keusahawanan yang bersifat inklusif termasuklah kepada usahawan-usahawan bumiputera.

Antara program keusahawanan yang telah dilaksanakan kepada usahawan bumiputera sepanjang tahun 2023 ialah yang pertama, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera, Program Peningkatan Enterpris Bumiputera dan Program Galakan Eksport Bumiputera yang dilaksanakan oleh SME Corp. Sehingga 15 Mac 2024, seramai 3,615 orang usahawan bumiputera telah diluluskan geran berjumlah RM150.1 juta.

Kedua, TEKUN Nasional telah menyediakan pelbagai skim pembiayaan kepada usahawan mikro bumiputera seperti TEKUN Niaga, TEMAN TEKUN, Skim Pembiayaan Untuk Belia dan TEKUN Wanita. Bagi tahun 2023, TEKUN Nasional telah menyalurkan bantuan pembiayaan berjumlah RM995.2 juta kepada seramai 45,451 orang usahawan mikro bumiputera di seluruh negara.

Ketiga, Program Pembangunan Vendor yang dilaksanakan oleh KUSKOP bagi memperkasakan kapasiti dan keupayaan syarikat vendor bumiputera dalam membekalkan produk serta perkhidmatan yang bermutu tinggi dan kompetitif di pasaran. Bagi tahun 2023, melalui Geran Penyelidikan dan Pengkomersialan Vendor 2.0, sebanyak 29 buah syarikat vendor bumiputera telah menerima geran berjumlah RM10 juta. Selain itu, sebanyak 31 buah syarikat vendor Bumiputera telah menerima Geran Pembangunan Kapasiti Vendor 2.0 berjumlah RM5 juta.

Keempat, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) turut menyediakan pelbagai program berasaskan latihan dan bimbingan kepada usahawan termasuk Bumiputera seperti Program Bimbingan Bisnes Bumiputera, Program Bimbingan Keuntungan Menu, Kursus Asas Keusahawanan dan Program Latihan Bisnes.

Bagi tahun 2023, seramai 11,102 orang usahawan bumiputera telah mengikuti program-program tersebut dengan mencatatkan peratusan pengikatan jualan sebanyak 23 peratus dengan nilai jualan berjumlah RM13.3 juta selepas menyertai program bimbingan INSKEN tersebut.

Keempat, Bank Rakyat juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif berbentuk pembiayaan dan geran seperti Program BRPlus, iTEKAD dan *Graduate Mentoring Programme* kepada usahawan Bumiputera. Sehingga 31 Disember 2023, Bank Rakyat telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM1.07 bilion kepada 2,482 orang usahawan Bumiputera dan menyalurkan geran sebanyak RM1.7 juta kepada 340 orang usahawan B40 Bumiputera.

Keenam, SME Bank juga menyediakan kemudahan pembiayaan melalui Program Skim Pembiayaan Lestari Bumi bertujuan membantu usahawan mikro dan kecil Bumiputera ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi tahun 2023, SME Bank telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM310.10 juta yang memanfaatkan seramai 778 orang usahawan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris membangkitkan mengenai mekanisme pelaksanaan baharu bagi memastikan peluang sama rata kepada usahawan Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada program-program keusahawanan kepada usahawan Bumiputera yang saya perincikan sebentar tadi, kementerian ini juga melaksanakan beberapa program khusus untuk usahawan Bumiputera di Sabah dan Sarawak seperti berikut.

■1420

Pertama, Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP Plus) ataupun BPlus Sabah dan Sarawak oleh SME Corp. Sebanyak 67 permohonan melibatkan peruntukan geran sebanyak RM5.5 juta telah diluluskan. Manakala, bagi BEEP Plus di Sabah RM5.5 juta telah diluluskan manakala BEEP Plus Sarawak pula sebanyak 16 permohonan melibatkan peruntukan geran berjumlah RM2.1 juta telah diluluskan.

Kedua, Skim Pembiayaan Usahawan Tamu di bawah TEKUN Nasional telah memanfaatkan seramai 608 orang penjaja dan peniaga kecil di Sabah dengan nilai pembiayaan sebanyak RM2.43 juta dan seramai 487 orang penjaja dan peniaga kecil di Sarawak dengan nilai pembiayaan sebanyak RM2.3 juta. Selain itu, dalam usaha memperkasakan mekanisme pelaksanaan Program Pembangunan Keusahawanan di Sabah dan Sarawak, KUSKOP telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kerjasama dengan kedua-dua kerajaan negeri melalui struktur tadbir urus seperti berikut.

Pertama, Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Keusahawanan negeri di Sabah dan Sarawak bagi menyelaraskan pelaksanaan program pembangunan usahawan oleh agensi Persekutuan dan agensi-agensi negeri.

Kedua, Majlis Pembangunan Usahawan Koperasi Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Daerah yang dilaksanakan secara rintis di Sabah bagi memastikan isu pelaksanaan dan keperluan usahawan koperasi, penjaja dan peniaga kecil dapat ditangani secara bersasar.

Bagi tahun 2024 ini pula, hasil daripada sesi libat urus yang telah diadakan bersama komuniti usahawan di Sabah dan Sarawak dan seterusnya telah diluluskan di bawah belanjawan tahun 2024 ini KUSKOP akan memulakan Projek Tamu Desa yang bertujuan untuk membina dan menaik taraf kemudahan ruang niaga dan infrastruktur keusahawanan di luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Anna Bell binti Perian telah membangkitkan mengenai bantuan bagi memperkasakan usahawan wanita terutama daripada aspek pembiayaan dan pembangunan kapasiti. KUSKOP melalui agensi-agensinya telah menyediakan program dan skim pembiayaan kepada usahawan wanita dan antara program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

- (i) Skim Pembiayaan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia telah memberi manfaat kepada 322,722 orang usahawan wanita dengan peruntukan sebanyak RM2.7 bilion;
- (ii) Skim Pembiayaan TEKUN Wanita yang dilaksanakan oleh TEKUN Nasional kepada 3,801 orang usahawan wanita dengan peruntukan sebanyak RM20 juta;
- (iii) Program BRPLUS – i BizLady oleh Bank Rakyat telah menyalurkan pembinaan sebanyak RM18.97 juta pada 284 orang usahawan wanita;
- (iv) *Programme Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent* ataupun ringkasnya (SWEET) oleh PERNAS melibatkan seramai 26 orang usahawan francais wanita dengan kelulusan pembiayaan sebanyak RM5.9 juta;
- (v) seramai 8,639 orang usahawan wanita telah menyertai program-program latihan dan bimbingan keusahawanan anjuran INSKEN. Melalui Program Bimbingan *Business Bumiputera* INSKEN, seramai 425 orang peserta wanita telah menyertai program ini dan 57 peratus mencatatkan minimum peratusan peningkatan jualan sebanyak 20 peratus dengan nilai jualan berjumlah RM8.4 juta. Selain itu, seramai 118 orang usahawan wanita turut menerima bimbingan INSKEN melalui Program Pemerksaan Usahawan Wanita ringkasnya Program PUAN dan telah berjaya mencatatkan purata peningkatan jualan sebanyak 28.3 peratus dengan nilai jualan berjumlah RM430,000; dan
- (vi) seramai 1,065 orang usahawan wanita telah menerima manfaat melalui bantuan kewangan berjumlah RM22.6 juta daripada SME Corp melalui pelaksanaan pelbagai program pembangunan keusahawanan seperti Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro ataupun ringkasnya BizME.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini juga komited dan akan terus melaksanakan program pembangunan usahawan yang memberi manfaat kepada usahawan wanita bagi tahun 2024 ini. Bagi tujuan tersebut program-program yang telah saya jelaskan sebentar tadi akan diteruskan sepanjang tahun ini melalui dana yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2024 dan juga dana dalaman oleh agensi-agensi KUSKOP.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin telah membangkitkan mengenai bantuan kementerian ini kepada usahawan Orang Asli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KUSKOP melalui TEKUN Nasional telah menyediakan Skim Pembiayaan Orang Asli ataupun ringkasnya SPORA. Bermula tahun 2020 yang menyediakan pembiayaan mikro kepada usahawan Orang Asli. Sehingga Februari tahun ini, melalui Skim SPORA ini TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM1.42 juta kepada seramai 91 orang usahawan Orang Asli.

Selain itu, usahawan Orang Asli juga boleh memohon pembiayaan melalui Skim Pembiayaan Kontrak-i bagi mendapatkan pembiayaan sehingga 85 peratus daripada nilai kontrak. Sejak dilancarkan pada tahun 2015 dan sehingga Februari 2024, sebanyak 13 orang usahawan Orang Asli telah menerima Pembiayaan Kontrak-i berjumlah RM858,000.

Di samping itu, Amanah Ikhtiar Malaysia pada tahun 2023 telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM6.01 juta kepada seramai 959 Sahabat Usahawan AIM dalam kalangan usahawan Orang Asli. Bagi tahun 2024 pula, sehingga bulan Februari 2024 ini seramai 175 orang sahabat usahawan Orang Asli AIM telah menerima pembiayaan berjumlah RM1.24 juta.

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah melaksanakan Program Bimbingan Keusahawanan kepada seramai 38 orang usahawan Orang Asli dari tahun 2021 hingga 2023. Dalam aspek koperasi pula, sehingga bulan Disember 2023 sebanyak 95 buah koperasi komuniti Orang Asli telah berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Daripada jumlah tersebut tiga buah koperasi komuniti Orang Asli telah menerima bantuan pembangunan SKM berjumlah RM588,000 bagi tempoh 2021 hingga 2023. Manakala, di bawah Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dari tahun 2023 hingga setakat ini 2024 sebanyak ataupun seramai 280 orang ahli koperasi Orang Asli telah menyertai program bimbingan dan latihan IKMa.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada Mesyuarat ini. Saya berharap penjelasan tersebut telah dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Marilah kita sama-sama atas semangat Malaysia Madani, bekerjasama menjunjung Kasih Titah Tuanku bagi memacu pembangunan negara ke tahap yang lebih cemerlang. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

2.28 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) semasa sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja di Dewan Negara ini dari 18 sehingga 21 Mac 2024 yang lalu.

Pada hari ini saya akan memberi maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan yang telah menyentuh isu MOTAC oleh 16 Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Kedua, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Ketiga, Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran. Keempat, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa. Kelima, Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya. Keenam, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman. Ketujuh, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

Kelapan, Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, kesembilan. Kesepuluh, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol. Kesebelas, Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim. Kedua belas Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee. Ketiga belas, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Keempat belas Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz. Kelima belas Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah dan keenam belas Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin.

■1430

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC melalui Kraftangan Malaysia sentiasa komited memelihara dan memulihara seni warisan dan budaya yang semakin pupus. Usaha dalam memelihara dan memulihara seni kraf warisan dilaksanakan menerusi penyediaan tenaga kerja yang mahir menerusi program latihan kemahiran kraf secara formal dan tidak formal kepada kumpulan sasar bagi tujuan meningkatkan bilangan komuniti untuk kelestarian industri kraf tempatan.

Antara inisiatif yang dijalankan oleh Kraftangan Malaysia ialah melalui Program Kemahiran kraf, Institut Kraf Negara (IKN) iaitu program latihan secara formal bertujuan untuk melahirkan graduan modal insan yang berilmu dan berkemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja terlatih dalam industri. IKN menawarkan pengajian di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), sijil dan diploma dalam bidang kraf iaitu seni kraf batik, seni kraf tenunan, seni kraf logam, seni kraf kayu, seni kraf seramik dan seni kraf rotan.

Manakala, program pembangunan kemahiran komuniti kraf latihan tidak formal dilaksanakan di bawah Projek Pembangunan Kemahiran dan Komuniti (PPKK). Melalui projek ini, komuniti kraf baharu yang terdiri daripada golongan suri, kumpulan rentan, golongan B40 dan Orang Kurang Upaya (OKU) dibangunkan serta diperkasakan. Projek ini bukan sahaja berjaya mewujudkan lebih ramai komuniti kraf baharu yang mengusahakan pengeluaran kraf tempatan secara sepenuh masa atau sampingan, malah dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran bagi menghasilkan produk kraf tangan yang lebih bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC melalui ASWARA giat menawarkan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi penawaran jangka pendek atau kursus separuh masa kepada orang awam, agensi, jabatan kerajaan dan swasta serta komuniti penggiat seni. Terdapat 62 kursus jangka pendek yang telah tersedia dibuka penawarannya bagi tahun 2024 seperti:

- (i) Persembahan Ritma Berkumpulan;
- (ii) Persembahan Tarian Tradisional;
- (iii) Tarian Zapin Pekan;
- (iv) Seni Lakonan Teater;
- (v) Pengarahan Muzik Video;
- (vi) Filem Penyuntingan;
- (vii) Alat Muzik Tradisional;
- (viii) Nyanyian;
- (ix) Aplikasi Teknikal Animasi 2D; dan
- (x) Pengacaraan Profesional dan lain-lain.

Tambahan pula, selaras dengan keputusan Kementerian Dalam Negeri yang telah meluluskan MOTAC sebagai agensi kawal selia pada 4 Disember 2023. ASWARA kini sedang dalam proses melaksanakan pengambilan pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di ASWARA yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti *Education Malaysia Global Services* (EMGS). Sasaran kami untuk pengambilan dan kemasukan pelajar antarabangsa di ASWARA akan bermula *insya-Allah* pada September tahun ini.

Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol ada membangkitkan isu bagaimana pihak kementerian memasarkan produk batik. MOTAC melalui Kraftangan Malaysia menyambut baik cadangan Yang Berhormat dan mengucapkan terima kasih atas sokongan di atas produk kraf batik Malaysia.

Untuk makluman, kementerian sentiasa membantu memasarkan dan mempromosikan produk-produk kraf termasuk batik melalui program-program promosi yang dirancang. Bagi tahun 2024, pengusaha-pengusaha kraf termasuk batik berpeluang memasarkan produk menerusi Hari Kraf Kebangsaan di Kompleks Kraf Kuala Lumpur pada 21 Februari hingga 4 Mac 2024.

HKK melihat seramai 48,500 orang pengunjung dan telah menjana jualan sebanyak RM12.3 juta. Kraftangan Malaysia juga menganjurkan Festival Kraf Kebangsaan (FKK) di 12 buah lokasi pusat beli-belah terpilih di seluruh Malaysia bermula 23 Februari hingga 7 April 2024, antaranya ialah di:

- (i) KLCC;
- (ii) Amanjaya Sungai Petani;
- (iii) Freeport A'Famosa Outlet, Alor Gajah;
- (iv) Sunway Big Box, Johor; dan
- (v) Plaza Merdeka, Kuching Sarawak.

Selain itu, Kraftangan Malaysia turut merencanakan aktiviti promosi melalui penganjuran Program Jalinan Aidilfitri Pesona Kraf Tekstil di dua buah lokasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA 1) dan KLIA 2. Di bawah strategi pengkomersialan Kraftangan Malaysia mengerakkan aktiviti mempromosikan produk kraf menerusi acara *signature* dan festival berskala besar *marquee event*. Usaha ini turut direncanakan menerusi promosi produk kraf di peringkat antarabangsa. Di samping promosi secara digital melalui *MyCraftshoppe* (MYCS), dan E-Kraf Bazar (EKB) yang merupakan aplikasi media sosial *Facebook*.

Empat Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Datin Hajah Ros Suryati binti Alang, Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli, Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim, dan Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee membawa perkara berkenaan dengan pengiktirafan warisan ketara dan warisan tidak ketara.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh mencelah sedikit Yang Berhormat Dato'?

Dato' Kesavadas a/I A Achyuthan Nair: Menteri.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya ingin mendapat sedikit pencerahan daripada Yang Berhormat. Salah satu daripada mungkin *consider craft* yang sangat bermutu tinggi iaitu songket. Hari ini songket Malaysia khususnya dari Terengganu hampir pupus mungkin serangan daripada songket kilang dari India. Apakah usaha daripada kementerian mengekang mahupun mengembalikan kegemilangan songket? Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, untuk kita mengatakan songket Terengganu makin pupus agak keterlaluan rasanya daripada pihak MOTAC kerana kita beranggapan kraf tangan ataupun industri kraf di bawah tekstil ini sebenarnya sentiasa direncanakan oleh pihak MOTAC di bawah agensi Kraftangan.

Kita tahu usahawan-usahawan yang terlibat secara khusus di dalam industri songket ini sentiasa diberikan perhatian yang cukup serius daripada pihak kementerian. Persoalannya bagaimana kita mahu mengekang kemasukan songket-songket dari luar dari negara kita?

Pertama, apa yang kita lakukan ialah melalui kesedaran kerana melalui kesedaran itu sahajalah baru kita boleh mendidik masyarakat kita tentang betapa bezanya songket kita yang dihasilkan di negara kita berbanding dengan songket di luar sana.

Mungkin ia kembali kepada perdebatan dari sudut harga. Itu sebabnya untuk kita memastikan harga songket terutamanya di negeri Terengganu dapat bersaing dengan songket daripada luar sana agak mustahil kerana seperti yang kita tahu songket yang di luar daripada negeri Terengganu ataupun di luar daripada negara kita kebiasaannya dilakukan di kilang dan songket kita ia dilakukan melalui hasil tangan usahawan-usahawan kita sendiri, tetapi apa yang telah saya sampaikan sebentar tadi, kita akan ambil pengajaran ataupun ambil tindakan dari sudut bagaimana kita boleh mempertahankan seni budaya kita terutamanya songket itu sendiri dan bagaimana kita boleh melihat pihak kementerian membantu supaya lebih ramai usahawan dapat dilahirkan untuk kita melahirkan industri kraf melalui tekstil itu dapat diperkembangkan. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dato' Yang di-Pertua, saya rasa tak apa saya soal lagi untuk kebaikan, ramai mengantuk ini.

Saya datang dari Terengganu dan kampung saya ini kampung songket. Memang sekarang ini kalau dulu dalam kampung itu hampir separuh daripada wanita dalam kampung adalah penenun songket, tapi sekarang nak cari seorang pun dah tak ada sebab memang *confirm* isu besar- harga yang tak kompetitif dan mereka buat pun tak dapat nak buat jualan.

Kalau nak *compare* daripada segi kualiti memang jauhlah kita kata songket yang dibuat secara tradisi di negara kita ini sangat berkualiti, tetapi apabila songket khususnya dari India masuk, maka kita lihat realitinya memang sangat mendung industri songket khususnya saya sebut di Terengganu.

■1440

Saya harap kementerian boleh beri pemerhatian yang lebih serius. Sebab itu bila saya sebut kata memang kritikal, memang *really* kritikal. Tauke-tauke yang mengendalikan urusan- bukan tauke sebenarnya. Kepala-kepala yang mengendalikan urusan ini sekarang ini memang kalau kita pergi sangat jauh beza dan sangat berada dalam keadaan yang serius. Mohon ambil perhatian, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Setiap pandangan kita akan ambil setiap tindakan yang dilihat boleh membawa kebaikan terutamanya kepada usahawan-usahawan di bawah Jabatan Kraf, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara menyambut baik cadangan pihak Yang Berhormat Senator untuk mencalonkan Kampung Melayu di seluruh negara begitu juga di Sabah dan Sarawak sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Namun, untuk mendapatkan pengiktirafan UNESCO, ia perlu memenuhi kriteria ketat yang telah ditetapkan oleh pihak UNESCO termasuk pengenalpastian *Outstanding Universal Value* (OUV), keaslian- *authenticity*, integriti, pengurusan tapak serta disokong dengan kajian yang saintifik dan diyakini berpotensi untuk diangkat dan diiktiraf oleh pihak UNESCO.

Selain itu juga, persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) perlu diperoleh sebelum usaha pencalonan dimulakan. Ini kerana perancangan dan pembangunan bagi satu-satu kawasan adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dengan penglibatan beberapa buah agensi lain di peringkat Persekutuan dan negeri seperti PLANMalaysia, Pejabat Tanah dan Galian serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana pihak PBN dan PBT perlu bersedia untuk mematuhi garis panduan ketat yang telah ditetapkan oleh pihak UNESCO. Seramai tujuh Ahli Yang Berhormat Senator telah membawa Usul Promosi dan Pemasaran Destinasi Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC dan *Tourism Malaysia* telah mengambil inisiatif dalam melaksanakan usaha-usaha mempromosikan tarikan pelancongan di Kelantan bagi menarik kedatangan pelancong sempena Tahun Melawat Kelantan 2024.

Beberapa program diadakan pada tahun 2024 iaitu program Malaysia dan *Singapore travel agencies B2B session*, bengkel pembangunan pakej *niche package development workshop*, *Unlocking the Charms of Kelantan 2024*, acara sambutan pelancong sempena Tahun Melawat Kelantan 2024 di Dabong dan *East-Coast Travel Bazaar* (CTB) 2024.

MOTAC dan *Tourism Malaysia* turut menyokong acara-acara terpilih di dalam kalendar acara pelancongan negeri Kelantan 2024. Antaranya seperti Festival Silang Budaya Kelantan-Jepun, Mei 2024, Pesta Wau Antarabangsa, Jun 2024, Festival Kesenian Rakyat Kelantan, Ogos 2024.

MOTAC juga telah membuat hebahan promosi pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai salah satu- destinasi pelancongan yang harus dilawati dan juga mempromosikan program-program pelancongan yang diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan di pelbagai platform media elektronik, media sosial dan juga secara bersemuka melalui Pusat Penerangan Pelancongan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Pusat Penerangan Pelancongan Labuan.

Beberapa program mempromosikan Labuan yang telah diadakan pada tahun 2023 akan juga diteruskan pada tahun ini seperti *Sabah and Labuan staycation package*, *IsninKhamisJak*, *Fly Borneo Specials Vol. 1: The Adventure Begins Here!*, *Fly Borneo Specials Vol. 2: More Adventure Awaits You*, *MATTA Fair Sabah bah!*, *Cuti-Cuti Malaysia Online Bundle Travel Fair* dan *Labuan Surf Fishing Competition*.

Berkenaan promosi acara tahunan di negeri, MOTAC dan *Tourism Malaysia* akan mengadakan perbincangan lanjut bersama kerajaan-kerajaan negeri berhubung cadangan dan kesesuaian supaya acara-acara pelancongan yang unik di peringkat negeri seperti Pesta Candat Sotong dan Pertandingan Pelita Raya 27 Likur di Terengganu dimasukkan di dalam Kalendar Pelancongan Pusat bagi menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini promosi pelancongan bagi negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu adalah di bawah seliaan Pejabat *Tourism Malaysia* Wilayah Timur. Manakala, peruntukan promosi di peringkat antarabangsa adalah di bawah seliaan ibu pejabat *Tourism Malaysia* yang mana merangkumi aktiviti-aktiviti promosi seperti jerayawara, penyertaan pameran antarabangsa serta lawatan suai kenal agensi pelancongan dan media.

Seramai empat Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz, Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff dan Datuk Haji Aziz bin Ariffin membangkitkan perkara berkenaan pembangunan destinasi pelancongan dan segmen minat khas.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC menerusi Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2.0 2016 hingga 2030 telah mengenal pasti tiga kluster ekopelancongan di Kelantan yang berpotensi dibangunkan iaitu Pergau, Jeli, Gunung Setong, Nenggiri, Merapoh, Gua Musang, Setong, Kuala Koh dan Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok.

Oleh yang demikian, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas RP1 hingga RP4, Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak 28 projek pembangunan dan penyelenggaraan kepada negeri Kelantan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9,312,980 termasuk satu projek yang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) RMKe-12 di bawah Pembangunan *Ecotourism* iaitu menaik taraf kemudahan pelancongan di Kompleks Gua Ikan Dabong, Kelantan dengan kos sebanyak RM4,600,000.

Tuan Yang di-Pertua, *Tourism Malaysia* dengan kerjasama *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) iaitu agensi yang bertanggungjawab ke atas promosi pelancongan kesihatan telah memperhebatkan usaha promosi industri pelancongan kesihatan negara dengan menganjurkan pelbagai acara. Aktiviti-aktiviti promosi pelancongan kesihatan telah diadakan di pasaran Asia Tenggara seperti di Indonesia, Brunei, Singapura, Filipina, Bangladesh dan juga China.

Tourism Malaysia dengan kerjasama MHTC dan wakil-wakil hospital yang berdaftar di bawah MHTC telah menyertai program seperti pameran kesihatan di Jakarta, Surabaya, Bandung, Medan, Makassar dan Brunei. *Roadshow* di Bandaraya Beijing, Shanghai, Guangzhou dan Fuzhou di negara China serta mengadakan seminar pelancongan kesihatan di Singapura. Lawatan suai kenal juga dianjurkan bagi melawat hospital terpilih di destinasi seperti Kuala Lumpur, Melaka, Johor, Pulau Pinang dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini MOTAC melalui *Tourism Malaysia* telah sedia mempromosikan aktiviti sukan lasak dengan kerjasama penggiat industri pelancongan tempatan seperti agensi pelancongan, pengusaha produk serta pihak kerajaan tempatan. Malaysia sememangnya menawarkan pelbagai lokasi dan fasiliti bagi peminat-peminat sukan lasak seperti *white water rafting*, *rock climbing*, *mountain biking*, *motocross*, ATV, *waterfall abseiling* dan sebagainya.

MOTAC juga sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan KBS bagi menggalakkan penglibatan anak muda dalam aktiviti sebegini. Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff telah membangkitkan berkenaan dengan promosi pelancongan mesra Muslim.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC melalui *Tourism Malaysia* dan *Islamic Tourism Centre* sedang giat melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif dalam mempromosikan pelancongan Islam dan mesra Muslim dalam menarik para pelancong ke Malaysia termasuk dari negara-negara Timur Tengah.

Antaranya adalah penglibatan di pameran-pameran perdagangan antarabangsa seperti *Arabian Travel Market (ATM)*, *Riyadh Travel Fair* dan *Jeddah Economic Forum*. ITC dan *Tourism Malaysia* turut giat menyertai acara pameran halal antarabangsa yang menyasarkan pengunjung beragama Islam dari pelbagai rantau termasuk dari Timur Tengah. Antaranya *Muslim Travel Show* yang baru diadakan di London, *United Kingdom* pada 24 dan 25 Februari 2024 yang lepas. Membangunkan produk-produk pelancongan mesra Muslim seperti pakej *My Ramadan Experience*, Pelancongan Masjid dan Pondok Stay serta penganjuran acara *non-festival* tahunan Islam seperti *Iftar at KL*, Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, Maulidur Rasul dan Tilawah Al-Quran Antarabangsa.

■1450

Membangunkan dan melancarkan pakej pelancongan Mesra Muslim yang kreatif dan menarik seperti pelancongan eko, mewah, sukan, perubatan dan sebagainya dan mengadakan kolaborasi dan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan dan bukan kerajaan dari negara-negara Timur Tengah seperti *Organisation of Islamic Cooperation (OIC)*, *Standing Committee for Economic and Commercial Cooperation of the Organization of the Islamic Cooperation (COMCEC)* dan *Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC)* melalui pelbagai program hospitaliti mesra Muslim.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, ITC juga telah bekerjasama dengan *Malaysian Inbound Chinese Association (MICA)* untuk mengadakan program- *Trip* dengan imam China. Seramai 35 orang imam dari negara China dari pelbagai wilayah telah dibawa mengunjungi produk dan destinasi pelancongan serta merasai pengalaman perkhidmatan pelancongan dan hospitaliti mesra Muslim (MFTH).

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ada membawakan perkara berkenaan pembangunan infrastruktur dan fasiliti kawasan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, MOTAC telah menyediakan peruntukan bagi menaik taraf infrastruktur pelancongan yang merangkumi kerja-kerja pemuliharaan, pemuliharaan ubahsuai dan naik taraf di seluruh negara. Sehingga tahun 2024 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), sebanyak RM167.4 juta telah diperuntukkan bagi membiayai 603 buah projek penyelenggaraan infrastruktur kemudahan awam di kawasan pelancongan.

Menjawab kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin mengenai bantuan untuk meningkatkan produk dan infrastruktur pelancongan di negeri Perlis.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 2021 hingga 2024, Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak 19 projek pembangunan serta penyelenggaraan kepada negeri Perlis dengan peruntukan sebanyak RM4.2 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.25 juta telah diperuntukkan bagi projek pembangunan ekopelancongan di Taman Eko-Rimba Bukit Ayer, Perlis.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris turut membangkitkan mengenai permohonan peruntukan bagi melaksanakan projek pembangunan di Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, MOTAC telah menerima sebanyak sembilan cadangan permohonan projek pembangunan daripada Kerajaan Negeri Terengganu termasuk permohonan bagi cadangan menaik taraf gerai Lemang Kijal untuk dipertimbangkan di bawah *Rolling Plan* Kelima (RP5) RMKe-12 dan kementerian masih memperhalusi cadangan permohonan tersebut.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin dan juga Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol telah mengetengahkan isu berkenaan pembangunan industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, MOTAC sentiasa cakna untuk menghidupkan produk-produk pelancongan bukan sahaja melalui rumah inap- *homestay*, malah produk-produk pelancongan yang lain. Bagi produk *homestay*, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021 hingga 2024, kerajaan telah memperuntukkan RM5.76 juta bagi membiayai 48 buah projek ubahsuai dan naik taraf *homestay-homestay* yang berdaftar di seluruh negara.

Selain itu, MOTAC turut memfokuskan pembangunan modal insan kepada pengusaha-pengusaha yang berdaftar dengan Program Pengalaman Homestay Malaysia (PPHM) menerusi kursus-kursus secara percuma seperti Kursus Asas Homestay, Kursus Mesra Malaysia, Kursus Keselamatan Pelancong, Kursus Asas Pengendalian Makanan, Kursus Pembuatan Kraf Tangan, Kursus Keusahawanan, Kursus *Halal Awareness* dan Kursus Pemasaran Digital. Program Pengalaman Homestay Malaysia (PPHM) mampu menarik kedatangan pelancong untuk merasai pengalaman tinggal bersama pengusaha dan menjalani gaya hidup masyarakat luar bandar serta mengikuti aktiviti seharian. Ia secara tidak langsung menjana pendapatan pengusaha PPHM dan usahawan mikro setempat.

Selain itu, kementerian melalui Kraftangan Malaysia turut...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon mencelah sedikit.

Timbalan Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Menteri hendak bagi laluan?

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Bolehlah.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Berkaitan dengan *homestay* ini, inap desa ini, kita tahu bahawa ramai dari Jepun dan Korea yang berminat untuk- dari luar negara yang datang ke *homestay*. Adakah pada waktu ini statistik masih menunjukkan dua buah negara ini merupakan negara paling ramai- menarik untuk tinggal di *homestay* ini, di inap desa ini?

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator memang tepat. *Homestay* ataupun inap desa ini sebenarnya memang dapat tarikan yang baik daripada pelancong-pelancong daripada negara Korea dan Jepun. Ketika ini, kita dapat lihat trend itu masih sama, tetapi kita juga mendapat pasaran baharu terutamanya daripada pasaran Eropah. Kenapa mereka memilih untuk menginap di *homestay* kerana mereka mahu merasai sendiri kehidupan masyarakat kita ataupun bagaimana budaya kita dipraktikkan. Itu adalah salah satu *unique selling proposition*, dengan izin, di bawah industri *homestay* ini kepada pengunjung-pengunjung di luar sana.

Saya boleh memberikan sedikit data kepada Yang Berhormat Senator berkenaan dengan pelancong-pelancong daripada mana yang kebiasaannya memilih untuk tinggal di *homestay*: pertama, adalah Singapura, ini adalah data tahun lalu sebanyak 16,000; kedua, Korea; ketiga, China- Negara China dan kami sedar potensi *homestay* ini sebenarnya lebih luas dan ia harus bukan sahaja dikembangkan, tetapi diperkasakan supaya ia dijadikan satu identiti *product offering* daripada negara kita kepada masyarakat di luar sana. Terima kasih atas soalan yang cukup bijaksana.

Timbalan Yang di-Pertua: Fuh, bijaksana... [Ketawa]

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Program Pengalaman Homestay Malaysia- sini sudah. Selain itu, kementerian melalui Kraftangan Malaysia turut memberi peluang kepada usahawan kraf di luar bandar untuk memasarkan dan mempromosi produk secara fizikal dan digital melalui program anjuran Kraftangan Malaysia seperti Hari Kraf Kebangsaan, Festival Kraf Tekstil Pantai Timur, Festival Kraf Borneo dan Festival Kraf Johor.

Usahawan kraf juga turut diberi bimbingan daripada aspek pemasaran dalam talian bagi membolehkan mereka mempromosi dan memasarkan produk melalui platform digital yang dibangunkan oleh Kraftangan Malaysia iaitu *MYCraftShoppe*, E-Kraf Bazar serta *CraftOnTheGo*. Inisiatif yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan kebolehcapaian produk kraf tangan sekali gus meningkatkan sumber ekonomi masyarakat luar bandar.

Berkenaan usul untuk melatih penjawat awam barisan hadapan yang bertugas di KLIA, MOTAC sentiasa menyambut baik cadangan kerjasama antara kementerian bagi menganjurkan lebih banyak kursus perkhidmatan pelanggan kepada semua barisan hadapan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sektor pelancongan negara. Antara kursus yang dilaksanakan adalah Kursus Mesra Malaysia yang bermatlamat untuk melatih kakitangan barisan hadapan dalam sektor pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan masa mencemburui penggulungan saya, saya akan memberikan pihak kementerian akan memberi jawapan bertulis...

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak tanya singkat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa elok bagi laluan pada Exco Kerajaan Negeri Terengganu itu.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak tanya singkat sahaja Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Akhir, akhir.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Akhir.

Timbalan Yang di-Pertua: Akhir.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Saya boleh tak bagi Datuk Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh tak bagi.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Bolehkan, tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: ...Tak apa, ini saya punya sahabat, saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, bulan puasa... [Ketawa]

■1500

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada cadang supaya dinaikkan sedikit cukai kepada *supplier* batik dan songket dari luar negara. Jadi, Yang Berhormat Menteri tidak sebut. Jadi, ramai yang bercakap. Batik kita memang akan pupus Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau sekiranya kita tidak kawal. Saya cadang supaya naikkan sedikit cukai. Apakah Yang Berhormat bersetuju ataupun apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau kita naikkan cukai untuk usahawan-usahawan batik kita, bagus kerana kita boleh melindungi industri mereka dan perkara ini harus dibincangkan bersama dengan pihak Kementerian Kewangan, tetapi di satu aspek pula kalau kita naikkan cukai, kita takut masyarakat kita marah pula, nanti beli songket sudah jadi mahal, tetapi itulah persoalannya, kita nak melindungi industri songket kita ataupun kita hendak menggembirakan rakyat? Akan tetapi yang paling penting, niat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator tadi memang cukup murni. Itu sahaja saya boleh sampaikan...

Timbalan Yang di-Pertua: Okey. Ini rakan saya dari Johor ini dia hendak bertanya satu lagi...

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Akan tetapi bukan rakan saya. Itu rakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Ha, rakan saya.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Akan tetapi, saya bagi juga.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Saya rakan- saya rakan ayah kepada Yang Berhormat.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Kena wajib bagi kalau macam itu.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Okey, saya hendak tanya pasal MM2H ini pasal dalam ucapan saya ada MM2H, tetapi tidak ada jawapan. Saya hendak tahu tentang betulkah kerajaan bercadang untuk buat *single platform* kepada sebuah syarikat sedangkan sekarang ini kebanyakan lesen-lesen yang sudah mempunyai MM2H *license* ini kelulusannya KIV, sedangkan mereka telah menjalankan perniagaan tersebut. Sehingga sekarang, lesen belum dapat diluluskan. Ini dapat *information* daripada bawahlah.

So, kalau misal kata *single platform*, dia akan jadi pertamanya, ia akan makna sebuah syarikat itu ia akan menguasai semua kelulusan. Begitu juga dengan kelulusan. Kelulusan lesen MM2H daripada MOTAC. Kelulusan untuk meluluskan permohonan melalui KDN. So, mungkin ini dapat sedikit pencerahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya saya memang mahu jawab, tapi masa mencemburui, tetapi saya akan jawab secara ringkas. Memang betul, permohonan baru ditangguhkan sementara waktu disebabkan ada pelbagai kriteria yang belum dapat orang cakap, diselaraskan antara pihak MOTAC dan juga pihak KDN.

Melalui *single platform* itu, itu kita belum ada sebarang keputusan kerana kita perlu selesaikan perbincangan antara pihak MOTAC dan pihak KDN terlebih dahulu berkenaan dengan kriteria-kriteria yang bakal diperkenalkan.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Dia ada dua. Satu lesen, lesen menjalankan perniagaan untuk MM2H. Satu lagi permohonan dengan KDN, mana-mana yang hendak menyertai program MM2H. Perkara yang saya sebutkan tadi adalah lesen. Mereka telah berbelanja, mereka telah *spent a lot of money*, dengan izin, ada kakitangan dan mereka tidak dapat menjalankan perniagaan. Jadi, ini yang menyebabkan mereka tersekat dalam menguruskan perniagaan mereka. Itu maksud saya. Lagi satu, kelulusan KDN. Itu mungkin ada *understanding*. Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Berkenaan dengan syarat-syarat baru lesen pengendali MM2H ini, MOTAC sebenarnya sedang merangka dan menunggu mandat Jemaah Menteri berkaitan dengan pengurusan MM2H termasuklah isu pelesenan. Kita tidak mahu ada sejarah yang tidak baik pernah berlaku berkenaan dengan agen-agen yang mengendalikan MM2H. Itu sebabnya kita terpaksa memperketat kriteria-kriteria tersebut. Itu sahaja yang saya boleh sampaikan serba sedikitlah. Harap dapat memuaskan hati Yang Berhormat Senator.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat hendak berhenti sekarang?

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Saya hendak berhenti, yang lain saya jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Pihak kementerian akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak-banyak... [Ketawa]

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Sekarang ini saya jemput Kementerian Komunikasi.

3.05 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih dan merafak sembah setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu.

Seterusnya bagi pihak Kementerian Komunikasi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan telah mengambil bahagian dalam memberi pandangan dan yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Komunikasi sepanjang sesi perbahasan Titah Diraja. Seramai enam orang Ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian berbahas menyentuh isu di bawah tanggungjawab Kementerian Komunikasi seperti isu utama berikut. Pertama, penyalahgunaan media sosial; kedua, liputan Internet atau pun telekomunikasi; dan juga ketiga, industri kreatif

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta supaya dipergiatkan usaha untuk membanteras aktiviti ajaran sesat yang dikenali sebagai "Ajaran Ahmadi" yang aktif di *TikTok*. Sebagai usaha membanteras isu ajaran sesat seperti ajaran "*The Ahmadi*" daripada terus berleluasa di platform dalam talian, Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) telah menjalankan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak antaranya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam negeri-negeri serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaku agensi yang mempunyai bidang kuasa berkaitan selaras dengan peruntukan pengawal seliaan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu Akta 588.

Antara peranan MCMC sebagai pengawal selia penyedia perkhidmatan telekomunikasi adalah melaksanakan sekatan akses ke laman sesawang serta menyalurkan bantuan teknikal kepada pihak berkuasa agar tindakan siasatan forensik dan penguatkuasaan dapat diambil dengan kadar segera.

Berkenaan ajaran sesat "*The Ahmadi*", dimaklumkan bahawa dari 1 Januari 2024 sehingga 15 Mac tahun ini, MCMC telah meneliti 14 buah kandungan berikutan aduan dan penghormatan rasmi pihak berkuasa agama. Daripada jumlah tersebut, tindakan sekatan terhadap satu- laman sesawang diikuti penurunan terhadap lima- akaun di platform *TikTok* dan satu- akaun di platform *Facebook* berjaya dilakukan hasil kerjasama dengan penyedia perkhidmatan Internet dan platform media sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta supaya MCMC mengambil tindakan ke atas pihak yang memainkan isu perkauman. MCMC memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan persekitaran dalam talian yang aman, sejahtera dan selamat.

Sebagai agensi teknikal, MCMC bekerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti PDRM yang menjadi teraju dalam perkara yang melibatkan 3R iaitu kaum, agama dan institusi Diraja.

Penglibatan MCMC adalah berteraskan Akta 588 di mana bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat dan analisis forensik digital disalurkan kepada pihak PDRM bagi mempercepat proses siasatan agar tindakan sewajarnya dapat diambil selaras dengan akta perundangan sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 dan juga Kanun Keseksaan. Penguatkuasaan di bawah penggunaan sedia ada akan terus dilaksanakan untuk membendung kandungan yang boleh memecah belah perpaduan masyarakat.

■1510

Peranan MCMC turut diperluaskan melalui penubuhan pasukan petugas siasatan PDRM, MCMC *investigation taskforce of 3R cases*, dengan izin, bagi membendung mana-mana kandungan dalam talian yang menyentuh isu 3R tindakan pemantauan, penurunan dan siasatan dan penguatkuasaan oleh MCMC akan diambil terhadap mana-mana kandungan yang melanggar peruntukan seksyen 233 Akta 588 tanpa mengambil kira latar belakang, ideologi serta fahaman politik mana-mana pihak.

MCMC juga menjalankan sesi libat urus dengan penyedia platform media sosial bagi memperkukuh kerjasama dan seterusnya menambah baik tindakan yang diambil bagi mengatasi isu dengan lebih berkesan. Dari tahun 2022 sehingga 15 Mac tahun ini, MCMC dengan kerjasama penyedia platform media sosial telah mengambil tindakan penurunan terhadap 5,690 kandungan bagi elemen jelik berdasarkan seksyen 233 di mana daripada jumlah tersebut 2,574 kandungan adalah bersifat 3R.

Ingin saya maklumkan di sini bahawa penurunan yang dilakukan ini adalah juga tertakluk kepada pertimbangan oleh penyedia platform itu sendiri berdasarkan penilaian mengikut standard komuniti yang telah ditetapkan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead menyentuh isu judi dalam talian dan usaha bagi meningkatkan kesedaran akan bahayanya terutamanya kepada pelajar. Dalam hal ini Kementerian Komunikasi melalui MCMC sentiasa bekerjasama dengan pihak PDRM bagi membanteras kegiatan perjudian dalam talian.

Bantuan teknikal diberikan oleh MCMC melalui tindakan sekatan berdasarkan permohonan rasmi daripada PDRM serta berlandaskan maklumat dan aduan yang diterima daripada orang awam. Sekatan akses kepada laman lawat sesawang dilakukan oleh MCMC melalui punca kuasa di bawah seksyen 233 Akta 588 dalam mencegah perlakuan atau cubaan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah peruntukan undang-undang negara.

Dari tahun 2022 sehingga 15 Mac 2024 iaitu tahun ini, sebanyak 3,766 buah laman sesawang judi dalam talian telah disekat berdasarkan permohonan rasmi pihak PDRM di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Kementerian Komunikasi juga komited melaksanakan perkongsian maklumat dalam memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat terutama pelajar agar sentiasa bertanggungjawab apabila menggunakan media sosial termasuk mengenai bahaya perjudian dalam talian ini.

Antara usaha yang telah dilaksanakan iaitu melalui langkah advokasi dan kesedaran seperti Program Klik Dengan Bijak di sekolah-sekolah menengah dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) sebelum ini dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di seluruh negara. Dari tahun 2020 hingga 15 Mac tahun ini, sebanyak 863 Program Klik Dengan Bijak telah dilaksanakan dengan capaian audiens seramai 4.9 juta. Guru-guru sekolah turut dilatih melalui inisiatif Sukarelawan ICT Malaysia untuk mendidik dan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai keselamatan ketika menggunakan internet dengan aplikasi media sosial.

Sejak dilancarkan pada tahun 2016 sehingga 31 Disember 2023 Program *Malaysia ICT Volunteer* (MIV) bersama sekolah telah melatih seramai 2,814 orang guru sukarelawan MIV di kalangan guru sekolah rendah dan menengah melibatkan 2,282 buah sekolah di seluruh negara. Hantaran dan perkongsian mengenai judi dalam talian turut dilaksanakan di pelbagai platform media sosial RTM, Jabatan Penerangan dan juga BERNAMA.

Datuk Yang di-Pertua, sekali lagi ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Komunikasi telah dan akan terus melaksanakan pelbagai usaha dalam menangani kes penyalahgunaan media sosial dan dalam talian seperti menyebarkan kandungan berbentuk kebencian, memainkan isu perkauman dan agama, penipuan dan perjudian ini.

Ini termasuk cadangan pindaan Akta 588 meliputi seksyen 233 yang telah pun dipersetujui secara dasar oleh Jemaah Menteri pada 8 Mac 2024 serta cadangan pengubalan undang-undang baharu berkaitan kemudaratan jenayah dalam talian yang kini sedang diteliti melalui penubuhan jawatankuasa yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Komunikasi Menteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dan juga Menteri Digital.

Datuk Yang di-Pertua, yang seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding menyentuh isu liputan internet yang menjejaskan pendaftaran PADU. Kementerian Komunikasi menyokong penuh inisiatif PADU dalam mencapai objektifnya. Untuk itu, NADI yang dikelola oleh MCMC telah membantu pembuat hebahan berkenaan program PADU kepada komuniti setempat.

Tuan Abun Sui Anyit: Datuk Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh bagi laluan?

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Jadi saya tertarik dengan perbahasan Ahli Dewan Negara yang mengatakan kementerian ini terutamanya menyediakan internet pendaftaran PADU.

Jadi bolehkah kementerian supaya ke depannya mungkin tak lama lagi sudah 31 hari bulan sudah habis. *Starlink* digunakan untuk membantu di kawasan pedalaman untuk mendaftar. Sebab saya sangat yakin ataupun percaya rata-rata di pedalaman mereka di dalam bawah golongan B40 ataupun miskin tegar. Jadi kerana mereka tidak mampu keluar dari kawasan pedalaman, rumah panjang maka tak dapat didaftar mereka. Jadi yang paling baik kita kena ada satu *taskforce* pergi ke tempat mereka ada *Starlink* daftar mereka dan tidak ada yang tercicir. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas pertanyaan tadi. Saya nak teruskan jawapan saya dan bagilah sedikit ulasan tentang cadangan Yang Berhormat. Kementerian Komunikasi menyokong penuh inisiatif PADU dalam mencapai objektifnya. Untuk itu, NADI yang dikelola oleh MCMC telah membantu membuat hebahan berkenaan program PADU kepada komuniti setempat dan menawarkan platform bagi komuniti berkenaan membuat pendaftaran serta pengemaskinian maklumat di portal PADU.

Sebanyak 839 NADI di seluruh negara telah dimanfaatkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kementerian Ekonomi bagi menempatkan kaunter fizikal PADU bagi tujuan pendaftaran. Manakala bagi 72 NADI yang tidak mempunyai kaunter fizikal PADU petugas NADI sentiasa membuat hebahan dan promosi kepada penduduk setempat untuk menggunakan kemudahan capaian internet, komputer dan peranti sedia ada di NADI bagi tujuan pendaftaran dan pengemaskinian maklumat mereka di NADI.

Tentang cadangan Yang Berhormat tadi bahawa tentang penggunaan *Starlink* supaya pegawai-pegawai daripada DOSM boleh bantulah penduduk-penduduk dari kawasan pedalaman buat pendaftaran dalam sistem PADU, MCMC akan sentiasa bersedia untuk membantu pegawai-pegawai DOSM sekiranya memang mereka berhasrat untuk mengguna pakai servis *Starlink*, tetapi *Starlink* itu saya rasa- rancangan itu perlulah dibuat antara DOSM dengan *Starlink* untuk bawa *equipment* yang sesuai ke tempat-tempat yang pegawai DOSM itu rasa sesuai untuk mereka masuk, tetapi kalau sekiranya mereka perlu bantuan MCMC untuk menghubungi syarikat *Starlink*, MCMC sentiasa bersedia untuk membantu.

Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Datuk Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah menyentuh isu pembayaran digital terjejas berikutan ketiadaan liputan 5G.

Pembiayaan secara digital bergantung kepada sambungan internet tanpa mengambil kira sebarang teknologi seperti 5G, 4G, WiFi ataupun secara talian tetap. Dengan kata lain di mana ada sambungan internet di situ dapat digunakan pembayaran secara digital.

■1520

Sungguhpun pembayaran secara digital kini digunakan dengan meluas di seluruh negara, pemakaian pembayaran secara digital oleh peniaga adalah tertakluk kepada pilihan peniaga itu sendiri. Dalam usaha untuk mempertingkatkan penggunaan pembayaran secara digital yang lebih berleluasa dan berkesan, MCMC telah merangka *Programme Cashless Society*, dengan izin, yang menekankan tiga aspek iaitu mudah, pantas dan selamat berdasarkan kepada empat tonggak utama iaitu:

- (i) kesedaran digital;
- (ii) keselamatan siber;
- (iii) peluang pendapatan; dan
- (iv) pembinaan kapasiti.

Beberapa siri jelajah di peringkat negeri juga telah dijalankan bermula di Melaka pada tahun 2023 dan diperluaskan ke Johor pada tahun ini bagi menggalakkan para peniaga menggunakan fasiliti pembayaran secara digital. Siri jelajah ini akan diteruskan lagi ke Negeri Sembilan dan Pahang dalam suku kedua dan ketiga pada tahun ini.

Selain itu, dasar kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan juga adalah amat penting untuklah menggalakkan para peniaga untuk menggunakan fasiliti transaksi tanpa tunai. Sebagai contoh, kerajaan negeri bolehlah menggalakkan kaedah penyediaan platform pembayaran tanpa tunai sebagai salah satu syarat kepada permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan kepada peniaga.

Sebagai tambahan ingin saya maklumkan di sini bahawa kadar liputan Internet di kawasan berpenduduk di seluruh negara setakat 31 Januari tahun ini adalah 97.07 peratus dan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Di kesempatan ini juga saya ingin menyeru para pengguna yang mengalami masalah perkhidmatan Internet untuk mengemukakan aduan secara terus kepada pemberi perkhidmatan dan juga aduan MCMC di laman sesawang <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Tuan Yang di-Pertua, YB Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa menyentuh mengenai proses kelulusan persembahan artis luar negara oleh PUSPAL dan dakwaan bahawa artis luar negara tidak dibenarkan menetap di Malaysia dua hari sebelum persembahan dan perlu pulang dua hari selepas persembahan. Jawatankuasa PUSPAL merupakan sebuah jawatankuasa yang mempertimbangkan permohonan kemasukan artis dan kru luar negara. Keanggotaan jawatankuasa PUSPAL terdiri daripada 16 kementerian, jabatan ataupun agensi kerajaan termasuklah Jabatan Imigresen Malaysia dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Secara amnya, penganjur persembahan akan memohon tempoh bekerja sementara yang diperlukan bagi artis ataupun kru luar negara mengikut kategori seperti yang dinyatakan dalam garis panduan PUSPAL di mana tempoh maksimum bekerja sementara bagi satu permohonan adalah sehingga 90 hari. Sehubungan dengan itu, dakwaan bahawa artis luar negara tidak dibenarkan menetap di Malaysia dua hari sebelum persembahan dan perlu pulang dua hari selepas persembahan adalah tidak benar sama sekali kerana memang kami ada kes-kes di mana kami mengizinkan artis itu walaupun persembahan hanya satu malam, tetapi tempoh masa yang- kelulusan yang dia dapat daripada JIM adalah sepanjang satu minggu, Tuan Yang di-Pertua.

Pas Lawatan Ikhtisas yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada artis luar berdasarkan kelulusan oleh jawatankuasa PUSPAL dan tempoh masa keberadaan artis luar negara adalah berdasarkan permohonan oleh pihak penganjur sendiri.

Untuk makluman juga, kebanyakan artis luar negara adalah tertakluk kepada jadual persembahan masing-masing. Oleh itu, kebiasaannya artis luar negara akan terus meninggalkan negara ini untuk ke destinasi persembahan seterusnya. Ini adalah atas keputusan dan pilihan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi. Saya mengambil perhatian setiap pandangan dan cadangan yang diberikan dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Sekian gulungan saya pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Menteri.

Sekarang ini saya jemput YB Menteri Perpaduan Negara untuk menjawab.

3.25 ptg.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Aaron Ago anak Dagang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada 23 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara di bawah skop dan peranan Kementerian Perpaduan Negara yang merangkumi Dasar Perpaduan, Pelan Tindakan Perpaduan, Indeks Perpaduan Nasional, program perpaduan, Akta Keharmonian, undang-undang anti diskriminasi bahasa kebangsaan, perpustakaan, OKU dan MITRA.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 10 orang Yang Berhormat Senator telah menyentuh mengenai Dasar Perpaduan Negara iaitu Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman, Yang Berhormat Tuan Seruandi bin Saad. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan, Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim dan Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali.

Tuan Yang di-Pertua, rentetan daripada peristiwa perkauman pada 13 Mei 1999, kerajaan sedar bahawa perpaduan rakyat merupakan teras kepada cita-cita ke arah pembentukan bangsa dan negara. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diketuai oleh Tun Abdul Razak telah berusaha menangani permasalahan perkauman demi mengukuhkan ketahanan negara dan mengekalkan perpaduan bangsa.

Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan bagi menerajui usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional walaupun telah beberapa kali melalui perubahan nama dan status, peranan utama institusi berkenaan tetap sama iaitu sebagai peneraju untuk menyemai, meningkat serta memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Komitmen kerajaan dalam melihat perpaduan sebagai asas kestabilan masyarakat dan kunci kepada pembangunan dan kesejahteraan negara menyaksikan Kementerian Perpaduan Negara telah diwujudkan semula pada 10 Mac 2020 setelah ia dimansuhkan pada 1974 bagi memastikan agenda perpaduan dapat dikendalikan secara bersepadu dan lebih tersusun.

Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan Dasar Perpaduan Negara pada tahun 2021 yang berasaskan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan bagi mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia sebagai dasar, payung dan hala tuju agenda perpaduan nasional dengan tiga- teras utama iaitu patriotisme dan demokrasi, identiti nasional dan ekosistem perpaduan.

Kementerian telah menyusun perancangan inisiatif yang lebih bersepadu bagi meningkat Indeks Perpaduan melalui Dasar Perpaduan Negara iaitu dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep perpaduan dalam kepelbagaian untuk melestarikan keharmonian masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Dasar Perpaduan Negara menggariskan tiga objektif utama iaitu memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat-menghormati dan bertanggungjawab serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

Majlis Penasihat Negara (MPPN) baru-baru ini telah bersetuju agar dasar perpaduan negara sedia ada ini boleh dikaji semula dan diteliti semula supaya seiring dengan keadaan semasa. Bagi menterjemahkan dasar sedia ada ke dalam bentuk pelaksanaan, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 telah dihasilkan, yang turut melibatkan peranan kementerian dan agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Wanita, Kementerian Pelancongan, Kementerian MOSTI, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Belia dan Sukan.

■1530

Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad bertanya status Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Untuk makluman pada tahun ini, pelan tindakan ini akan dikaji semula bagi memastikan teras-teras yang terkandung dalam pelan tersebut terus berjaya dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual, Yang Berhormat Tuan Michael Mujah Lihan dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda bertanyakan program-program perpaduan.

Untuk makluman semua Yang Berhormat, kementerian juga telah menghasilkan Kerangka Perpaduan Malaysia Madani berkonsepkan keperluan dalam kepelbagaian yang selari dengan Dasar Perpaduan Negara bagi mencapai agenda membangun Malaysia Madani.

Kerangka ini diperkenalkan dengan *flagship* Kembara Perpaduan yang memayungi tiga kluster program melalui pendekatan *the Whole-of-Government Approach* iaitu pertama adalah semarak kenegaraan. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan Prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan.

Kedua adalah semarak perpaduan, program-program di sini adalah untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya dan ketiga adalah Komuniti Rahmah. Program-program di sini adalah yang dirangka untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan.

Pada tahun lalu 2023, kementerian bersama agensi-agensinya di bawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak 661 program meliputi tiga kluster seperti yang disebut tadi. Tahun ini kementerian akan melipatgandakan usaha bagi meningkatkan semangat perpaduan, muhibah, kenegaraan dan kesukarelawan melalui inisiatif yang berikut.

Pertama adalah untuk memperkasakan rukun tetangga yang sekarang ini kita dijenamakan sebagai Rukun Tetangga Progresif. Ini kita telah pun- fungsi-fungsi di bawah ini telah pun diperbesarkan. Kalau dulu adalah sebagai *neighbourhood watch* dan sekarang ini kita telah pun berjaya untuk mengadakan *workshop* dan program di bawah KRT Progresif ini adalah ditubuhkan pada lapan bidang tumpuan utama iaitu dari segi ekonomi dan sara hidup, keselamatan dan ketahanan komuniti, kepimpinan, kesejahteraan komuniti, pembelajaran sepanjang hayat, alam sekitar, warisan dan budaya serta daya cipta.

Kedua adalah meremajakan Skim Rondaan Sukarela ataupun SRS. Dari sini adalah inisiatif untuk menarik golongan muda untuk menyertai Skim Rondaan Sukarelawan ini. Antara inisiatif baru adalah penggunaan aplikasi MySRS, penggantian peralatan baru SRS dan juga kita akan bagi geran untuk pentadbiran.

Ketiga adalah mengangkasakan mediator komuniti. Di sini adalah kita sekarang ini mempunyai lebih kurang lima atau 64 mediator komuniti yang ditauliahi di bawah kementerian. Mereka ini adalah seramai 163 orang Pegawai Perpaduan, 379 Ahli Jawatankuasa KLT dan 22 orang NGO.

Inisiatif mengangkasakan mediator komuniti adalah- yang baru adalah kita akan adakan pindaan kepada Akta Rukun Tetangga supaya peraturan-peraturan kertas mediasi komuniti ini dapat diadakan di bawah akta baharu, bukan untuk di bawah pindaan ini. Kita juga akan memperluaskan perkhidmatan mediasi melalui penubuhan pusat mediasi di beberapa buah negeri yang sekarang ini kita sudah ada pusat mediasi di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur, Johor dan Negeri Sembilan. Kita akan adakan lagi pusat mediasi di Perlis, Melaka dan Putrajaya.

Keempat adalah untuk penghayatan Rukun Negara. Ini adalah supaya kita dapat melipatgandakan usaha untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat supaya menjadi amalan hidup seharian. Antara inisiatif adalah Eksplorasi Rukun Negara, Program Raja Kita dan banyak lagi.

Kelima adalah membangunkan Malaysia sebagai hab kesukarelawan. Ini adalah usaha di bawah Yayasan Sukarelawan kita di bawah kementerian dan kita akan adakan banyak lagi program. Tahun lepas kita mengadakan program integrasi, tahun ini kita akan teruskan untuk tujuh misi lagi sukarelawan, program integrasi ke Sabah, Sarawak, Kelantan, Laos, Thailand dan Vietnam. Kita akan bangunkan Dasar Sukarelawan Nasional dan kita akan lantik duta perpaduan untuk tahun ini.

Keenam, kita akan meningkatkan keharmonian antara penganut agama. Ini bagi menjayakan agenda keharmonian antara penganut agama melalui Inisiatif Harmoni Madani yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Antara inisiatif ini adalah Bicara Harmoni, Jejak Harmoni, Dokumentasi Harmoni, Sambutan Hari Toleransi dan sebagainya dan satu yang kita adakan setiap tahun adalah *interfaith* ataupun dialog antara pelbagai agama.

Seterusnya kita akan menubuhkan minat terhadap warisan budaya. Ini adalah untuk supaya mengambil berat inisiatif baru yang untuk menarik minat golongan muda terhadap khazanah warisan negara. Kita ada muzium, kita ada perpustakaan dan juga arkib yang bersama-sama di Kementerian Perpaduan untuk juruskan, untuk melaksanakan program-program di bawah khazanah warisan negara.

Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual mengusulkan satu kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menghidupkan semula program perpaduan. Sehubungan dengan ini, kementerian telah mengambil pendekatan menyeluruh meningkatkan literasi pemahaman dan penghayatan rakyat terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara terutamanya dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang juga digerakkan melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Rukun Negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pelajaran Malaysia juga dengan Kementerian Komunikasi dalam meneliti pelaksanaan penghayatan Prinsip-prinsip Rukun Negara.

Kita juga mempunyai Modul Pendidikan Rukun Negara di semua Tabika Perpaduan di seluruh negara. Kita ada 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh negara dan Modul Pendidikan Rukun Negara ini akan diperluaskan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan TABIKA KEMAS dan juga tabika swasta. Kita ada program aktiviti penghayatan dan pengukuhan Rukun Negara oleh 189 Sekretariat Rukun Negara di peringkat universiti. Kita ada Kelab Rukun Negara 6,849 di peringkat sekolah.

Kita juga akan mengadakan Program Semarak Penghayatan Rukun Negara yang dinamakan Jelajah Belia Rukun Negara. Kita akan adakan Kem Anak Malaysia, kem perkhemahan yang amat popular untuk murid-murid supaya mereka dapat memahami dan menghayati Rukun Negara dalam kalangan mereka.

Juga kita akan adakan Kenali Budaya Kita. Ini adalah program integrasi sosial di peringkat sekolah daripada sekolah SJKC, juga SJKT untuk menonjolkan identiti keunikan dan kepelbagaian etnik di negara kita.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff bertanya kayu pengukur perpaduan. Indeks Perpaduan Nasional ataupun IPNas merupakan satu-satunya indeks pengukuran tahap perpaduan yang boleh diguna pakai oleh Kerajaan Malaysia bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia. Ukuran nilai indeks ini membolehkan kerajaan mengenal pasti dan merancang usaha-usaha dan program-program intervensi yang berkaitan.

IPNas 2018 dijalankan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan dikawal selia oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi di bawah kementerian kita di bawah JPNIN ataupun Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Manakala IPNas 2022 dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Perpaduan Negara di mana urus setia oleh usaha kajian oleh IKLIN ataupun Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional di bawah kementerian juga.

Skor ini Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2018 adalah 0.567 dan pada 2022 adalah 0.62. Ini bermakna situasi perpaduan negara pada tahap sederhana dan terkawal ya. Kesepaduan sosial dijadikan sebagai komponen asas kepada pengukuran untuk menggambarkan tahap perpaduan dalam pembangunan indeks ini. Melalui kajian IPNas 2022, empat indikator mempengaruhi tahap kesepaduan sosial iaitu tahap keetnikan, hubungan sosial rentas etnik, etos bangsa untuk jati diri dan tadbir urus dan pembangunan.

Melalui IPNas kita dapati bahawa sejak aspek tadbir urus dan pembangunan adalah paling penting dalam meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia kerana ia amat mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan.

■1540

Oleh itu, inisiatif oleh semua kementerian dan agensi kerajaan harus dilipatgandakan bagi menambah baik Indeks Perpaduan Nasional. Kajian IPNas seterusnya akan dilaksanakan pada tahun ini dengan *target* 0.7 dan kita berusaha-sekarang ini sedang mengadakan *Terms of Reference* untuk ia dilaksanakan pada tahun ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris dan Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad bertanyakan platform media sebagai medium perpaduan. Bagi menyebarkan usaha inisiatif program perpaduan, Kementerian Perpaduan Negara menitikberatkan penggunaan media baharu sebagai salah satu-platform dalam menyampaikan mesej-mesej perpaduan kepada masyarakat Malaysia dengan lebih meluas seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *TikTok*.

Antara langkah proaktif yang menjadi landasan kementerian adalah dalam memastikan platform seumpama ini digunakan untuk menyampaikan mesej-mesej perpaduan adalah untuk perkhidmatan komuniti iaitu mewujudkan dialog dan interaksi, untuk menjalankan kempen atas talian seperti yang kita sedang adakan sekarang adalah Kempen *Cakap Baik-Baik*, Zoom Melawat Muzium dan lain-lain. Melalui pelaksanaan langkah-langkah tersebut, kementerian akan dapat membina kewujudan yang mampan di platform media sosial dan sekali gus memberi impak positif pada masyarakat dalam menyampaikan mesej-mesej perpaduan.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Dr. Lingeshwaran...

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Boleh saya mencekah Yang Berhormat?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Okey.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih, Saya memang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana banyak langkah yang proaktif yang telah Yang Berhormat ambil, untuk memastikan perpaduan negara kita terus terjamin. Agama Islam merupakan agama rasmi Persekutuan dan saya sendiri memandang tinggi terhadap agama Islam sebagai agama rasmi. Kawan-kawan saya sini semua juga menghormati agama antara satu sama lain.

Baru-baru ini, Yang di-Pertuan Agong semasa titah beliau telah menyatakan bahawa jangan sesekali menyentuh isu 3R- *race, religion and royalty* dan Yang Berhormat menyatakan tentang sosial media. Baru-baru ini *TikTok* tentang seorang muafak yang terkenal Zamri Vinoth telah tular di semua sosial media terutamanya *TikTok* yang mengkritik tuhan Hindu kami, Sivalingam dan saya berharap isu ini tidak akan dipanjangkan lagi.

Saya berharap tindakan tegas diambil oleh kerajaan. Sebagai seorang Menteri, apa pandangan Yang Berhormat, jangka masa pendek, sederhana dan juga panjang supaya isu ini tidak dapat berulang lagi selepas ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah di kementerian ini mengharapkan semua program yang kita sedang adakan dan yang kita akan adakan di dua kementerian dan menjurus kepada perpaduan di antara penganut. Sebab sekarang, kita sudah ada Jawatankuasa HARMONI dikatakan JK HARMONI. Di bawah Jawatankuasa HARMONI banyak program-program kita telah senaraikan untuk kita laksanakan pada tahun ini seperti Jejak Harmoni.

Kita akan pergi ke semua rumah-rumah ibadat untuk bersama-sama dengan semua penganut dan kita ada *interfaith* dahulu, kita baru ada *interfaith dialogue* di Pulau Pinang baru-baru ini dan macam-macam kita telah bicara keharmonian dan sebagainya. Ada banyak program yang menjurus kepada itu dan daripada segi tindakan-tindakan yang menghasut dan sebagainya, kita memang mempunyai beberapa akta di bawah KDN ya.

Kita berharap seperti yang telah berlaku baru-baru ini pun, KDN telah pun membuat siasatan dan mengadakan pelbagai inisiatif apa pun tindakan menjurus- yang melalui akta-akta yang ada, okey? Ya.

Balik kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda, sejak penubuhan Rukun Tetangga pada tahun 1975, kelestarian sebagai pemacu agenda perpaduan dan keselamatan komuniti telah terbukti memberi impak yang signifikan kepada negara.

Bermula tahun 1983, kerajaan telah memperkenalkan konsep kejiranan untuk menjadikan Rukun Tetangga sebagai tapak ataupun platform integrasi kepada kehidupan bermasyarakat khususnya di kawasan bandar dan perumahan. Seterusnya, pada tahun 2000, konsep pembangunan komuniti telah diterapkan dalam Rukun Tetangga yang memberi fokus kepada pembelajaran sepanjang hayat dan mendaya upayakan komuniti untuk mendepani perubahan-perubahan sosial yang berlaku.

Justeru itu, pada tahun 2021, kementerian telah mengadakan Gerak Kerja Rukun Tetangga yang tertumpu pada Gerak Kerja Selamat, Gerak Kerja Sihat, Gerak Kerja Bersih dan Indah dan Gerak Kerja Sejahtera. Inisiatif ini bertujuan untuk mendukung hasrat kerajaan menjadikan Rukun Tetangga sebagai *entirety* yang inklusif.

Sehingga kini, terdapat 8,438 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara dengan seramai ahli jawatankuasa 210,000 orang dan penduduk seramai 12.5 juta orang. Pada tahun 2024 ini, fokus utama kementerian dan jabatan ialah untuk menggerakkan inisiatif pemeraksanaan rukun tetangga sebagai penggerak komuniti progresif. Kementerian telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan Rukun Tetangga sebagai penggerak komuniti progresif dalam lapan bidang seperti yang telah kami sebut dalam awal tadi.

Kita pun telah mendapat peruntukan pada tahun ini, RM20 juta untuk kita memulakan program kita lebih-lebih lagi yang menjurus kepada ekonomi dan sara hidup dan sebagainya.

Juga melalui peruntukan ini, kita akan mengambil inisiatif atau tindakan seperti berikut iaitu-telah mengambil inisiatif seperti berikut semasa *planning process*, kita sudah ada kerangka pemeraksanaan Rukun Tetangga sebagai penggerak komuniti progresif.

Kita pun sudah adakan Pelan Tindakan Pemeraksanaan Rukun Tetangga sebagai Rukun Tetangga Progresif dengan sembilan strategi dan lapan bidang tumpuan. Kita akan membangunkan sekurang-kurangnya 116 Rukun Tetangga- *Border Rukun Tetangga Progresif* bagi tahun ini. Daripada segi peruntukan lain, kementerian memperuntukkan geran berjumlah RM6,000 kepada setiap KRT di seluruh negara dan ini telah pun mengambil peruntukan lebih kurang dalam RM46 juta ke RM50 juta setiap tahun.

Perkara ini didapatkan oleh KRT-KRT untuk melaksanakan hampir 80,000 aktiviti di peringkat komuniti masing-masing. Lantaran...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Memohon mencelah?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Ya, sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Menteri. Memang tadi telah mendengar banyak program inisiatif yang baik, telah memupuk perpaduan di negara kita. Juga, difahamkan bahawa kementerian juga memberi banyak peruntukan, tetapi soalan saya ialah mengenai adakah program-program ini, ada kesan *tak*? Ada kesan, ada efektif? Ada *effective or not*? Kerana kita pun *tak* tahu selepas inisiatif program itu dilaksanakan, adakah sistem yang memantau *outcome* dia- bukan *output*. *Outcome* dia untuk mencapai semangat perpaduan? Terima kasih .

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Terima kasih Yang Berhormat. Memang itu hasrat kita sebab setiap kita adalah menjurus kepada pelan strategik yang kita sudah ada dan pelan strategik ini pun menjurus kepada nilai-nilai perpaduan. Nilai itu adalah memang ukurannya adalah dengan Indeks Perpaduan.

Setiap aktiviti kita, aktiviti yang besar-besar kita, kita bimbang ada pengecualian seperti kita mengadakan Sambutan Minggu Perpaduan di Kuching *last year* dan kita sudah mendapat penilaian yang amat membanggakan.

Tahun ini, kita akan adakan satu lagi Sambutan Minggu Perpaduan ini, kita akan adakan di Johor pada bulan Mei ini. Itu adalah program yang besar. Satu minggu kita buat program dengan pelbagai pengisian yang dapat membawa semua kaum daripada segi *race, religion* dan budaya untuk tampil ke tempat yang itu untuk bersama-sama meraikan...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Boleh tambah sikit Datuk? Ya, ya memang penilaian- *assessment* telah dijalankan dan pada pendapat daripada kementerian ialah bagus, *excellence*.

■1550

Akan tetapi kita nampak di negara kita baru-baru sahaja isu-isu, banyak isulah. Mengenai sangat sensitif ketegangan pada rakyat itu memang dibangkit. Oleh itu, / katakan penilaian yang terdapat itu memang bagus, tetapi apa yang kita nampak pada hari ini, isu-isu yang telah berlaku di negara itu tidak *reflect* apa yang kita perpaduan yang kita mencapai itu. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Memang benar Yang Berhormat dan sebab itu kita mohon kerjasama semua. Setiap program kita, kita memang sudah ada objektif sebenarnya. Kita *always go back to our* dasar. *Our strategy* dan pengukuran kita. Kita tidak boleh buat sebarang dan semua program- *ours is program based you know* memang untuk menghasilkan pengukuran KPI dia ada susah sikitlah, tetapi apabila kita melihat sambutan setiap kali kita mengadakan program ini sambutan itu amat menggalakkan. Di situ lah kita melihat apabila rakyat kita pelbagai kaum, agama dan sebagainya budaya untuk sama-sama menghadiri program kita adakan, itu dah satu kejayaan bagi kita.

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, Senator Dato' Kesavadas dan Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan bertanya supaya kerajaan akan mewujudkan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dan satu akta berkaitan keharmonian kaum.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan terdahulu pada tahun 2019 telah meneliti cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Perundangan dan Dasar-dasar Mempromosikan Keharmonian Negara di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara.

Susulan daripada itu dari bulan Mac 2019 hingga Februari 2020, sesi libat urus telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bersama pemegang taruh kerajaan, badan bukan kerajaan dan NGOs, pertubuhan masyarakat sivil atau CSO dan didapati cadangan untuk mengubur RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional tersebut tidak mendapat sokong pelbagai pihak. Beberapa kementerian dan atau agensi lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia telah mengemukakan beberapa pandangan seperti yang berikut.

Pertama, dikatakan bahawa cadangan untuk menggubal RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional tidak menerangkan secara jelas punca kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Kedua, kesalahan-kesalahan berhubung kaum dan agama seperti mengeluarkan kata-kata menyakiti perasaan sudah termaktub dalam Akta Polis, Kanun Prosedur Jenayah, Kanun Keseksaan, Akta Hasutan, Akta Penerbitan dan Mesin Cetak dan Akta Komunikasi dan Multimedia.

Ketiga, disyorkan suatu mekanisme lain ditubuhkan seperti majlis atau jawatankuasa kerana penubuhan suruhanjaya bebas akan memerlukan sumber kewangan serta operasi dan pentadbiran yang besar. Maka pada 10 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara meneliti cadangan RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dan kerajaan pada masa itu telah memutuskan penubuhan suruhanjaya ini tidak sesuai ditubuhkan.

Dalam masa yang sama, kerajaan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa bagi menangani isu-isu keharmonian agama dan perkauman seperti berikut telah ditubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara ataupun MPPN yang ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri II bagi menasihati kerajaan dalam hal ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional- *national integration or reconciliation* dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan.

Kedua, adalah untuk penubuhan Jawatankuasa Perpaduan ataupun MExUnity ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu perpaduan di peringkat negeri. Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada EXCO-EXCO Perpaduan di setiap negeri di Semenanjung dan juga di Sabah- Menteri-Menteri dari Sabah dan Sarawak. Kita juga telah adakan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama ataupun HARMONI yang berperanan untuk membantu kerajaan mempengerusikan persefahaman dan keharmonian antara penganut dan ini adalah dipengerusikan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Menteri Agama.

Sehubungan dengan itu, kementerian berpandangan bahawa suatu- baharu berkaitan keharmonian kaum adalah sesuatu yang perlu dikaji dengan teliti dan mendalam bagi kita dengan mengambil kira pelbagai sudut, sensitiviti dan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, *can I proceed*- boleh?...

Timbalan Yang di-Pertua: Lama lagi YB?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Ada dua, tiga lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Okeylah.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: YB nak habiskan saya benarkan.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *You* ada masa?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh... [Ketawa]

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Halim bin Haji Suleiman dan Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir telah menyentuh penggunaan Bahasa Kebangsaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Perkara 152 Perlembagaan Malaysia memperuntukkan Bahasa Kebangsaan di Malaysia adalah Bahasa Melayu. Bahasa Kebangsaan merupakan sebuah identiti nasional bagi sesebuah negara termasuk Malaysia. Pelbagai usaha rentas kementerian termasuk Kementerian Perpaduan Negara dilakukan antaranya adalah seperti berikut.

Kementerian menerusi Pusat Rujukan Malaysiana, Perpustakaan Negara Malaysia turut menyediakan perkhidmatan rujukan maklumat Malaysiana pada masyarakat Malaysia. Sebanyak 59,000 lebih judul dan 147,000 lebih naskhah bahan Bahasa Melayu yang telah diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 pada 2018 sehingga 2023 dan tersedia untuk rujukan. Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan Bengkel Bahasa Melayu untuk ekspatriat dengan kerjasama daripada kedutaan dan pesuruhjaya tinggi yang bertujuan untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu.

Kementerian juga melaksanakan Program Kalam Karyawan sejak tahun 2017 yang mengetengahkan keunikan dan keistimewaan hasil karya tokoh ilmuwan yang budayawan khususnya mereka yang mendapat pengiktirafan sebagai Sasterawan Negara. Kita juga adakan Kursus Bahasa Melayu yang dinamakan Biasakan Yang Betul, Betulkan Yang Biasa. Kita juga adakan Perpustakaan Negara juga turut menyemarakkan Bulan Bahasa Kebangsaan seperti Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat- Desa dan Bahasa Kebangsaan bersama sekolah dan sebagainya.

Baru-baru ini, Menteri Pendidikan turut mengatakan komitmen usaha memperkasakan Bahasa Kebangsaan akan jadikan agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk makluman, inisiatif Sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan merupakan satu langkah proaktif Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menjenamakan semula Bulan Bahasa Kebangsaan yang mana pelbagai kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan telah dilaksanakan di seluruh negara. Dalam hal ini, kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian juga ucapkan terima kasih atas perhatian dan sumbangan Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah terhadap isu-isu yang melibatkan golongan OKU dan cadangan menubuhkan Perpustakaan Khas untuk golongan OKU. Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah menyantuni keperluan OKU ini dengan menyediakan pelbagai kemudahan, perkhidmatan serta menjalankan aktiviti dan kerjasama bersama persatuan OKU penglihatan dan ketidakupayaan dicatatkan sejak 2017 lagi. Antara aktiviti bersama OKU dan dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Program Penyemarakan Perjanjian Marrakesh;
- (ii) Bengkel Penulisan Kreatif;
- (iii) Program Sehari Bersama OKU Penglihatan; dan
- (iv) kerjasama Persatuan Orang-orang Buta Islam Malaysia pada tahun yang lalu.

■1600

Pembabitan dalam promosi bahan bacaan boleh akses dan benefisiari diri-sempena Hari Tongkat Putih Sedunia anjuran *Society of the Blind in Malaysia* juga telah diadakan di Tasik Titiwangsa pada 15 Oktober tahun lalu. Satu lagi program, program pendidikan pengguna ataupun *user education for blind* bersama PERTIS telah pun diadakan tahun ini pada bulan Januari di sudut maklumat OKU Perpustakaan Negara Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Lama lagi Yang Berhormat?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Terakhir, saya akan sentuh soalan dengan MITRA. Ini adalah daripada soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam, Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker dan Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan yang kesemuanya menyentuh dengan masalah MITRA.

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia ataupun MITRA telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara berkuat kuasa 13 Disember 2023. Pindahan ini telah diwartakan pada 29 Januari 2024 melalui Warta Kerajaan Persekutuan No.4 2024.

Kajian telah dilakukan atas Pelan Tindakan Masyarakat India ataupun PTMI. Didapati hanya enam strategik daripada 23 strategik yang digariskan berada di bawah mandat MITRA. Oleh itu, antara kekangan utama dalam melaksanakan dan menjayakan Pelan Tindakan Masyarakat India sebelum ini adalah disebabkan limitasi mandat MITRA.

Kementerian sedang meneliti dan menyelaras semula pelaksanaan pelan tindakan ini supaya selari dengan mandat MITRA dan sekali gus dapat membantu dalam memperkasakan komuniti India di Malaysia. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kementerian tidak menghasilkan satu *blueprint* baharu, tetapi hanya menyelaraskan semua pelan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada pencelahan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Minta pencelahan, boleh?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Yes.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Program-program tahun 2023, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Adakah ia berjaya? 2023.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *That one I don't have comment* sebab pun saya tidak tahu keberhasilan- sebab saya baru masuk dan sebab itu saya telah mengadakan satu bengkel untuk melihat apa yang telah diadakan pada tahun-tahun lalu, tapi 2023 saya pun belum dapat *feedback* ke atas kejayaan. Kita masih- saya difahamkan program-program itu atau projek-projek itu masih berjalan. Kita haraplah ia akan bawa kejayaan menjurus kepada pelan tindakan yang sepatutnya.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat Speaker, bolehkah saya mendapatkan penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ini penjelasan, bukan celah sebab kita tak boleh celah sekarang.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Ya.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu kenapa MITRA ini dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan pada hal daripada *time* Dato' Sri Najib, masa itu SIDEC di bawah Jabatan Perdana Menteri?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Saya tak boleh jawab itu.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tak boleh?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Tak boleh saya jawab.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Kita kena tahu kenapa.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *I cannot answer your question. Sorry.* Saya jalankan tugas sahaja. Okey. Ia dipindah ke sini sana pun, itu prerogatif Perdana Menteri.

Jadi, kita telah mengadakan bengkel dengan menggunakan konsultan PEMANDU beberapa hari yang dulu, 20 ke-21 hari bulan dan sekarang ini *I think* PEMANDU dengan kementerian mungkin sedang melibat urus dengan Yang Berhormat YB-YB, MP dengan ADUN di bangunan sebelah. Mungkin Senator pun ada.

Saya difahamkan lebih 30 Yang Berhormat sedang ataupun akan bersama-sama libat urus dengan kementerian kita dan juga PEMANDU untuk menerangkan hala tuju yang telah dipersetujui masa kita mengadakan bengkel dua hari yang dulu.

Saya amat berterima kasih kepada PEMANDU yang telah bersetuju untuk bersama dengan kita mengadakan bengkel ini sebab saya sendiri apabila di kementerian ini, saya tidak mengenali sepenuhnya *blueprint* dan pelan tindakan yang dulu yang ada di masyarakat India. Dengan menggunakan PEMANDU ini, mereka telah pun membuat analisis ke atas...

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Penjelasan.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *Can I finish?* Okey. Mereka telah mengadakan analisis terhadap pelan tindakan dan juga *blueprint* itu di mana ia telah *progress* yang telah berjaya diadakan bagi masyarakat India di Malaysia ini dan menjurus kepada tujuan MITRA.

Di MITRA ini, baru-baru ini lepas kita adakan *workshop*, kita dapati kita perlukan fokus kepada *intention* atau mandat sebenar MITRA ini. Saya berharaplah laporan terakhir daripada PEMANDU ini akan dapat diambil kira dan dapat di-*adopt* oleh kementerian untuk menjayakan pelaksanaan projek-projek di bawah MITRA. Yes.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Yang Berhormat, boleh saya mendapatkan penjelasan? Yang Berhormat, setahu saya Yang Berhormat Batu telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa MITRA yang telah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, tapi pada waktu sama, Yang Berhormat Saraswathy juga merupakan Timbalan di bawah Menteri Perpaduan, tapi saya rasa terdapat kekeliruan siapa yang akan mengetuai MITRA dan siapa yang akan memberi *fund*. *Funding* akan diberi oleh- siapa yang akan *decide* tentang *funding* ini? Adakah MITRA akan *totally would be run by* PEMANDU ataupun Yang Berhormat Praba yang telah diamanatkan oleh Perdana Menteri?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Yang Berhormat. Okey. Yang Berhormat, tidak ada kekeliruan ya. Yang Berhormat Praba telah pun dilantik oleh Perdana Menteri untuk menjadi *Chairman* MITRA dan di MITRA ini mungkin ada pertukaran sedikit daripada segi nama jawatankuasa sebab daripada *workshop* yang kita adakan, dicadangkan komiti ini akan dinamakan *consultative council*, *MITRA Consultative Council* sebab bila fokus utama MITRA ini adalah kita ada RM1 juta untuk MITRA dan kita ada satu cabang lagi yang dikatakan dasar dan strategi.

Sebab semua projek ataupun program yang kita adakan di bawah MITRA itu adalah juga diadakan oleh kementerian-kementerian lain. Kementerian-kementerian lain adalah di mana bajet berbilion-bilion, MITRA cuma ada RM100 juta sahaja. So, kita akan buat dua buah cawangan supaya satu ialah menjurus kepada membantu MITRA.

Kalaulah MITRA ini banyak peruntukan diperlukan dan dalam satu sektor dasar dan strategi ini akan mencari di mana peruntukan atau di mana kementerian yang sama-sama mengadakan program yang sebegini. Seperti pendidikan. Daripada segi kesejahteraan, kita ada Kementerian Luar Bandar, berbilion di sana. Koperasi. Semua ini kita akan cantumkan di bawah satu- kerangka baharu. Memang Praba *will be there to head that* Majlis *Consultative Council* MITRA. Okey, ada lagi?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: PEMANDU Tuan Speaker, Tuan Yang di-Pertua, PEMANDU dibayar ataupun *pro bono* Yang Berhormat Menteri?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Memang dibayar.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Dibayar.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: PEMANDU dibayar oleh kementerian.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Kementerian, bukan duit MITRA?

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Bukan duit MITRA. Keliru, banyak keliru ini.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Okey.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Penjelasan. Menteri, saya faham bahawa Menteri telah melantik PEMANDU sebagai untuk menghasilkan satu *blueprint* untuk MITRA, tetapi saya rasa Menteri patut mendapatkan- membuat sesi libat urus atau mandat bersama semua Ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga ADUN-ADUN supaya- jikalau MITRA tahun ini tidak dapat menghasilkan satu *outcome* yang bagus, semua rakyat akan *blame* Yang Berhormat Praba, bukan...

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Faham Yang Berhormat.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Tak akan *blame* Yang Berhormat Menteri sebenarnya.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Faham Yang Berhormat. Sekarang, mungkin lepas ini nanti Yang Berhormat pergi ke *next block, you join the group there. The all the YBs* ada, tapi...

■1610

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: *This is after-* ini lepas yang kami *dok pressure* Yang Berhormat Menteri untuk membuat satu Sesi Libat Urus....

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Pukul 4 ya. Saya jemput YB ke Sesi Libat Urus petang ini jam 4.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Ya, ya. Ini lepas saya- kami *dok* membangkitkan isu-isu ini- "Mengapakah YB tak nak jemput kami?"....

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Dulu- YB, YB. Dulu apabila kita membuat program untuk adakan bengkel, YB-YB tak mahu bersama dengan publik ya. Sebab yang kita adakan pada 2021 itu kita...

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Tak, saya rasa Yang Berhormat Menteri patut *check letter*. Surat pertama yang kami terima adalah untuk menghadiri Sesi Libat Urus secara tiga jam sahaja Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *Okey YB. Okey, I think that is so overtaken by event. If you are not happy, you go join the group there. I think the process is still going on. There is no end to this. Alright? I'm just skipping here. Alright.*

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Okey, okey. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *When I- you see YB...*

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Saya berharap Yang Berhormat juga dapat bersama kita tidak lama lagi ya.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *Yes. You see...*

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *I don't know you people like to misinterpret my word. When I say I don't have interest, you say I don't have interest towards the MITRA. I don't have interest because there's nothing for me there. I'm only helping as a Menteri, alright. So...*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: *Sir, sorry. Sorry Sir. I think you have to be careful with your statement. You are the Minister. You got to be responsible. Why do you keep saying yes? You say- ya, I understand by what you mean- by no interest as in you have no interest in MITRA. That's fine, but then what is the harm in asking us about it? There was a Jawatankuasa which numbers of MPs and Senators were there. You have disbanded, you have not even mention what is our role. You just say- is that the rest of them were not there and in the last Dewan Rakyat seating, you said that you are most likely to bringing outsiders rather than politicians.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dengan izin...

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *That is totally a lie. Even you accuse I'm putting this to PEMANDU, that is totally a lie. I'm not that stupid.*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: *What has PEMANDU got to do MITRA Yang Berhormat Menteri?*

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *Because they are consultant.*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: *What has PEMANDU got to do MITRA? Why you keep saying PEMANDU?*

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *Ya, because they are consultant.*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: *I don't understand what has PEMANDU got to do with all these. We are the people who are responsible...*

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *I think enough YB. I think enough YB. I don't want to have this kind of dialogue with you. Alright. Thank you.*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: *No. We are the- no. no. You can't keep saying this because you are not giving us the answer that we are looking for.*

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *Yang Berhormat Speaker, that's all I have to say. Thank you very much.*

Tuan Yang di-Pertua: *Ya. Menteri has the floor. Jadi, biar Menteri menjawab, memberikan penjelasan. Ya.*

Datuk Aaron Ago anak Dagang: *Sudah habis Yang Berhormat Tuan Speaker. Dah habis.*

Tuan Yang di-Pertua: *Okey. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita ada dua kementerian lagi.*

Saya menjemput Kementerian Belia dan Sukan.

4.13 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Adam Adli Abd Halim]: *Baik. Bismillahi Rahmani Rahim...*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *Izinkan kita bertiga ini keluar untuk hadir mesyuarat MITRA sekarang.*

Tuan Yang di-Pertua: *Sila.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *Can I seek your permission, Speaker?... Okey.*

Tuan Adam Adli Abd Halim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Salam Malaysia MADANI.*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim telah menyampaikan Titah Baginda pada 26 Februari 2024 dan patik dengan penuh takzimnya merafakkan sembah serta menjunjung kasih ke atas Titah berkenaan. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan juga ucapan tahniah kepada Datuk Yang di-Pertua Dewan Negara; Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-20.

Datuk Yang di-Pertua, seramai dua orang Ahli Yang Berhormat Senator telah menyentuh perkara berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan semasa perbahasan menjunjung kasih Titah Diraja iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris. Secara keseluruhannya, sebanyak enam perkara berkaitan sukan telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan Negara ini.

Pertamanya Datuk Yang di-Pertua, isu Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Komanwel 2026. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas kerana membangkitkan perkara berkaitan cadangan Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Komanwel 2026.

Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum Jemaah Menteri pada 22 Mac 2024 telah pun memutuskan supaya kerajaan tidak menerima tawaran daripada Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) untuk Malaysia menjadi tuan rumah Temasya Sukan Komanwel 2026. Keputusan ini diambil setelah penelitian menyeluruh dilaksanakan terhadap kepelbagaian implikasi yang dijangka berlaku susulan daripada penganjuran berkenaan. Keputusan ini juga diambil untuk kerajaan memberi fokus kepada aspek pembangunan sukan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris telah pun mengangkat beberapa persoalan lain. Jadi, dalam isu antara lainnya had umur atlet akuatik terjun. Kementerian ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris kerana membangkitkan empat perkara berkaitan dengan pembangunan sukan akuatik terjun negara dan menyentuh mengenai inisiatif Liga Sukan Komuniti.

Namun begitu, sebelum meneruskan ucapan penggulungan, saya ingin menegaskan status perkahwinan tidak sama sekali menjadi faktor yang menyekat potensi dan menghalang perkembangan prestasi atlet. Kenyataan yang cuba mewujudkan perkaitan seperti ini boleh kita sifatkan sebagai satu stereotaip. Sehubungan dengan itu, saya menyeru untuk kita- semua menjadi suri teladan dalam memperkasa peranan wanita khususnya dalam lapangan sukan.

Jika kita masih ingat ketika saingan Sukan Olimpik 2012 di London, atlet menembak negara Nur Suryani Mohd Taibi bersemangat untuk bersaing demi negara walaupun ketika itu beliau sedang hamil. Ini membuktikan status perkahwinan tidak pernah menjadi halangan untuk sebarang atlet mencapai kejayaan yang membanggakan buat negara kita. Maka, berkaitan dengan penglibatan dan penggantungan terhadap atlet senior sukan terjun berumur lebih 30 tahun. Sukacitanya dimaklumkan bahawa pada ketika ini hanya tiga orang atlet akuatik terjun yang berumur lebih daripada 30 tahun dan disenaraikan di bawah program latihan kendalian Majlis Sukan Negara iaitu Datuk Pandelega Rinong, Wendy Ng dan juga Ooi Tze Liang.

Selain daripada itu, seramai 25 orang atlet akuatik terjun yang berada dalam Program Podium dan Program Pelapis Kebangsaan sekarang berusia kurang daripada 30 tahun. Untuk pengetahuan, antara yang paling muda yang berada di dalam Program Podium kendalian Majlis Sukan Negara di bawah sukan akuatik terjun sekarang adalah Cecelia Olivia daripada Sarawak yang berusia 13 tahun.

Dalam usaha untuk melahirkan atlet pelapis bagi Sukan Akuatik Terjun Kebangsaan, berkait dengan penyataan atau pertanyaan oleh YB Senator mengenai usaha yang dilaksanakan untuk melahirkan atlet pelapis kebangsaan dalam sukan akuatik terjun. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa menjalinkan kerjasama yang erat dengan Persekutuan Renang Malaysia dan telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif, antara lainnya iaitu:

- (i) pelaksanaan program pemulihan sukan akuatik terjun yang melibatkan aspek penstrukturan semula atlet dan kejurulatihan. Penstrukturan semula program latihan, memperkemas program bakat di peringkat negeri, mewujudkan program *fast track* bagi mengenal pasti bakat di seluruh negara dan menetapkan skor kelayakan minimum bagi penyertaan atlet ke kejohanan antarabangsa;
- (ii) mewujudkan sebuah program khas *Fast Track Road to Goal* dengan peruntukan sebanyak RM1.15 juta bagi persediaan dan persiapan ke Sukan Olimpik Los Angeles 2028 bagi sukan akuatik terjun dan skuasy. Atlet-atlet dalam program ini akan diberi kemudahan secukupnya daripada segi keperluan, kebajikan dan pendedahan di kejohanan tempatan dan antarabangsa;

- (iii) melantik bekas atlet terjun negara iaitu Bryan Nickson Lomas sebagai Pengarah Teknikal dengan dibantu oleh Khairul Safwan sebagai Pegawai Prestasi Tinggi;
- (iv) penghasilan pelan strategik yang bertujuan untuk mewujudkan sistem latihan yang menyeluruh dan sistematik di pelbagai peringkat; dan
- (v) merombak struktur latihan di mana kepakaran jurulatih dari luar negara bukan sahaja untuk Program Podium malahan turut melibatkan Program Pelapis Kebangsaan. Atlet-atlet pelapis kebangsaan turut diberi peluang dan juga ruang untuk bersama-sama dengan atlet senior menyertai latihan pendedahan di luar negara termasuk di Negara China dan juga Republik Korea. Pada ketika ini, terdapat 13 orang atlet pelapis akuatik terjun sedang menjalani latihan di bawah Program Podium dan 15 orang atlet di bawah Program Pelapis Kebangsaan. Bagi tujuan program pembangunan jangka masa panjang sukan akuatik terjun.

■1620

Berhubung dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator mengenai program pembangunan jangka masa panjang untuk sukan akuatik terjun ini, kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah pun melaksanakan program pelapis negeri untuk atlet yang berusia di bawah 21 tahun. Sehingga kini, seramai 88 orang atlet sedang menjalani latihan di tujuh- pusat latihan negeri.

Selain daripada itu, kementerian turut melaksanakan program bakat dengan tumpuan terhadap pembangunan atlet pada peringkat umur 13 hingga 15 tahun. Sehingga kini, terdapat 21 orang atlet yang sedang menjalani latihan di dua buah pusat latihan daerah.

Dalam soal keberkesanan Program Podium dan juga Program Pelapis Kebangsaan, berhubung pertanyaan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator mengenai keberkesanan Program Podium dan Program Pelapis Kebangsaan dalam kemajuan sukan akuatik negara, sukacita dimaklumkan bahawa atlet yang berada di bawah program ini telah pun mencatatkan prestasi yang membanggakan termasuk memenangi pingat emas di Sukan SEA Kemboja 2023, meraih pingat di Sukan Asia Hangzhou 2022 dan layak ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Berhubung juga dengan pengurusan penganjuran *Malaysia Sports League 2022* dan keberhasilan program ini. Berhubung dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator status penganjuran *Malaysia Sports League* dan keberhasilan program berkenaan, sukacita dimaklumkan bahawa program ini masih diteruskan dan bermula pada tahun 2023, ia telah pun dijenamakan sebagai Liga Sukan Komuniti. Program ini menjadi platform penyerlahan bakat dan pembudayaan sukan di peringkat akar umbi dengan memberikan fokus kepada peserta yang berusia 15 tahun ke atas menerusi pertandingan di peringkat daerah, negeri dan akhirnya kebangsaan.

Sepanjang tahun 2023, program ini telah pun berjaya menarik seramai 61,235 penyertaan dan pada tahun ini, kementerian menyasarkan sebanyak 68,500 daripada seluruh negara.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Boleh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri telah memberikan penerangan. Memang di negara kita ada banyak dan pelbagai sukan. Saya hendak tanya Timbalan Menteri, apa faktor yang akan dipertimbangkan untuk memberi utama atau kita katakan fokus kepada sukan itu.

Ini kerana banyak, tak tahu adakah faktor yang mendapat pingat emas akan diberikan fokus atau faktor apakah yang dipertimbangkan oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Terima kasih Yang Berhormat Senator, untuk pengetahuan Yang Berhormat, ia bergantung kepada dekat mana kita letak sasarannya. Contohnya, kita ada sukan sebanyak 103 sukan telah pun disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta Pembangunan Sukan berbanding hanya puluhan sukan sebelum ini. Maka dari situ kita kenal pasti pula sukan-sukan yang mana ada pengiktirafan antarabangsa, ada pasukan kebangsaan, ada badan induk yang mana boleh mewakili ataupun menjadi pengendali- *governor* kepada persatuan-persatuan di peringkat negeri dan daerah.

Kita juga kenal pasti sukan-sukan yang dipertandingkan di temasya besar, Sukan SEA, Asia dan Olimpik. Inilah sukan-sukan yang diberikan penekanan dan juga diberikan lebih perhatian. Namun, bagaimana sekalipun kita juga ambil maklum. Sebagai contoh, sukan yang tidak dipertandingkan di Olimpik selama ini, sukan *squash* ia tidak dipertandingkan di Olimpik, namun sukan *squash* ini diberi penekanan kerana ada pencapaian tinggi yang cukup membanggakan negara. Maka inilah antara faktor yang kita ambil kira dalam memberi penumpuan yang mana akan diterjemahkan kepada juga peruntukan yang diberi kepada sukan-sukan tersebut.

Walau bagaimana sekalipun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita juga ambil maklum bahawa kita tidak boleh hanya melihat kepada kategori sukan, kita juga harus melihat kepada kategori atlet yang bertanding. Oleh sebab itu, sekarang ini antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan adalah untuk memastikan atlet para terutama diberi layanan yang sama rata seperti atlet *able bodied* yang berjaya mencapai kemenangan buat negara. Sebab itu di bawah misalnya skim imbuhan kepada atlet-atlet yang mewakili negara, atlet-atlet para turut menerima imbuhan yang sama seperti yang diperuntukkan kepada atlet-atlet kebangsaan yang lain.

Kemudian, kita juga merujuk kepada suka-sukan yang sekarang ini dipertandingkan di peringkat MSSM, MSSD dan sebagainya. Inilah sukan-sukan yang kita turut beri penumpuan. Walau bagaimana sekalipun, tidak bermaksud kita mengabaikan sukan-sukan yang mungkin tidak disenaraikan di bawah program seperti podium ataupun pelapis yang dikendalikan di bawah Majlis Sukan Negara.

Kita terbuka malah kita sentiasa menggalakkan sukan-sukan baharu ini diperkenalkan dalam kalangan masyarakat, malah kita lihat menerusi Sukan SEA *Cambodia* tahun lepas banyak sukan baharu turut dipertandingkan yang mana kebetulan terdapat program asas ataupun- asas yang telah pun bermula di negara, maka kita boleh hantar beberapa orang atlet untuk mengikuti sukan-sukan ini termasuklah seperti contohnya *finswimming*. Ini salah satu cabang daripada sukan renang. *Floorball* salah satu- cabang daripada sukan hoki dan juga beberapa sukan lain yang agak baharu, mungkin belum dikenali dengan lebih meluas, namun sudah pun diiktiraf di bawah Akta Pembangunan Sukan Negara menerusi Jadual Pertama. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Datuk Yang di-Pertua, sedikit pertanyaan kepada Menteri, boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Isu Sukan Komanwel, Yang Berhormat Senator Hisam tertanya-tanya keputusan yang dibuat oleh Kabinet, Kabinet yang membuat keputusan, kelihatannya macam keputusan yang sangat mudah. Sedangkan kita di sini berbahas panjang, banyak cadangan yang kita telah berikan. Saya faham konteks kewangan yang akan boleh memberikan kesan. Cuma saya hendak bertanya, adakah- apakah posisi kita dengan Sukan Komanwel ini?

Adakah kita masih lagi Sukan Komanwel *friendly* dan akan menyertai sukan ini sekiranya diadakan di mana-mana juga dalam tempoh dua tahun ini atau pun kita *give it bye-lah*. Cuba tumpu kepada sukan-sukan *international*, yang betul-betul *international* dan tidak mempunyai konotasi sejarah kita di bawah naungan Komanwel. Terima kasih.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Saya beri sedikit maklumat tambahan berkait dengan Sukan Komanwel ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang pertama, ada delegasi daripada CGF yang telah pun bertemu dengan Menteri Belia dan Sukan, mengadakan sesi pendengaran dan juga penerangan. Tawaran kepada kita sebagai tuan rumah, yang mana ini turut dihadiri oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Amir Hamzah dan daripada situlah akhirnya dibentangkan kepada Jemaah Menteri iaitu tawaran CGF yang bernilai 100 juta *pound* atau RM603 juta ini tidak pun mampu untuk menampung kos keseluruhan penganjuran yang tentu sekali menelan belanja yang sangat besar nilainya. Tentu sekali dalam 'B' bukan lagi 'J', bilion bukan lagi juta dan impak ekonomi juga yang kita tidak dapat kenal pasti dalam jangka masa sekarang.

Maka sebab itu terdapat- maka sebab itu kita ambil keputusan, kerajaan ambil keputusan untuk tidak menerima tawaran tersebut. Namun tidak bermaksud kita tidak- kita menolak secara sepenuhnya Sukan Komanwel itu sebagai peserta. Bagi saya, kepentingan untuk kita menyertai Sukan Komanwel itu masih lagi tertakluk kepada beberapa perkara. Kalau tidak kerana hubungan sama Komanwel, anggota Komanwel itu sendiri pun, ia turut memberi- masih lagi memberi banyak pendedahan dan juga ruang kepada atlet-atlet kita untuk bersaing di peringkat antarabangsa, bersaing dengan negara-negara yang sebenarnya cukup berprestasi tinggi dalam sukan.

Ini menjadi satu bentuk kelebihan kepada atlet negara di mana ada negara yang tidak- bukan sebahagian daripada Komanwel, maka persediaan kepada temasya Sukan Olimpik misal selalunya tertakluk kepada sama ada Sukan Asia atau sukan benua sendiri.

Manakala kita, kita lebih beruntung kita ada Sukan SEA sebagai ruang untuk atlet pelapis, kemudian kita ada Sukan Asia dan juga Sukan Komanwel sebagai persediaan dan juga kelayakan tentu sekali pada Sukan Asia. Itu pandangan kita. Tidak ada keputusan ataupun tidak ada- belum ada lagi sebarang keputusan daripada pihak kerajaan ataupun pihak kementerian untuk menolak penyertaan ke dalam Sukan Komanwel, ia cuma terhad kepada keputusan sebagai tuan rumah.

■1630

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon pencerahan.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Bila tanya pasal sukan ini kita berminat juga. Apabila kita menarik diri daripada Sukan Komanwel, kita telah membuat satu keputusan, adakah kita hendak hantar signal kepada rakyat bahawa kita juga tidak berminat untuk menganjurkan Sukan Asia 2038?

Tuan Adam Adli Abd Halim: Minat atau tidak, itu lama lagi 2038 Sukan Asia itu belum ada perbincangan di peringkat kementerian. Kita beri tumpuan sebenarnya lebih kepada macam yang disebut tadi kebajikan dan kesejahteraan rakyat satu perkara, pembangunan atlet kita terutama di peringkat akar umbi. Menjadi tuan rumah ini bagi saya satu tugas yang sangat besar, menelan belanja yang sangat besar. Malah ada negara, banyak kes negara di mana menjadi tuan rumah pada satu-satu temasya yang berskala besar ini akhirnya tidak dapat pulih dari sudut ekonomi dan juga pelaburannya.

Maka kita harus sangat berhati-hati memandangkan terutama bagi pandangan di peringkat kementerian juga kita masih lagi mempunyai peruntukan yang sangat terhad apabila kita bercakap soal perbelanjaan untuk sukan, sektor sukan. Kita sangat bergantung kepada biaya yang dikeluarkan oleh kerajaan berbanding dengan pelaburan yang dikeluarkan oleh sektor-sektor lain.

Maka kita harus lebih berhati-hati apabila kita bercakap soal membelanjakan wang untuk tujuan contohnya menjadi tuan rumah berbanding dengan membelanjakan wang dalam tujuan atau bagi tujuan lain seperti pembangunan. Sebab itu saya kira lebih baik untuk kita bagi tumpuan sebarang perbincangan untuk menjadi tuan rumah ini, kita sentiasa ambil maklum dan kita sentiasa beri pertimbangan yang sewajarnya. Ia akan dibincangkan jika ada sebarang cadangan. Contohnya untuk Sukan Asia 2038 jika ada sebarang perbincangan, itu kita akan maklumkan dari semasa ke semasa.

Namun bagi saya untuk satu tempoh yang sangat jauh 2038 itu kita mungkin perlu semak dahulu apa bentuk perancangan masa depan yang kita ada berdasarkan kepada visi sukan dan dasar yang sedia ada.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Yang Berhormat Menteri kena...

Tuan Adam Adli Abd Halim: Sekarang pun Dasar Sukan pun sampai 2030, maka kita...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Ya sebab yang dekat kita tolak, yang jauh kita tak nak layan. Tidak tahu mana satu kita nak ini kan. Ini yang kita kena bagi satu keputusanlah yang *firm* kepada rakyat. Sebenarnya dalam bidang sukan ini ke mana kita nak bawa? Kalau kita ada hasrat untuk jadi tuan rumah, acara apa? Takkan setakat Sukan SEA sahaja kan? Kita pun nak tengok Asia, kita hendak tengok Komanwel dan acara-acara lain. Jadi, saya hendak jelaslah benda ini kan sebab dekat kita tolak, jauh pun kita hendak tolak ataupun kita tidak ada perancangan. Jadi susah kita hendak jawab kepada rakyat.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Terima kasih. Belum ada perancangan, bukan tidak ada perancangan. Macam saya sebut tadi, kita kena- dalam merancang itu bukan kita hanya boleh letak niat kata kita hendak buat, kita kena banyak lihat kepada kos. Kita juga kena lihat bukan hanya pada impak ekonomi tetapi sebaliknya juga kita sebagai tuan rumah perlu lihat juga perkembangan atlet kita di tahap mana.

Kita tidak boleh dengan semberono mengatakan bahawa kita mahu jadi tuan rumah hanya kerana kita ada- contohnya *national pride* dan sebagainya. Malah kalau kita hendak usik sedikit, singgung sedikit ini *I think is an open secret* di mana Sukan Komanwel 1998 juga belanjanya sangat tinggi yang mana termasuk orang-orang yang mengendalikan- syarikat dan juga agensi sukan tersebut juga penganjurannya pada 1998 juga masih menasihatkan untuk kita lebih berhati-hati supaya tidak mengulangi beberapa khilaf ataupun kekurangan yang timbul daripada situ.

Sebab itu *I think* Yang Berhormat Senator, bukan kita tidak mengatakan bahawa kita takut ataupun kita tidak ada perancangan masa hadapan, namun dalam kita hendak letakkan satu matlamat, biar kita sudah pun ada satu buah pelan yang cukup baik. Bagi saya itu lebih bertanggungjawab dan bagi saya itu lebih- yang paling penting itu lebih realistik.

Mungkin kedengarannya agak kurang, mungkin dilihat agak main selamat, namun bagi saya dalam keadaan sekarang situasi ekonomi dan sebagainya dan berdasarkan kepada setiap isu dan aspek yang masih belum selesai dalam kalangan kita secara domestik ini sendiri lebih baik kita selesaikan masalah, tetapi saya yakin bahawa kita di peringkat Kementerian Belia dan Sukan memang sentiasa bercita-cita untuk melihat negara kita mampu untuk jana contohnya ekonomi dari sudut sukan. Sebab itu diwujudkan contohnya Sekretariat Industri Sukan untuk meneliti dan mengkaji bagaimana untuk kita menjadikan sukan sebagai sektor yang boleh membawa pulang ekonomi yang baik kepada negara.

Bagaimana juga kita dari semasa ke semasa berusaha untuk mewujudkan akaun satelit bagi sukan juga untuk mengkaji dan memastikan ada angka yang tepat dari sudut hasil yang boleh dijana menerusi sukan. Kalau kita lihat sekarang juga ada beberapa perkara yang sedang dibincangkan. Ada beberapa penganjuran mungkin bukan dalam skala seperti Sukan Asia, Sukan Komanwel atau pun Sukan Olimpik, namun beberapa acara sukan yang bersifat antarabangsa yang menarik minat daripada penggiat di luar negara, sentiasa diadakan dalam negara dari semasa ke semasa dan kita boleh nampak hasilnya. Mungkin itu boleh menjadi asas kepada penganjuran yang lebih besar pada masa hadapan, *insya-Allah*.

Akan tetapi kami terima pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Senator dan saya ucap terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Saya percaya Yang Berhormat Senator memang seorang yang cukup dekat dengan sukan dan sentiasa memberi pandangan yang cukup baik walaupun kadang-kadang kritikal. Terima kasih.

Datuk Noraini binti Idris: Mohon pencerahan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Noraini binti Idris: Okey, tadi Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa dalam *speech* saya bahawa saya membuat anggapan bahawa atlet wanita yang sudah berkahwin itu tidak lagi- anggapan stereotaip mereka tidak boleh lagi *participate* dalam acara sukan. Sebenarnya saya tidak buat tanggapan begitu. Saya cuma buat perbandingan daripada segi kita punya persiapan, pembangunan dan kesiapsiagaan atlet kita yang mengambil bahagian dalam sukan-sukan yang berprestij.

Oleh sebab saya buat perbandingan atlet kita dengan atlet China. China punya atlet yang umur belasan tahun mereka sudah *groom* untuk menjadi atlet supaya mereka dapat bawa ke sukan-sukan antarabangsa. Itu maksud saya, bukan tanggapan stereotaip pasal yang sudah berkahwin. Terima kasih.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya faham kalau Yang Berhormat Senator bukan maksudkan begitu. Tak mungkin Yang Berhormat Senator sebagai salah seorang pemimpin wanita untuk- kita cuma bagi peringatan secara *general*, secara am supaya kita dalam meneliti atau dalam menilai atlet kita, kita jangan orang kata cenderung, jangan terjadi kita *discriminate*, tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, memang daripada program terutama dalam Program Pelapis.

Atlet yang paling berusia dalam kalangan atlet pelapis kita untuk sukan akuatik adalah usianya 19 tahun manakala yang paling muda macam saya sebut tadi umurnya 13 tahun. Kalau saya sebutkan rata-rata yang usia paling ramai adalah sekarang 17 tahun iaitu seramai lima orang. Kita juga bukan terhad kepada Program Pelapis, kita juga melihat kepada banyak program pembangunan yang dari semasa ke semasa kita cuba *discover*. Kita juga di peringkat Kementerian Belia dan Sukan ada satu lagi program yang kita panggil sebagai Program Pembangunan Sukan Terjun.

Ini ada peruntukan-peruntukan yang- Program Pelapis Kebangsaan ini ada peruntukan khusus yang kita bagi. Jadi, maksudnya bukan hanya terhad kepada Program Pelapis di bawah MSN tetapi juga di luar sana kita mahu pastikan cukup luas *talent pool* kita walaupun ada keterhadannya terutama daripada segi fasiliti. Namun kita hendak pastikan setiap masa kita dapat *discover* atlet-atlet baru dalam kalangan anak-anak yang jauh lebih muda.

Ini bagi saya, pendapat saya Yang Berhormat memerlukan banyak kerjasama sebenarnya dengan pelbagai kementerian dan agensi lain yang mana kita tidak boleh hanya berharap kepada satu- agensi seperti Majlis Sukan bersama di peringkat negeri ataupun peringkat Persekutuan. Kita juga harus adakan kerjasama dengan pihak kementerian lain, Kementerian Pendidikan, KPT dan sebagainya dan ini memang adapun usaha yang telah kita laksanakan menerusi yang saya sebut awal dahulu.

■1640

Dalam Dewan ini pernah saya kemukakan iaitu *high-level committee* yang ditubuhkan menerusi Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan dan *high-level committee* ini meliputi wakil-wakil daripada kementerian lain untuk meneliti sebarang program bersama yang boleh dibuat dan daripada situ contohnya kita daripada turut capai keputusan-keputusan lain seperti penarafan sukan tempur di sekolah-sekolah daripada badan beruniform kepada aktiviti sukan dan sebagainya.

Jadi ini antara ruang yang wujud untuk pastikan ada daripada masa-ke-semasa usaha untuk kita cari dan teroka bakat-bakat muda ini *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Boleh ya saya teruskan? Saya ucap terima kasih kepada semua maklum balas yang telah pun ditimbulkan sepanjang penggulungan ini. Saya ucapkan terima kasih atas sokongan Yang Berhormat sekalian kepada inisiatif yang digerakkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan sekali lagi kepada semua perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kita sepanjang tempoh perbahasan menjunjung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini semoga perhatian yang kita beri ini meningkatkan lagi keupayaan kementerian untuk terus gigih meningkatkan kualiti belia dan memartabatkan sukan negara.

Dengan lafaz *wabillahitaufig walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Sekian terima kasih. Saya gulung ucapan saya hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kementerian terakhir pada petang ini ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Saya menjemput Menteri untuk membuat perbahasan.

4.12 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Datuk Armizan bin Mohd Ali]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-20.

Datuk Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi mewakili seluruh warga KPDN dengan penuh takzim menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang telah disampaikan pada Isnin 26 Februari yang lepas sempena Pembukaan Rasmi Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ikrar taat setia sempena pemsyukuran Baginda dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah sebagai Yang di-Pertua Agong dan Raja Permaisuri Agong yang Ke-XVII pada 31 Januari yang lalu.

Di kesempatan ini juga saya dan sekalian warga KPDN merafak sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli Yang Maha Mulia Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar al-Haj yang telah tamat tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-XVI.

Datuk Yang di-Pertua perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan yang mulia ini telah berlangsung selama empat hari iaitu dari 18 sehingga 21 Mac 2024. Sepanjang tempoh tersebut seramai 20 Ahli Dewan Negara telah menyentuh isu dan perkara yang terkait dengan tiga teras kefungisian KPDN iaitu:

- (i) mewujudkan perdagangan dalam negeri yang sihat dan progresif;
- (ii) mendaya upayakan pengguna; dan
- (iii) juga peranan KPDN sebagai urus setia kepada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)

Saya mohon izin sebutkan Ahli-ahli Dewan Negara yang telah membangkit perkara berkaitan dengan KPDN. Yang Berhormat Puan Susan Chemerai Anding, Yang Berhormat Tuan Michael Mujah Lihan, Yang Berhormat Dato' Ahmad Dato' Sri Haji Ibrahim, YB Dato' Sivaraj a/l Chandran, Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah Musa, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan, YB Tuan Musoddak bin Ahmad, YB Tuan Pele Peter Tinggom, YB Datin Hajah Ros Suryati Alang, YB Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai, Yang Berhormat Tuan Seruandi Saad, Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam Hamzah, YB Tuan Manolan bin Mohamad, YB Tuan Ir. Md Nasir Hashim, YB Datuk Lim Pay Hen, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Nasir Haji Idris, Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee, Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah, Yang Berhormat Tuan Roderick Wong Siew Lead dan yang terakhir Yang Berhormat Datuk Noraini binti Idris.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala pandangan, syor, kritikan dan cadangan yang konstruktif untuk KPDN melakukan usaha penambahbaikan baik daripada aspek pelaksanaan program sehingga perluasan ikhtiar dan usaha kami di KPDN yang mahu memastikan rakyat menerima manfaat daripada segala perancangan yang dibuat.

Datuk Yang di-Pertua, hampir keseluruhan daripada perbahasan Yang Berhormat di Dewan ini menyentuh isu berkaitan kos sara hidup. Sebahagian besarnya menyebut secara sepintas lalu dan secara umum sebahagiannya terkait dengan bidang tugas kementerian lain selain isu-isu yang secara langsung merujuk kepada bidang tugas KPND.

Mohon izin untuk saya memulakan jawapan dengan memberikan respons kepada persoalan umum yang dibangkitkan isu kos sara hidup dengan bersandarkan sistem ekonomi negara yang telah diamalkan sejak sekian lama. Datuk Yang di-Pertua, salah satu indikator dalam kita melihat isu kos sara hidup adalah rujukan pada kadar inflasi negara.

Berdasarkan laporan DOSM kadar inflasi negara pada tahun 2022 adalah 3.3 peratus dan menyederhanakan kepada 2.5 peratus pada tahun 2023. Laporan DOSM juga mendapati kadar inflasi negara terus stabil bagi bulan Januari 2024 iaitu 1.5 peratus kadar yang sama sejak November 2023.

Namun demikian, data tersebut tidak bermaksud bahawa kita berada dalam *denial syndrome*, dengan izin, ataupun kita alpa terhadap dugaan rakyat berhadapan dengan isu kos sara hidup. Ini merupakan cabaran yang perlu kita tangani setiap masa dalam kita mengadaptasi sistem ekonomi pasaran bebas apabila harga barang dan perkhidmatan banyak dipengaruhi dan bergantung pada faktor permintaan dan penawaran, *demand and supply*, dengan izin. Situasi ini berlaku di seluruh dunia dan masing-masing negara mempunyai *pinpoint* atau titik sakit masing-masing.

Datuk Yang di-Pertua, melalui sistem ekonomi pasaran bebas dalam banyak hal pasaran ditentukan oleh sifar asas *supply and demand*, dengan izin, *willing buyer and willing seller*. Sistem yang mengupayakan menginovasi, sistem yang dikatakan bersandarkan kuasa pengguna untuk menentukan produk dan perkhidmatan itu berjaya atau sebaliknya dalam pasaran.

Namun begitu dalam banyak keadaan, kerajaan perlu melakukan intervensi dan menentukan kaedah mitigasi bersesuaian dalam menentukan rakyat secara keseluruhannya mendapat perlindungan daripada kuasa pasaran yang terlalu bebas.

Dalam perkara-perkara yang memerlukan intervensi kerajaan dalam apa jua bentuk sama ada subsidi, insentif, bantuan, tarif, percukaian, perundangan, peraturan, garis panduan dan penguatkuasaan yang akan dilakukan dengan sebaik mungkin. Sehubungan itu KPND sentiasa peka dengan cabaran ini dan terus komited dalam menangani situasi berasaskan program-program intervensi yang penting.

KPND akan melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin merangkumi punca kuasa 31 akta, 21 peraturan dan perintah dan juga 11 garis panduan. Sebagai contoh aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang merupakan fungsi utama kami di KPND akan terus diperkasakan dalam memastikan kestabilan bekalan barang keperluan dalam pasaran dan mengelakkan masalah bekalan makanan melalui kerjasama merentasi kementerian khususnya kementerian yang penting yang sama-sama adalah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan juga Kementerian Pelaburan Perdagangan dan Industri (MITI)

■1650

Justeru itu, bagi memastikan kestabilan harga barang di pasaran seramai 939 Pegawai Pemantau Harga (PPH) melakukan pemantauan harga ke atas 480 jenis barangan meliputi lebih 1,500 buah premis setiap hari. Data ini dikumpulkan dan dianalisis untuk melihat pergerakan harga barang supaya tindakan penguatkuasaan dapat diambil dan membolehkan pengguna membuat pilihan melalui perbandingan harga dalam aplikasi *PriceCatcher* yang telah kita bangukan.

Seramai 2,269 orang pegawai penguat kuasa juga sentiasa gigih dalam menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa menggunakan berbagai-bagai strategi penguatkuasaan ke atas semua premis perniagaan termasuklah di kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, sekiranya berlakunya ketidakpatuhan akan digunakan untuk membendung sikap peniaga yang tidak bertanggungjawab atas kekhawatiran berhubung kenaikan harga sepanjang bulan Ramadhan dan menjelang Hari Raya Aidilfitri termasuk di bazar-bazar Ramadhan, kita telah melancarkan Ops Pantau bermula 12 Mac 2024 yang lalu. Setakat semalam 25 Mac 2024, sejumlah 23,562 buah premis telah diperiksa dan sejumlah 726 aduan diterima di seluruh negara. Saya ingin berikan penegasan KPDN serius dengan usaha pemantauan kepada sebarang elemen ketidakpatuhan.

KPDN juga melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan. Bagi tahun 2023 sahaja, skim ini meliputi jumlah keseluruhan sebanyak 57 hari setahun. Maksudnya dalam 57 daripada 365 hari setahun pada tahun 2023, kita melaksanakan skim harga maksimum dalam menghadapi perayaan-perayaan tertentu dan juga kita akan melaksanakan skim ini menjelang Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Bagi membendung kekhawatiran rakyat termasuklah ramai dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, KPDN juga telah memulakan Ops Kesan 2024 bermula 1 Mac 2024 yang bertujuan untuk memantau kesan pelaksanaan peningkatan kadar cukai perkhidmatan daripada enam peratus kepada lapan peratus. Ops Kesan ini digerakkan di bawah AKHAP Akta Kawalan Harga dan Anti Percatutan dan fokus pemantauan dan penguatkuasaan adalah untuk memastikan peniaga di semua peringkat tidak mengambil kesempatan untuk mencatat atau membuat perubahan harga yang bertentangan dengan perundangan percatutan.

Setakat semalam 25 Mac 2024 sebanyak 10,952 buah premis telah diperiksa dan sebanyak 496 Notis telah dikeluarkan kepada peniaga yang didapati melakukan perubahan harga untuk mensyaratkan mereka membuat jawapan kepada notis tersebut asas dan juga justifikasi mengapakah perubahan tersebut dilakukan. Selain itu, operasi dan kaedah penguatkuasaan lain akan diteruskan melalui pelbagai operasi seperti Ops Terjah, Ops Catut, Ops Pasar, Ops Tiris, Ops Bersepadu, Ops Samar dan banyak lagi yang akan dilaksanakan dan sedang dilaksanakan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada beberapa kalangan Ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara spesifik beberapa perkara berkaitan pelaksanaan program dan iktikar yang diterajui oleh KPDN. Pandangan yang diberikan, saya sifatkan amat penting dan mustahak dalam merealisasikan peranan Dewan Negara sebagai elemen semak dan imbang, dengan izin, akan segala usaha yang kita lakukan di KPDN dan antara program-program yang disentuh antaranya:

- (i) tentang pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah;
- (ii) peranan MyCC dalam isu kartel;
- (iii) isu penyasaran semula subsidi;
- (iv) isu perlindungan pengguna atas talian; dan
- (v) Kempen Beli Barangan Malaysia.

Pertama berkaitan dengan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mohon, mohon menceleh sikit Yang Berhormat.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya memohon pencerahan. Saya rasa sangat bagus penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma tadi masih dalam isu *supply and demand*. Mungkin bila kita dengar tadi itu, rakyat di bawah, ramai di bawah melihat pada sudut kelemahan penguatkuasaan. Setakat mana kita boleh ulas bahawa ada kemungkinan *efficiency* dari sudut penguatkuasaan kita tidak cukup.

Saya sebut contoh misalnya kalau dulu isu anti sorok, sekarang sangat popular dengan isu *repacking*. Contohnya beras kita dengan 63 *percent*, import kita cuma 37 *percent*, Itu pun dah ada yang bermasalah, tetapi yang di pasaran kena nampak adalah beras import, sangat kurang beras tempatan. Ertinya berlaku yang besarnya adalah *repacking*. Di situ yang masyarakat melihat bahawa kemungkinan ada kekurangan *efficiency* kita dalam bidang penguatkuasaan. Mohon pencerahan Yang Berhormat.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, saya fikir perlu saya perelaskan berkaitan dengan penguatkuasaan isu beras di bawah Akta 522, Akta Kawalan Padi dan Beras. Peranan penguatkuasaan adalah sebenarnya di bawah bahagian kawal selia padi dan beras Kementerian Pertanian. KPDN tidak mempunyai punca kuasa untuk melakukan penguatkuasaan dalam perkara yang berkaitan dengan industri padi dan beras.

Namun, dalam memainkan peranan *whole of government approach*, melalui pemantauan yang dilakukan oleh pegawai pemantau harga dan juga penguat kuasa kita, sebarang isu terkait, kita sedang dan sentiasa bersedia untuk menyalurkan maklumat kepada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras. Ini yang saya fikir saya perlu sebut sebab sering dinyatakan tentang penguatkuasaan ini dalam isu terkait dengan padi dan beras ini disebut tentang KPDN ya. Sebenarnya Akta 522 telah meletakkan secara jelas punca kuasa penguatkuasaan itu adalah kepada Kementerian Pertanian melalui Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras.

Kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, saya maklumkan bahawa di KPDN penguatkuasaan kita ada dalam anggaran 2,200 orang Pegawai Penguat Kuasa di seluruh negara dan kita memang berusaha untuk menambah baik kerjasama itu sebabnya melalui *whole of nation approach* bukan hanya kita bergantung kepada pegawai penguat kuasa kita, kita juga membawa bersama NGO, hero-hero pengguna dan juga masyarakat secara keseluruhannya.

Itu sebab kita sentiasa terbuka melalui platform-platform aduan yang ada supaya pengguna menyalurkan sebarang aduan kepada kita dan saya berikan *assurance* di sini sebaik kita mendapat aduan dengan maklumat yang boleh membantu kita untuk melakukan siasatan segera, *insya-Allah* kita akan bergerak untuk memastikan kita dapat membuat siasatan, pemantauan dan juga penguatkuasaan.

Jadi, saya mengalu-alukan *concern* keprihatinan Yang Berhormat dalam isu penguatkuasaan ini dan kita akan melaksanakan apa juga perkara dan penambahbaikan dan saya boleh sebutkan di sini bahawa kita juga ada memohon kepada kerajaan pada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kita membuat pengisian penuh. Bukan perjawatan baharu. Pengisian penuh, perjawatan sedia ada pegawai penguat kuasa kita dan *insya-Allah* kita difahamkan mendapat respons yang positif.

Saya mengharap juga sokongan daripada Ahli-ahli Dewan Negara sebab memang daripada segi jumlah penguatkuasaan itu jauh daripada mencukupi. Apatah lagi kita berhadapan dengan landskap yang memerlukan pemantauan yang lebih teliti dari dalam konteks kita melindungi kepentingan dan juga hak pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan- saya teruskan dengan inisiatif Payung Rahmah yang secara spesifik disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi Saad dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, ada?...

Seorang Ahli: Ada, ada.

■1700

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Ada. Okey.

KPDN telah memperkenalkan konsep Rahmah melalui Program Payung Rahmah sejak 11 Januari 2023 dan telah mendapat sambutan menggalakkan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil dapatan Kajian Impak Payung Rahmah pada akhir tahun 2023 mendapati 81 peratus rakyat Malaysia berpuas hati dengan pelaksanaan Program Payung Rahmah yang meliputi inisiatif-inisiatif seperti Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Pakej Rahmah dan Menu Rahmah.

Hasil kajian juga menunjukkan 87 peratus daripada responden menyatakan sokongan yang padu supaya Program Payung Rahmah dikekalkan. Antara pengukuhan yang telah kita laksanakan, yang pertama adalah kita memperkenalkan inisiatif Ihsan Rahmah iaitu membawa, menjemput *on board* pihak swasta dan industri yang antara lain telah bersetuju untuk kita menggerakkan bersama apa yang kita namakan Program Jualan Ihsan Rahmah (PJIR) musim perayaan iaitu kita gabungkan kerajaan, KPND itu sendiri dan juga *stakeholders* kita daripada industri untuk bersama-sama menggerakkan PJIR tersebut.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Mohon mencelah Yang Berhormat ya.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Sila.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Boleh bertanya Yang Berhormat? Program Jualan Rahmah adalah program yang amat baik membantu meringankan beban rakyat dalam perbelanjaan seharian. Seperkara dalam musim perayaan ini juga, isu yang menjadi bebanan rakyat terutamanya di Sabah dan Sarawak khususnya adalah isu kos kenaikan tambang kapal terbang yang amat mahal.

Semalam Kerajaan Negeri Sabah telah mengumumkan bantuan *one-off* RM600 untuk seorang pelajar Sabah yang ingin balik beraya. Persoalan, adakah Kerajaan Persekutuan juga khususnya melalui NACCOL mempunyai mekanisme khusus untuk membantu golongan terkesan? Sekian, terima kasih.

Datuk Armizan bin Mohd Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua mohon izin, tadi saya sebut saya habiskan sedikit. Yang pertama tadi peluasan Program Ihsan Rahmah, yang kedua kita kenalkan Bazar Rahmah Ramadan yang tahun ini kita tingkatkan 60 lokasi dan yang ketiga, kita juga telah memperkenalkan Kad Diskaun Rahmah. Terbaru yang kita umumkan sepanjang bulan Ramadan ini, 450 siri Program Jualan Rahmah Ramadan sedang berlangsung di seluruh negara.

Menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin maklumkan bahawa dalam kita menggerakkan inisiatif berkaitan kos sara hidup ini melalui NACCOL, pertanggungjawaban itu adalah merentasi semua kementerian. Di bawah NACCOL, selain daripada jawatankuasa induk, jawatankuasa eksekutif dan jawatankuasa pemantauan, kita ada tujuh kluster. Salah satu kluster tersebut adalah kluster pengangkutan yang diterajui oleh Kementerian Pengangkutan.

Saya ingin sebutkan sebenarnya Yang Berhormat, dalam kita menyantuni isu terkait dengan tiket kapal terbang yang mahal ini, Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia, sebenarnya pada tahun 2023 kali pertama diperkenalkan di bawah Kerajaan Madani ini, dua program melalui kluster pengangkutan yang digerakkan oleh Kementerian Pengangkutan. Pertama adalah inisiatif FLYsiswa, program FLYsiswa di mana setiap mahasiswa kita diberikan RM300 dengan izin, mereka boleh *redeem the coupon* untuk membuat pembelian bila-bila masa sepanjang tahun dengan kadar RM300.

Walaupun mungkin tidak menampung keseluruhan kos, tetapi sentuhan yang kita berikan. Itu program FLYsiswa yang diperkenalkan pada tahun 2023. Kedua adalah program Skim Harga Maksimum Tiket Musim Perayaan juga diperkenalkan pada tahun lalu dan telah pun mula dilancarkan juga di bawah Kementerian Pengangkutan.

Jadi kalau disebut oleh Yang Berhormat tadi, NACCOL ini bukan hanya Kerajaan Persekutuan, juga ahli-ahlinya juga kerajaan negeri. Jadi, kita amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah yang sebagaimana disebut semalam. Kerajaan Persekutuan nampaknya bagi RM300, Kerajaan Negeri Sabah bagi RM600 tambahan. Jadi RM900.

Jadi kepada mahasiswa, pelajar-pelajar Sabah itu, saya fikir kalau buat pembelian awal, sudah memadai untuk dapat tiket pergi balik. Kita mengharap juga kerajaan-kerajaan negeri yang lain untuk turut sama selain daripada komitmen Kerajaan Persekutuan ya.

Jadi kita gerakkan isu kos sara hidup ini *whole of nation approach*, bukan hanya agensi Kerajaan Persekutuan- negeri, tetapi juga sumbangan daripada industri untuk sama-sama terlibat bagi kita menjayakan program ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu, Program Jualan Rahmah ini konsepnya adalah tawaran barangan dalam Program Jualan Rahmah tersebut adalah dalam kadar diskaun 10 hingga 30 peratus daripada kadar harga di pasaran. Kita bersyukur pada tahun 2024 ini, Kerajaan Persekutuan, Kementerian Kewangan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meningkatkan peruntukan untuk pelaksanaan Program Jualan Rahmah ini kepada RM200 juta.

Kita memberikan komitmen bahawa program ini akan dilaksanakan dan sedang dilaksanakan di keseluruhan 222 buah kawasan Parlimen di seluruh negara. Penambahbaikan yang kita lakukan kerana pertamanya, kita ingin memberi akses kepada rakyat supaya mereka tahu penjadualan program ini dan juga untuk *negate*, dengan izin, persepsi bahawa program ini hanya dibuat di kawasan-kawasan Parlimen kerajaan.

Itu sebabnya bermula pada awal bulan Mac, kita telah meletakkan paparan penjadualan takwim Program Jualan Rahmah dalam laman sesawang KPDM untuk membolehkan sesiapa juga untuk dana rakyat kita melihat di manakah lokasi dan juga tarif pelaksanaan PJR- Program Jualan Rahmah di kawasan-kawasan berhampiran dengan mereka dan seterusnya mereka boleh membuat perancangan awal untuk pergi ke program-program tersebut dan mendapatkan manfaat yang ditawarkan dalam Program Jualan Rahmah.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2023 sahaja sebanyak 6,870 Program Jualan Rahmah telah dilaksanakan di keseluruhan 222 buah kawasan Parlimen. Rekod kita menunjukkan 9.2 orang pengunjung telah datang ke program PJR pada tahun 2023.

Untuk cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan supaya PJR diadakan di kawasan-kawasan orang asal, kita ambil perhatian sebagaimana pernah juga telah dibuat di kawasan Pos Brooke dan RPS Kuala Betis, Gua Musang. Kita mengalu-alukan bukan setakat Ahli-ahli Dewan Rakyat, begitu juga Ahli-ahli Dewan Negara sekiranya mempunyai syor di mana lokasi yang kita laksanakan program ini sepanjang bulan, bolehlah maklumkan, cadangkan kepada cawangan KPDM di sekitar kita untuk mengusulkan di mana tempat yang difikirkan adalah kawasan golongan sasaran yang benar-benar memerlukan manfaat daripada pemberian subsidi barang-barang ini yang digerakkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Susan Chemerai Anding dan Tuan Musoddak bin Ahmad membangkitkan tentang isu kartel yang terkait dengan fungsi MyCC. Untuk tahun ini, sebagaimana mandat yang telah diberikan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara supaya MyCC memberikan penekanan menyiasat kes-kes yang terkait dengan kartel industri makanan.

Yang Berhormat Puan Susan membangkitkan supaya ada undang-undang khusus untuk perolehan kerajaan bagi menangani aktiviti kartel. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa perkara berkaitan dengan kartel dalam perolehan kerajaan ataupun tipuan bidaan ini merupakan salah satu aspek komponen penting dalam undang-undang Akta Persaingan kita. Kita melihat kepada aspek sama ada dalam bentuk pakatan pasaran, pakatan harga, pakatan pengeluaran dan juga pakatan dalam melakukan tipuan bidaan.

■1710

Jadi, sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat Puan Susan, sememangnya telah wujud perkara tersebut dalam perundangan kita di bawah Akta Persaingan dan kita akan membuat gerakan yang menyeluruh, yang agresif pada tahun ini, juga dalam mengekang isu-isu terkait dengan kartel tipuan bidaan ini.

Ini kerana bagi kita sekiranya kita tidak meletakkan pendekatan yang bersungguh-sungguh, objektif agenda yang dibawa oleh kerajaan pada hari ini dengan memperbanyakkan tender-tender kerajaan secara tender terbuka, tidak akan mencapai matlamatnya.

Sekiranya akhirnya tender terbuka tersebut dikuasai oleh kartel-kartel yang akan menguntungkan hanya pihak-pihak tertentu dan tidak memberi ruang yang seadil-adilnya kepada industri ataupun peniaga-peniaga yang lain.

Jadi, kita memberikan komitmen selain daripada mandat MTEN yang ingin melihat, kita melihat lebih serius tentang kartel dalam industri makanan, kita juga akan memberi penegasan penguatkuasaan dalam isu yang terkait dengan kartel yang melibatkan tipuan bidaan dalam perolehan kerajaan.

Datuk Yang di-Pertua, berkaitan dengan pensasaran semula subsidi, kita tahu pada tahun 2024 ini, peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan sama ada dalam bentuk subsidi, geran, insentif dan sebagainya berjumlah RM58.1 bilion termasuklah Sumbangan Tunai Rahmah dan juga program-program sedia ada yang dilakukan oleh kerajaan.

Kalau di peringkat KPDN, ingin saya sebutkan antaranya selain yang saya nyatakan tadi, inisiatif Payung Rahmah, 200 juta, begitu juga Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*, 225 juta, Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak, 845 juta, Program *Port-to-Port*, Penyeragaman Harga Bagi Sabah, Sarawak dan Labuan sebanyak RM40 juta.

Datuk Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah masih berada di luar negara. Jadi, saya jawab secara bertulis soalan yang dibangkitkan oleh beliau. Begitu juga cadangan yang dikaitkan dengan Kempen Beli Barangan Malaysia. Jadi, Datuk Yang di-Pertua, untuk perkara-perkara lain yang dibangkitkan akan saya mohon untuk menjawab secara bertulis.

Namun, izinkan saya untuk kesimpulan ini menyebutkan bahawa kita di KPDN akan berusaha sebaik mungkin untuk melindungi hak dan kepentingan rakyat khususnya terkait dengan isu kos sara hidup. Namun, kita perlu menerima hakikat, walau bagaimanapun banyak subsidi, geran, penguatkuasaan yang dilakukan oleh kerajaan, salah satu- komponen penting juga adalah tentang mendaya-upayakan pengguna, peranan pengguna itu juga penting.

Itu sebab saya ada ditegur di Dewan ini kerana kenyataan saya tentang bila saya menyebut kuasa pengguna dan sebagainya. Bagi saya, kita perlu berlapang dada untuk menerima hakikat bahawa kita perlu mendaya-upayakan, menyuntik kesedaran pengguna-pengguna juga. Ya, kerajaan ada peranannya.

Kerajaan perlu memastikan penguatkuasaan sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi pengguna kita juga perlu *exercise*, dengan izin, *right to choose* salah satu daripada lapan hak pengguna untuk memastikan supaya penawaran dan permintaan market itu. *How market works* antaranya adalah melalui kuasa pengguna itu sendiri untuk membolehkan pengguna memilih barangan yang terbaik dengan nilai yang terbaik yang boleh akhirnya kita harap digabungkan dengan inisiatif kerajaan, bantuan penguatkuasaan akan dapat menstabilkan harga dan juga menstabilkan isu kos sara hidup kita.

Jadi, terima kasih banyak-banyak saya ucapkan kepada semua Ahli Dewan Negara. Saya juga ingin maklumkan kepada semua pihak, kita alu-alukan sebarang cadangan dan juga aduan melalui lapan buah platform sedia ada di KPDN. Kita tidak ada isu tentang di-*viral*-kan perkara-perkara tertentu. Itu juga adalah hak pengguna. Namun, *concern* kita di sini adalah apabila kita *viral*-kan dulu, pihak-pihak tertentu yang disyaki melakukan kesalahan tersebut, boleh menghapuskan bukti-bukti tertentu.

Jadi, sebagaimana saya sebutkan tadi, saya berikan komitmen, KPDN berikan komitmen, berikan maklumat pada saluran yang sedia ada, *insya-Allah*, kita akan bertindak serta-merta bersandarkan maklumat yang diberikan tersebut.

Jadi, terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas kata-kata yang dapat memberi jaminan kepada semua rakyat Malaysia tentang kos sara hidup dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk meringankan kehidupan rakyat setiap hari. Terima kasih dan Dewan berharap supaya segala langkah yang diambil oleh kementerian KPDM dapat sedikit sebanyak membantu rakyat Malaysia pada musim Ramadan dan merayakan Hari Raya nanti ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 27 Mac 2024.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.17 petang]